

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[RuaBgan 13893]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 13947]**

**USUL-USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 13947]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 14011]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAPIDAH Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAJM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok-Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S, SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luai Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, P.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M... D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

DR CHEN MAN HIN (Seremban).

TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).

TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

DR V. DAVID (Puchong).

„ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

„ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

„ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUAN HU SEPANG (Rasah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

„ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

„ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P.-(Tanjong Karang).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

„ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

„ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).

TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).

TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).

DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.M., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).

TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).

TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,  
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).

TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir  
Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zahsrah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mcjar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

Selasa, 10b November, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
perkerusi Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****MALAYSIA MINING  
CORPORATION—KAJIAN  
CARIGALI LOGAM**

**1. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengenai kedudukan kajian cari gali logam di Bukit Mengapur, Maran, Pahang yang dijalankan oleh Malaysia Mining Corporation (MMC) yang telah dijalankan 4-5 tahun yang lalu.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yeik);** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia Mining Corporation (MMC) telah pun menyempurnakan program penjelajahan untuk logam-logam asas dan bernilai di Mengapur. Hasil penjelajahan itu dengan jelas membuktikan terdapatnya enapan yang agak besar, logam-logam tembaga, plumbum, zink, perak dan emas. Pada masa sekarang MMC juga sedang menjalankan ujikaji galian dan ujikaji logam sebagai tambahan kepada penyiasatan-penyiasatan geologi dan geoteknik secara terperinci untuk menentukan penghasilan logam (metallurgical

recovery) dan lain-lain parameter yang berkaitan dengannya. Program selanjutnya ialah satu kajian kemungkinan yang akan menentukan sama ada enapan yang ditemui itu bernilai ekonomik dan berdaya maju untuk dilombong.

Langkah-langkah yang diambil oleh MMC itu adalah prosedur-prosedur yang standard yang diikuti oleh semua syarikat perlombongan dan diperlukan untuk mengasaskan keupayaan melombong sesuatu enapan bijih. Masa yang diambil oleh MMC bagi penjelajahan dan penilaian seumpama ini bolehlah dikatakan biasa. Ini memandangkan bahawa di bidang perlombongan selain daripada risiko tinggi yang harus dihadapi oleh seseorang pengusaha, tempoh masa yang panjang juga wujud di antara peringkat penjelajahan sehinggalah kepada peringkat perlombongannya.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah;** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar ada di antara barang-barang logam yang dibuat carigali di Bukit Mengapur seperti emas, contohnya, telah dibawa keluar oleh pekerja-pekerja pencahngali tanpa diketahui oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kalau benar, apakah langkah-langkah keselamatan bagi menjaga hasil tersebut dibawa keluar tanpa diketahui?

**Dato' Dr Lim Keng Yeik;** Saya tidak sedar atas perkara itu.

**PERUMAHAN PEMBANTU  
JURURAWAT/BIDAN—  
KEKURANGAN**

2. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan segera yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi kekurangan rumah tempat tinggal para Pembantu-pembantu Jururawat dan bidan di kawasan luar bandar di seluruh Negeri Sabah amnya dan kawasan Jambongan khasnya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian kepada keperluan perumahan kakitangan-kakitangan, terutama sekali yang sedang memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan pendalaman. Bagi Negeri Sabah, Kementerian Kesihatan akan membina beberapa quarters tambahan bagi kakitangan-kakitangan kesihatan di daerah-daerah Papar, Tuaran, Ranau, Beluran, Lahad Datu, Semporna, Keningau, Tambunan, Tenom dan Beaufort dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima.

Sejak beberapa tahun ini adalah polisi Kementerian untuk menyediakan rumah kediaman bersama dengan projek-projek kemudahan kesihatan yang dibina, terutama sekali di kawasan luar bandar seperti di Hospital Daerah di Kota Marudu yang mana quarters yang cukup akan dibina juga. Bagi kawasan Jambongan khasnya, Kementerian akan menambah rumah kediaman kakitangan iaitu 2 buah rumah Division III di Hospital Daerah Beluran. Pembinaan akan bermula dalam tahun 1988. Tidak ada projek yang dicadangkan untuk menambah quarters yang lain bagi kawasan Jambongan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan banyak rumah-rumah yang telah dibina di negeri Sabah.

Saya ingin bertanya berapakah keperluan rumah sebenarnya oleh pihak jururawat dan bidan-bidan di kawasan luar bandar di negeri Sabah dan berapa peratuskah rumah-rumah yang dibuat dari nisbah jumlah keperluan rumah oleh jururawat yang sebenar?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan itu dengan sepenuhnya, tetapi saya dapat mengatakan bahawa dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kelima ini sebanyak 218 quarters dirancang untuk dibina dengan memakan belanja lebih kurang \$9 juta. Keperluannya memang satu yang kita tidak dapat nilai pada masa ini, tetapi semua kemudahan baru yang dibina seperti di Klinik Desa atau Hospital Daerah dan sebagainya akan mempunyai quarters-quarters yang cukup, jadi bakinya kita akan cuba memenuhi apabila kiU mempunyai peruntukan yang cukup.

**PERTANIAN—PENGUBATAN  
ORANGRAMAI**

3. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertanian membehtahu apakah langkah-langkah yang berkesan diambil oleh Kementerian supaya orang ramai mempunyai insentif dalam bidang tanaman di negara kita. Dan adakah Kementerian tersebut akan menghapuskan pemberian-pemberian binatang ternakan kepada orang-orang kampung seperti lembu kerbau dan lain-lain, kerana didapati dalam hal pemberiwi ini banyak yang dukacita daripada yang sukacita, kerana Kementarian hanya dapat

memberi seekor lembu atau dua sahaja di satu-satu mukim atau kampung; katau tidak, adakah Kementerian akan menambah lagi angka-angka pemberian binatang ternakan supaya ramai yang mendapatnya.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang berkesan untuk menggalakkan penglibatan orang ramai dalam bidang pertanian. Di antara langkah-langkah yang telah dijalankan termasuk dari segi mengkaji semula insentif atau galakan yang terkandung di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan. Berikutan dari kajian semula tersebut liputan dan amaun galakan-galakan yang tertentu kepada sektor pertanian telah diperluas dan dipertingkatkan. Galakan-galakan yang disediakan terdiri daripada taraf perintis, elaun cukai pelaburan dan pertanian, elaun modal untuk kilang dan jentera dan eksport dan sebagainya. Kerajaan juga menyediakan kemudahan kredit untuk pembiayaan aktiviti-aktiviti pertanian melalui Bank Pertanian Malaysia dan Tabung Pelaburan Baru (New Investment Fund), dengan izin, yang disalurkan melalui Bank-bank Perdagangan. Di samping itu, usaha-usaha terus dijalankan untuk mengurangkan pengimportan jenis-jenis keluaran pertanian tertentu bagi menggalakkan pengeluaran tempatan.

Berkaitan dengan pemberian lembu, Kementerian Pertanian tidak pernah memberi lembu secara percuma kepada petani-petani. Lembu-lembu adalah diedarkan kepada petani sama ada secara sistem pawah atau dijual kepada petani dengan harga subsidi untuk melaksanakan projek penggemukan lembu atau projek tenusu. Adalah benar bahawa pada masa-masa yang lepas Kerajaan hanya mengedarkan

dua ekor lembu kepada seseorang penternak melalui cara-cara tersebut kerana usaha ternakan dianggap sebagai aktiviti sampingan semata-mata. Walau bagaimanapun sejak tahun 1984 program tersebut telah diubah corak menjadi komersial dan selaras dengan kaedah ini saiz unit ternakan telah ditambahkan secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan seorang penternak. Bilangan peserta projek-projek lembu akan ditambah secara berperingkat-peringkat selaras dengan pertumbuhan saiz pasaran untuk daging dan susu.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam sistem pawah adakah Kementerian berhajat untuk meluaskan bidang pawah daripada lembu kepada kambing biri-biri kerana saya difahamkan kambing biri-biri ini lebih resistant, dengan izin, dan juga membiak dengan kadar yang lebih banyak.

Yang kedua, adakah Kementerian berhasrat untuk memberi keutamaan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan dalam bidang pawah kambing biri-biri ini untuk menggunakan padang rumput yang terbiar? Terima kasih.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian ada rancangan untuk membesarkan sistem pawah termasuk kambing biri-biri—itu jawapan kepada soalan pertama.

Soalan kedua rancangan sistem pawah untuk membekal kambing biri-biri kepada Pertubuhan Peladang, itu akan dijalankan. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap mendapat jawapan yang tegas daripada Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat sedar

bahawa insentif-insentif dan juga subsidi yang diberikan kepada petani-petani di Malaysia ini masih terlalu rendah kalau sekiranya dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Eropah dan sebagainya. Jadi dalam hal ini apapun yang kita beri kepada petani kita akan menghadapi masalah terutama pasaran. Jadi saya ingin bertanya, adakah Kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan pemasaran ini dengan membeli semua sekali hasil-hasil petani, sama ada yang laku ataupun tidak laku dijual melalui FAMA dengan menambahkan peruntukan kepada FAMA?

Yang kedua, jawapan Yang Berhormat tadi bagus, tetapi dari segi pelaksanaannya sama seperti soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat dari Laut, jadi saya ingin bertanya pada Yang Berhormat. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Berapa soalan, Yang Berhormat?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dua sahaja. Sejauh manakah pelaksanaan kepada jawapan tadi dicapai, sebab di peringkat bawahannya masih tidak tercapai sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kalau insentif yang diberikan pada petani-petani dibandingkan dengan negara-negara yang maju memanglah negara kita tidak ada peruntukan yang cukup, oleh sebab subsidi-subsidi yang dibekah kepada petani-petani di negara-negara yang telah maju ialah dengan penuh dan negara kita tidak cukup kewangan untuk memberikan subsidi yang penuh, tetapi insentif yang kita berikan kepada petani-petani ialah samarata, pada insentif diberi dari segi perindustrian.

Berkenaan subsidi-subsidi kami rasa pandangan kami ialah subsidi-subsidi tidak boleh meningkatkan pendapatan

petani-petani yang betul, oleh sebab subsidi-subsidi tidak digalakkan meningkatkan produktiviti petani-petani.

Berkenaan pasaran, memanglah pasaran ialah satu masalah yang besar sekali, oleh sebab kalau petani-petani mengeluarkan hasil-hasil dan tidak boleh memasarkan hasil mereka, itulah satu masalah yang mereka hadapi dan sangat penting. Tetapi apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu pihak FAMA boleh membeli semua hasil daripada petani, itu bukan satu jawapan yang kita boleh dapat, sebab kalau FAMA beli semua hasil pun FAMA mesti jual juga dan kalau tidak dapat pasaran, itu menimbulkan masalah kepada FAMA dan menjadi tanggungjawab Kerajaan. Apa yang penting iaitu Kerajaan dengan sektor swasta boleh mendapatkan pasaran-pasaran luar negeri dan kita boleh meningkatkan kualiti hasil-hasil pertanian supaya kita boleh mengeksport hasil-hasil pertanian pada negeri-negeri asing.

Berkenaan pelaksanaan yang boleh dicapai itu memanglah bergantung kepada pegawai-pegawai dengan izin, ground level, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat boleh beri laporan kepada saya berkenaan apa-apa kesilapan yang dibuat oleh pegawai-pegawai kita boleh siasat.

## TULISAN JAWI

**4. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan tulisan Jawi adalah tulisan asal-tulin bagi orang-orang Melayu dalam negara ini sejak dahulu kala lagi. Hari ini hampir-hampir pupus disebabkan tidak adanya penghargaan di sisi Kerajaannya sendiri. Adakah ini menjadi suatu hasrat Kerajaan tidak mahu melihat Tulisan Jawi berkembang dan hidup dalam negara ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidaklah dapat dinafikan bahawa tulisan Jawi merupakan tulisan asal Bahasa Melayu bagi orang-orang Melayu. Dalam pada itu adalah tidak benar menjadi satu hasrat Kerajaan untuk melihat tulisan Jawi tidak berkembang dan tidak hidup di negara ini. Sebagai bukti langkah-langkah memperkembangkan tulisan Jawi di peringkat-peringkat sekolah telah, sedang dan akan dijalankan dengan menjadikan tulisan Jawi ini sebagai skrip pengantar dalam pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah, dan akan dilanjutkan di peringkat sekolah menengah dalam *Kuhkulum Bersepadu Sekolah Menengah*.

Tulisan ini bukan sahaja digunakan dalam pengajaran atau juga dalam pembelajaran malah buku-buku teks juga ditulis dalam tulisan Jawi. Ini bermakna Kerajaan memberi penghargaan terhadap tulisan Jawi dalam sistem pendidikan negara ini.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah tulisan Jawi kalau kita perhatikan hari ini merupakan sebagai "anak yatim". Dengan sebab itu saya ingin mengemukakan soalan tambahan, sebab saya ingat satu masa dahulu tulisan Jawi ini sampai berlaku demonstrasi di Singapura kerana mempertahankan kedaulatan bahasa.

Jadi sekarang saya ingin tahu dalam usaha Kerajaan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, apakah tulisan Jawi ini terlibat sama peranannya dengan tulisan Rumi. Kalau sekiranya tidak, mengapa dan kalau sekiranya ia, bagaimana. Yang kedua. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Satu lagi. Yang kedua, saya ingin tahu sejauh mana peranan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mendaulatkan tulisan Jawi ini dalam usaha menerbitkan buku-buku teks ataupun buku-buku bacaan umum dan seterusnya buku-buku ilmiah sebab hari ini saya tidak nampak pihak Dewan Bahasa sendiri memainkan peranan untuk mendaulatkan tulisan Jawi ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu memang tidak betul. Kalau sebagai "seorang anak yatim" ia tidak ada tempat tetapi tadi saya telah menjelaskan bahawa tulisan Jawi ini ada tempatnya dan ada penghargaan dalam sistem pendidikan negara kita.

Yang kedua, dalam mendaulatkan tulisan Jawi dan juga Bahasa Kebangsaan kita, program untuk menjagakan tulisan Jawi ini adalah rancangan yang dijalankan seiring.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tambun—minta maaf, Sik.

**Dato' Zainal Abidin bin Johari:** Bukan "s-i-c-k"! (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada soalan saya ini boleh dijawab oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, sebab beliau bukan seorang Islam dan, Tuan Yang di-Pertua, yang mempengerusikan Mesyuarat pun bukan Islam, tetapi saya hendak tanya jugalah.

Adakah Timbalan Menteri sedar bahawasanya banyak kanak-kanak sekolah kebangsaan dan menengah tidak tahu baca Jawi dan bila tidak tahu baca Jawi bermakna mereka tidak tahu membaca Al-Quran dengan fasih. Dan bila tidak tahu baca Al-Quran ini merenggangkan murid kanak-kanak yang masih hijau dan mentah ini kepada ajaran-ajaran

agama, sedangkan Kerajaan begitu beria-ia benar untuk menerapkan nilai-nilai Islam. Ini pohon penjelasan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa memang Kementerian sedar ada kelemahan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tetapi usaha terus dijalankan dan tumpuan diberikan dan kalau Yang Berhormat ada peluang melihat dalam program-program KBSR kita khususnya dalam pendidikan agama, tulisan Jawi adalah menjadi satu perkara yang sentiasa digunakan.

#### UMUR KEMATIAN PENDUDUK BANDAR-LUAR BANDAR

**5. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah satu perbezaan di antara umur kematian antara penduduk-penduduk di kawasan bandar dengan penduduk-penduduk di luar bandar. Jika ada sebab apakah perbezaan tersebut berlaku; adakah benar umur kematian di kawasan luar bandar telah menaiki pada tahun lapan puluhan, jika dibandingkan dengan tujuh puluhan dan jika benar sebab apakah kenaikan tersebut berlaku dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor adalah sungguh baik tetapi unik. Oleh kerana keunikan soalan ini ia terpaksa diteliti oleh Jabatan Pendaftaran Negara oleh kerana ianya memerlukan satu kajian yang sungguh mendalam. Jabatan Pendaftaran Negara bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian di atas soalan ini.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan tadi dari Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukkan seolah-olah Jabatan Pendaftaran Negara tidak ada meneliti akan jumlah orang mati kerana apabila orang mati I.C, ataupun Kad Pengenalannya mesti dikembalikan. Jadi adakah pihak Kementerian melakukan perkara ini dan kalau ada bagaimana proses itu dijalankan? Lantaran saya menyedari bahawa ayah saya mati dahulu, Kad Pengenalannya saya kembalikan kepada pihak Pendaftaran Negara.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Wakil dari Simunan ini dia tidak baca soalan yang diutarakan oleh Wakil Rakyat ini kerana Wakil dari Hulu Selangor bukan hendak bertanya bilangan orang yang meninggai dunia atau tidak, tetapi beliau bertanya mengapakah umur kematian itu berbeza di antara tahun 70an dengan 80an. Ini memerlukan satu kajian yang mendalam. Bukan soal ada pendaftaran kematian atau tidak. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran):** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

*(Soalan No. 6 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).*

#### SYARIKAT INSURANS

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat insurans am yang diluluskan sehingga 30-9-1987, dengan memberikan butir-butir kedudukan modal berbayar mereka dan sama ada kesemua syarikat itu mempunyai modal berbayar yang cukup untuk beroperasi;

- (b) sama ada beliau sedar bahawa banyak syarikat insurans telah memberikan jaminan kewangan untuk pinjaman bank yang dibuat oleh pelanggan-pelanggan, jika sedar sama ada Ketua Pengarah Insurans telah mengarahkan semua syarikat insurans menghentikan pemberian jaminan kewangan seumpama itu, jika ada, bilakah arahan itu dikeluarkan; dan
- (c) sama ada Kementerian berkenaan mempunyai apa-apa maklumat-maklumat berkaitan dengan jumlah amaun pinjaman yang mempunyai jaminan oleh syarikat insurans di seluruh negara, jika ada berapakah amaun, bilangan syarikat insurans yang terlibat dan sama ada apa-apa siasatan telah dijalankan oleh Ketua Pengarah Insurans ke atas perkara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Sehingga 30-9-1987 terdapat 59 buah syarikat insurans dilesenkan di bawah Akta Insurans, 1963 untuk menjalankan perniagaan insurans am. Dari bilangan tersebut, 51 buah syarikat ditubuhkan di Malaysia dengan modal saham dibayar berjumlah \$580.7 juta seperti pada 30-6-1987. Kesemua syarikat insurans ini mempunyai modal dibayar yang diperlukan di bawah Akta Insurans, 1963.
- (b) Kementerian Kewangan sedar bahawa beberapa syarikat insurans telah mengeluarkan jaminan kewangan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh bank. Ketua Pengarah Insurans, melalui surat pekeliling bertarikh 11hb Jun, 1986 telah pun

mengarahkan bahawa kesemua syarikat insurans berhenti daripada mengeluarkan jaminan-jaminan kewangan.

- (c) Pendedahan industri insurans kepada jaminan kewangan ke atas pinjaman pada masa ini adalah sebanyak \$71.8 juta. Jaminan-jaminan ini dikeluarkan oleh hanya 3 buah syarikat insurans. Ketua Pengarah Insurans telah menyasat perkara ini dan memberi arahan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan supaya menambahkan modal atau mendapatkan pelepasan daripada jaminan-jaminan yang tersebut.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa jaminan kewangan yang telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans berjumlah lebih kurang \$500 juta. Dan sekiranya beliau sedar tentang hal ini, apakah sikap yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan terhadap perkara ini dan sama ada perkara ini satu perkara yang serius yang memerlukan tindakan sewajarnya.

Yang kedua, saya ingin mendapat tahu juga apakah langkah-langkah yang dapat diambil oleh Jabatan Insurans berkenaan untuk memastikan bahawa tidak berlakunya apa-apa penyelewengan sepertimana yang telah berlaku dalam bidang koperasi yang telah menjejaskan lebih kurang 588,000 pengambil deposit.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan saya minta maaf bahawa Kementerian Kewangan tidak sedar bahawa jumlah jaminan kewangan

yang telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans berjumlah \$500 juta, tetapi sampai hari ini seperti apa yang saya katakan tadi hanya berjumlah \$71.8 juta jaminan-jaminan kewangan telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans dan masih belum mendapat pelepasan daripada jaminan-jaminan tersebut,

Bagi menjawab soalan tambahan bahagian kedua, saya ingin mengatakan bahawa Kementerian Kewangan telah mengambil langkah-langkah supaya syarikat-syarikat insurans yang ada di dalam negara kita ini tidak akan membuat sesuatu tindakan yang sewenang-wenangnya. Salah satu langkah yang telah diambil oleh Ketua Pengarah Insurans bahawa Surat Pekeliling telah diisu bahawa syarikat-syarikat Insuran mematuhi apa yang telah dicatat dalam surat yang berkenaan. Jikalau tidak, tindakan tata-tertib akan diambil terhadap mereka.

### COMMONWEALTH—DASAR MALAYSIA

8. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Memeri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah dasar Malaysia sekarang terhadap Pertubuhan Commonwealth;
- (b) adakah Malaysia lebih yakin sekarang bahawa Commonwealth dapat memberi sumbangan positif terhadap mengurangkan masalah-masalah antarabangsa, masalah-masalah Negara-negara Commonwealth yang miskin dan masalah-masalah hak asasi manusia; dan
- (c) apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia untuk memperbaiki lagi Pertubuhan Commonwealth.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,** Malaysia masih mengangggap Pertubuhan Komanwel sebagai suatu pertubuhan yang boleh memainkan peranan yang positif dalam hal-ehwal antarabangsa dan juga membawa manfaat yang tertentu dalam bidang kerjasama ekonomi dan sosial kepada ahli-ahlinya, terutama negara-negara yang sedang membangun.

Pertubuhan Komanwel bukan sahaja merupakan forum untuk membincangkan masalah antarabangsa, tetapi telah juga mencapai kejayaan tertentu dalam menyelesaikan beberapa masalah. Misalnya, Komanwel telah memainkan peranan yang besar dalam usaha memulihkan keadaan di Uganda selepas peperangan bersaudara dan membantu Zimbabwe mencapai kemerdekaan. Dalam soal apartheid pula, Komanwel telah memainkan peranan utama dalam usaha menentang apartheid dan juga memberi bantuan kepada negara-negara jiran Afrika Selatan (front-line states) dalam menghadapi cabaran regim Afrika Selatan yang mengancam kestabilan mereka.

Dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial, Komanwel telah melalui Tabung Kerjasama Teknikal Komanwel (Commonwealth Fund for Technical Co-operation), program pembangunan Bantuan Teknikal Am (General Technical Assistance) serta program-program pendidikan, pertanian, kesihatan dan sains telah memberi sumbangan kepada usaha-usaha pembangunan ahli-ahli Komanwel dari negara-negara sedang membangun. Program pembangunan sosio-ekonomi Komanwel dikenali luas dan dianggap sebagai lambang pencapaian kerjasama antarabangsa. Malaysia sendiri telah mendapat manfaat dari program tersebut.

Selepas persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Vancouver, Kanada baru-baru ini, Malaysia lebih yakin terhadap keanggotaan di dalam Komanwel kerana persidangan itu membuktikan keupayaan pertubuhan itu untuk mencari rumusan secara konstruktif terhadap isu-isu antarabangsa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel pada tahun 1989.

Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif dalam Komanwel, terutama dalam isu-isu pembangunan dan usaha-usaha kerjasama yang dianjurkan oleh pertubuhan itu. Malaysia juga akan menentukan supaya Komanwel terus mencari penyelesaian terhadap masalah-masalah antarabangsa, terutamanya soal apartheid.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, apakah langkah-langkah yang diambil oleh negara kita untuk menentukan supaya Fiji dapat diambil sebagai satu anggota pertubuhan Komanwel.

Kedua, sama ada kenyataan yang telah dibuat oleh negara kita bahawa kita akan memberi bantuan kepada negara Fiji walaupun bantuan negara Fiji direntikan oleh beberapa negara dalam pertubuhan Komanwel yang merupakan negara yang kuat dan terbesar dan sebelum Fiji meminta secara rasmi pada kita untuk menolong, kita sudah buat statement sama ada ini bercanggah dengan spirit, dengan izin, Komanwel.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sedang memerhati dengan teliti akan perkembangan-perkembangan yang

berlaku di negara Fiji sendiri dan akan menentukan sikap kita terhadapnya apabila butir-butir yang lanjut diperolehi, terutama sekali berdasarkan perkembangan dalam negara itu di bawah Kerajaan Kol. Rabuka yang kita sedia maklum telah merampas kuasa baru-baru ini. Jadi, selepas mengetahui perkembangan baru kita akan menentukan sikap kita dan juga berusaha untuk membawanya semula ke dalam Komanwel ataupun sebaliknya.

Berkenaan dengan bantuan yang akan kita berikan kepada Fiji maka ianya di dalam pertimbangan yang aktif oleh Kerajaan dan kita mempunyai rancangan-rancangan yang tertentu. Namun begitu, sebagaimana yang saya katakan tadi, kita sedang mengkaji dengan halus akan perkembangan-perkembangan di negara yang berkenaan. Dan dari segi kita memandangkan hubungan yang begitu rapat serta lama dengan Fiji maka itulah disebabkan kenyataan dibuat bahawa kita sedia membantu Fiji apabila masanya tiba kelak.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kenapakah dalam Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Vancouver baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia tidak termasuk di antara ketua-ketua negara yang diberi penghormatan untuk memberikan ucapannya dalam majlis yang besar itu, sedangkan nama Perdana Menteri Malaysia telah begitu popular sejak persidangan antarabangsa mengenai Penyalahgunaan Dadah.

Yang kedua, saya ingin tahu juga mengenai dasar luar negara kita tentangan kita terhadap dasar apartheid sejak zaman Tunku lagi sehinggalah masa kini, penyuaran kita tentang dasar tersebut terus kita

nyatakan dengan jelas, tetapi kenapakah pihak Britain dan sekutu-sekutunya masih tidak berupaya untuk menyekat sekatan ekonomi khususnya terhadap Afrika Selatan, dan adakah kita akan mengubah. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijdandran):** Yang Berhormat, dua sudahlah.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Dua sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dan adakah kita akan mengubah dasar kita terhadap negara tersebut.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat maksudkan penghormatan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memberi ucapan di Persidangan yang berkenaan ialah semasa Upacara Pembukaan yang mana wakil-wakil daripada benua-benua (continents) yang tertentu di dunia ini telah memberi ucapan. Bagi Benua Asia kali ini, negara India ataupun Perdana Menteri Rajiv Gandhi telah mewakili Asia. Pada masa yang sudah mungkin negara kita telah mewakili, jadi kita mengikut giliran. Itulah sebabnya bahawa Perdana Menteri kita tidak berucap. Namun begitu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berucap banyak kali dalam mesyuarat yang berkenaan dan telah diberi penghormatan untuk memulakan perbincangan berkaitan dengan komoditi, iaitu di dalam salah satu daripada sesyen yang telah diadakan.

Yang kedua, dari segi apartheid, kita telah berusaha semenjak daripada dahulu sehinggalah pada masa sekarang untuk mengadakan sekatan-sekatan yang tertentu, politik dan juga ekonomi terhadap negara yang berkenaan. Bagi pihak kita bahawa walaupun Britain tidak bersetuju

untuk mengadakan sekatan sepenuhnya terhadap rejim Afrika Selatan, tetapi kita akan terus bersama dengan rakan-rakan yang lain untuk berusaha menghalang perjalanan rejim apartheid di Afrika Selatan. Oleh kerana Britain mempunyai dasar luarnya sendiri, maka itu terserahlah kepada Britain untuk menentukan apa yang patut diperbuat, tetapi dalam Persidangan Negara-negara Komanwel maka semua ahli-ahli Komanwel bersetuju untuk mengadakan sekatan ekonomi sepenuhnya, melainkan Britain.

### PROJEK FELDA DI SARAWAK

9. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (i) berapakah projek FELDA telah dijalankan oleh pihak FELDA di dalam negeri Sarawak dan minta memberi details mengenainya;
- (ii) berapakah projek FELDA telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada masa hadapan di negeri itu dan minta memberi butir-butir seperti kawasan, bilangan peneroka-peneroka dan saiz tanah projek yang terlibat;
- (iii) bolehkah pihak Kerajaan memberi jaminan bahawa perundingan dan persetujuan penuh didapati dari penduduk tempatan sebelum melaksanakan apa-apa projek FELDA di negeri Sarawak, khususnya atas soalan pengambilan tanah NCR (Native Customary Rights); dan
- (iv) apakah kriteria akan digunakan untuk mengenalpasti sesuatu kawasan sebagai sesuai bagi pelaksanaan projek FELDA.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,**

- (i) Sehingga kini hanya satu projek FELDA telah dijalankan di negeri Sarawak. Rancangan tersebut ialah Sampadi 1 dengan keluasan lebihkurang 660 hektar yang dimajukan dengan tanaman kelapa sawit.
- (ii) Projek-projek yang telah dikenalpasti untuk dimajukan pada masa akan datang ialah Sampadi serta Pasir Jangkar di Bahagian Pertama, mempunyai keluasan kurang lebih 13,863 hektar dan anggaran bilangan peneroka yang akan masuk ialah 1,874 (ini anggaran sahaja). Di samping itu, beberapa kawasan lagi dalam Bahagian Keempat dan Bintulu telah dan sedang dikenalpasti dan permohonan telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk mendapat kelulusan. Luas kawasan yang dipohon adalah kurang lebih 190,000 hektar.
- (iii) Pada Iazimnya FELDA hanya akan memajukan kawasan yang telah mendapat pembebasan hutan dan galian dan kawasan-kawasan yang bebas dari hakmilik penduduk tempatan. Jika ada kawasan yang melibatkan penduduk tempatan, perbincangan untuk mendapatkan persetujuan akan dibuat terlebih dahulu.
- (iv) Kriteria yang digunakan untuk mengenalpasti sesuatu kawasan sebagai sesuai bagi pelaksanaan projek FELDA ialah:
  - kecerunan (bentuk muka bumi)
  - kesesuaian tanah-tanah

- curahan hujan
- keluasan yang ekonomik

**Tuan Haji Bigang bin Haji Ulis:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada FELDA yang dipajijangkan ke Sarawak adakah "carbon copy", dengan izin, FELDA yang ada di Semenanjung Malaysia ini? Itu yang pertama.

Yang kedua, apakah rancangan-rancangan yang dijalankan di Sarawak itu benar-benar berasaskan kepada masa depan projek FELDA yang baik dan viable dalam jangka masa panjang dan sebagainya?

Yang ketiga, apakah rancangan-rancangan lain. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dua sudahlah, Yang Berhormat!

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**.....di masa depan untuk kawasan-kawasan lain di negeri Sarawak dari Kementerian tersebut.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:**

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tahu hanya ada satu PELDA sahaja, tak ada "carban copy" ataupun "original". Ini hanya original. Tetapi kalau maksudnya sama ada cara-cara pelaksanaan rancangan-rancangan FELDA di Sarawak sama dengan cara-cara melaksanakan di Semenanjung, mungkin kita mengambil kira tentang keadaan di negeri Sarawak di mana perlu kita menyesuaikan keadaan tempatan dengan perancangan FELDA.

Mengenai masa depan sama ada projek ini akan menjadi projek yang baik dan viable, jawapannya "ya". Kalau tidak, kita tidak laksanakan.

Tentang kawasan-kawasan lain, memanglah menjadi hasrat kita seberapa yang boleh kita hendak meluaskan rancangan FELDA ini di negeri Sarawak, kalau dapat di semua Bahagian, tetapi ini bergantung sangat dengan adanya tanah yang sesuai daripada semua aspek.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan kenapa hanya satu rancangan FELDA diadakan di Sampadi sahaja, kenapa rancangan pembangunan tanah ini yang sudah luas dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, tidak dilanjutkan ke Sarawak lama dahulu, contohnya, sejak kemerdekaan pada 70an?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah dua!

**Tuan Sim Kwang Yang:** Belum, satu sahaja, kenapa tak banyak.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa tuduhan-tuduhan telah disuarakan di dalam Sarawak bahawa kawasan-kawasan yang dipegang oleh parti Pembangkang, iaitu PBDS telah dinatikan projek pembangunan tanah dan bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan dari PBB sendiri memberi satu jaminan dalam Dewan yang mulia ini tidak akan ada apa-apa "victimisation", dengan izin, apabila melaksanakan projek FELDA di negeri Sarawak? Itu dua soalan.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soal kerana apa rancangan FELDA tidak ditaksanakan di negeri Sarawak lebih dahulu, sebenarnya usaha telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan saya boleh mengatakan bahawa masa itu saya sendiri menjadi Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kepada FELDA dan saya sendiri telah

mengemukakan perkara ini, "in fact that was my last effort", dengan izin, kalau tak salah ingatan saya, untuk menyakinkan pihak Kerajaan Negeri Sarawak supaya menerima kedatangan FELDA di sana kerana ianya akan membawa keuntungan yang besar kepada negeri Sarawak, tetapi walau bagaimanapun, saraan ini pada masa itu tidak diterima, apa sebabnya "wallahualam".

Tentang tuduhan bahawa rancangan-rancangan ini tidak dimasukkan di kawasan Pembangkang adalah tidak berasas sama sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerana yang pertama ini baru satu sahaja kita buat di Sampadi dan di kawasan-kawasan lain di Bahagian Keempat, di Bintulu dan juga di Bahagian Ketiga ke kawasan Bahagian Kedua, seterusnya termasuklah kalau ada tanah kawasan Yang Berhormat sahabat saya itu, kalau ada.

## KOLEJ PENGAJIAN PERSEDIAAN

**10. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan** minta Menteri Pendidikan menerangkan Skim Kelas Persediaan Pengajian (KPD) yang dikelolakan bersama dengan RTM dari segi falsafahnya persediaan dan pendedahan pelajar-pelajar, kos pengajian dan pentadbiran yang dapat diselamatkan, juga dari segi tenaga pengajar dan kepakaran-kepakaran mereka.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, falsafah penubuhan Kolej Pengajian Persediaan (KPP) ialah untuk menjimatkan perbelanjaan membiayai pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Sebelum pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negeri, mereka telah diberi pendidikan bermutu, iaitu asas

yang kukuh di dalam matapelajaran yang penting yang menjadi pilihan pelajar ketika di luar negeri kelak.

Kos pengajian dan pentadbiran yang dapat diselamatkan adalah lebih kurang \$10,000 hingga \$24,000 setahun bagi seorang pelajar.

Tenaga-tenaga pengajar dalam program KPP adalah berkelulusan tinggi dan kebanyakan daripada mereka adalah Professor, Associate Professor dan Pembantu Professor. Mereka adalah pakar di dalam bidang masing-masing.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:**

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah benar bahawa seluruh tenaga pengajar dalam kelas KPP itu diambil daripada pensyarah-pensyarah luar negeri dan kenapakah perkara itu berlaku dan tidakkah dapat diberikan tempat kepada pensyarah-pensyarah tempatan?

Soalan kedua, adakah juga benar pelajar-pelajar berkenaan tidak dapat mengikuti kuliah-kuliah ini dengan lebih berkesan kerana pensyarah-pensyarah luar itu tidak menunjukkan minat yang penuh dedikasi terhadap usaha memberikan pengajaran kepada pelajar-pelajar KPP itu?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah dasar kita dalam Kementerian untuk memberikan tempat keutamaan kepada pensyarah-pensyarah tempatan, tetapi walau bagaimanapun kerana kemungkinan apabila dalam keadaan tertentu di mana didapati ada matapelajaran-matapelajaran di mana kita tidak ada orang tempatan untuk menjadi pensyarah, kita sentiasa menampung dari luar. Jadi, keadaan ini memang kita pertimbangkan dari masa ke semasa. Dan untuk menjawab soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, perkara itu adalah tidak benar.

**KEMPEN MENGUMPUL  
TAYAR TERBUANG—  
TUKUN TIRUAN**

11. **Dato' Haji Kamaruzzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kempen Mengumpul Tayar untuk dijadikan TUKUN tiruan berjaya atau tidak; jika ya, berapa banyak tayar telah dapat dikumpul dan di manakah tukun-tukun tiruan dipasang untuk menarik perhatian ikan dan berapakah telah bertambahnya (peratus) pendapatan kaum nelayan pantai semenjak kempen ini dijalankan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Kempen Mengumpul Tayar Terbuang telah berjaya dilaksanakan. Dalam tempoh 9 bulan pertama tahun 1987, sebanyak 433,727 tayar berjaya dikutip, berbanding dengan jumlah sebelum kempen iaitu 83,724 tayar dalam masa 11 tahun (1975-1986).

Jumlah yang dikehendaki ialah 1,484 juta tayar dan adalah dijangkakan kesemua tayar ini akan dikutip sebelum akhir tahun 1988. Biiangan tapak-tapak yang dikenalpasti ialah 53 dan tiap-tiap tapak mengandungi 28,000 tayar. Tukun-tukun tiruan ini dibina di kawasan perairan pantai terutamanya bagi negeri-negeri yang mengalami kemerosotan sumber yang amat ketara. Setakat ini, kajian kuantitatif biomass ikan sedang dilaksanakan bagi menentukan kekesan tukun berkenaan. Oleh kerana projek pembangunan tukun tiruan di bawah Rancangan Malaysia Kelima hanya bermula pada akhir tahun 1986, maka kesan tukun tiruan terhadap hasil tangkapan masih belum dapat ditentukan. Walau bagaimanapun, kajian awal telah menunjukkan ikan telah membiak di tapak-tapak tukun tiruan.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya soalan ini satu sahaja tetapi ada ekor sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Berapa ekor?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Seekor sahaja, ada panjang sedikit. Sebagaimana Timbalan Menteri berkata tadi berjaya mengutip tayar-tayar buruk itu benarlah berjaya kerana kutip tayar-tayar itu bukan satu perkara payah. Tetapi saya hendak tanya, adakah ianya benar-benar boleh memberikan kesan ataupun benar-benar ikan membiak di situ ataupun agak-agak kita didarat ini sahaja, tetapi ikan tak membiak, hanya kita yang mengatakan ikan membiak. Sebab kalau mengikut dari kajian ilmu haiwan, ikan itu macam burung juga. Burung kalau kita buat sarang tiruan banyak-banyak dalam hutan itu, adakah burung itu akan masuk dalam sarang tiruan yang kita buat itu? Ikan pun begitu juga. Jadi kita campakkan tayar banyak-banyak, benarkah ikan membiak atau tidak dan apakah satu tanda yang tepat bahawa ikan betul-betul membiak di situ.

Adakah satu orang pernah duduk di dalam atau dekat tayar itu (*Ketawa*) satu hari satu malam, tengok ikan membiak atau tidak kerana ini kita bimbang dan takut satu usaha menjadi sia-sia sahaja. Kerana nelayan-nelayan banyak berkata bahawa juruselam mengatakan pernah diselam dekat tayar itu tidak nampak ikan, cuma ikan lalu memang ada, tetapi ikan membiak tak ada kata dia. Maka Menteri-menteri kata, orang-orang atas darat kata, ikan membiak sungguh. Yang mana yang betul? Jadi saya harap diberikan penerangan yang cukup detil.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman Malaysia, setakat ini kita tidak ada

pengalaman untuk bagi jawapan yang detil, tetapi kalau dibandingkan dengan hutan kalau tidak ada pokok mana ada burung dan kita buat tukun tiruan ini macam pokok dalam hutan. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa kawasan tropika dan sub-tropika seperti Hawaii, Virgin Islands, Bermuda, Florida dan Puerto Rico adalah didapati kejayaan tukun-tukun tiruan dan kalau kita bandingkan tukun tiruan dengan tukun semulajadi di kawasan yang tersebut, tukun tiruan, average, dengan izin, 22,199 kg sehektar biomassakan, dibandingkan di kawasan tukun semulajadi ialah 735 kg sehektar biomass sahaja.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu sama ada betul atau tidak bahawa ada orang berkata setengah-setengah ikan takut kepada tayar buruk (*Ketawa*), bolehkah beliau memberitahu bahawa ikan apakah yang takut kepada tayar (*Ketawa*) dan tayar buruk yang mana yang ditakuti oleh ikan-ikan tertentu? (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Soalan itu serius, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Serius.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah soal ini serius tetapi kita belum mengkaji apakah jenis ikan yang takut kepada tayar.

## PAKAIAN ARTIS DI RTM

12. **Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah pakaian artis dalam rancangan hiburan tidak melambangkan identiti kebangsaan malahan lagu-lagu yang dipersembahkan juga jarang-jarang

terdapat lagu-lagu asli atau keroncong. Adakah RTM tunduk kepada kehendak artis atau ianya mengikut kehendak penerbit rancangan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, semua artis yang diundang untuk mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan hiburan RTM adalah diarahkan memakai pakaian yang sesuai dengan konsep dan lagu-lagu yang dipersembahkan di dalam rancangan-rancangan itu.

Pihak RTM juga sentiasa menyelitkan lagu-lagu tradisional di dalam rancangan-rancangan yang diterbitkan. Ini adalah dengan tujuan untuk memberi hiburan kepada penonton-penonton daripada berbagai kaum.

RTM sentiasa mengawasi supaya lagu-lagu dan tarian-tarian yang dipersembahkan adalah sesuai dengan sasaran penonton berbilang kaum, bukan sahaja di dalam bandar bahkan juga di luar bandar. Ini juga adalah selaras dengan cita-cita Kementerian ini untuk menonjolkan identiti kebangsaan melalui rancangan-rancangan RTM.

Pihak RTM tidak pernah dan tidak akan tunduk kepada kehendak para artis, sebaliknya para artis adalah diperlukan memberikan kerjasama dan sokongan kepada pihak penerbitan berdasarkan kepada konsep dan juga objektif sesuatu rancangan hiburan yang diterbitkan itu. Di samping itu, para artis juga dikehendaki mematuhi kod dan garis panduan RTM yang telah disediakan untuk semua rancangan RTM yang diterbitkan.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan masalah identiti kebangsaan, saya ingin mengetahui apakah corak dan isi identiti kebangsaan kita menurut pandangan pihak Kerajaan

dan memandangkan Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang kebudayaan, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencerminkan ciri kepelbagaian ini dalam usaha mewujudkan identiti kebudayaan kebangsaan kita demi perpaduan negara?

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, identiti kebangsaan yang dimaksudkan dalam hal ini ialah penyertaan masyarakat ataupun artis-artis berbilang kaum di dalam rancangan-rancangan RTM, dalam berbagai rancangan maksud saya dan juga mempersembahkan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan "Kebudayaan Kebangsaan Malaysia".

#### PUSAT KAJIAN DASAR DAN PUSAT PEMBINAAN INSAN

13. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah hubungan Kementerian Pendidikan dengan Pusat Kajian Dasar dan Pusat Pembinaan Insan. Kiranya ada hubung kait dengan Kementerian Pendidikan, apakah pusat-pusat tersebut termasuk dalam program pendidikan atau program politik. Sedarkah beliau bahawa pusat itu telah menjadi medan untuk memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin PAS seperti Ustaz Fadzil Noor dan Ustaz Haji Abdul Hadi Awang.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang yang diketahui, Kementerian Pendidikan tidak pernah mendapat maklumat akan wujudnya pusat-pusat tersebut. Sekiranya pusat-pusat tersebut wujud, ianya adalah badan-badan bebas yang tiada hubungannya dengan Kementerian Pendidikan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kesal kepada pihak Kementerian kerana tidak mengambil tahu dan dengan itu saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian apakah pihak Kementerian ingin terus menceritakan kepada penduduk-penduduk Malaysia tentang keburukan pemimpin-pemimpin PAS seperti Ustaz Fadzil Noor, Ustaz Haji Hadi, wakil dari Pengkalan Chepa (*Ketawa*) ada lain-lain lagi tentang usaha-usaha mereka memecah-belahkan perpaduan ummah. Juga usaha-usaha mereka yang tidak mahu mengumumkan kutipan wang tiap-tiap kali ceramah dibuat. Jadi saya ingin bertanya kenapakah Kementerian tidak mengambil tindakan mengadakan usaha mencehtakan kepada orangramai tentang keburukan pemimpin-pemimpin PAS ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah jawab Yang Berhormat. Itu keluar dari soalan asal.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mudah sahaja. Adakah Kementerian berkenaan setuju kalau saya katakan penubuhan pusat ini adalah matlamat politik, sebab saya rasa tidak perlu pihak Kementerian Pendidikan dijadikan dua pusat kerana kita tahu pusat ini satu sahaja. (*Ketawa*)

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan Yang Berhormat tadi, adalah soalan lain dan matlamat itu tidak disetujuilah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 14 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).*

## TARIAN SINGA

**6. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan mengapa tarian singa tidak dimasukkan dalam perarakan Hari Kebangsaan memandangkan perarakan adalah satu cara baik untuk menunjukkan Malaysia adalah satu negara yang mempunyai beranika jenis kebudayaan kepada rakyat dan juga kepada seluruh dunia.

25-77-57

**29. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan mengapa tarian singa tidak diterima dalam perarakan Hah Kebangsaan Ulang Tahun ke 30.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim pada 25-11-87 kerana maklumat yang dikehendaki ada lebih kurang sama dengan soalan ini.

Hari Kebangsaan merupakan suatu hari sambutan mengenai Kemerdekaan Negara dengan tujuan mengembalikan ingatan rakyat dan kenangan kepada sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan. Sambutan itu juga bertujuan meningkatkan kesedaran dan keinsafan kita sebagai rakyat Malaysia tentang kehendak-kehendak kepada perpaduan, meningkatkan cita-cita kebangsaan dan cita-cita mengisi kemerdekaan itu sendiri. Sambutan Hari Kebangsaan tidak seharusnya dianggap sebagai suatu perayaan biasa tetapi satu perayaan kemegahan dengan disokongi oleh perbarisan yang juga memperlihatkan ketahanan rakyat dan kekuatan nasional. Dengan kata lain perbarisan itu yang melibatkan seluruh peringkat dan lapisan masyarakat Kementerian, Jabatan, Agensi Awam dan Swasta, meliputi peranan-peranan kita di bidang

politik, pentadbiran, kesejahteraan, sosial, belia, keselamatan dan sebagainya, adalah sebagai menyatakan cinta dan kasih sayang bangsa Malaysia kepada negaranya, kepada ketua negara dan pemimpin-pemimpin dan lebih-lebih lagi mengikat dan mengingatkan rakyat tentang cita-cita perpaduan kebangsaan. Oleh yang demikian sambutan Hari Kebangsaan atau perbarisan yang dibuat tidaklah mempamerkan jenis kesenian yang bercorak seperti seni tari, kecuali dipersembahkan sebagai acara padang melalui gubahan-gubahan tertentu yang menimbulkan kebanggaan masyarakat tanpa mengira kaum dan keturunan.

Apa juga perbarisan tarian dari mana-mana suku kaum sekalipun tidaklah diadakan tetapi mungkin acara-acara khas boleh diatur bagi maksud mengadakan pertunjukkan sedemikian. Tarian singa tidaklah dihalang oleh Kerajaan bagi dipersembahkan dalam acara-acara khas itu dan secara bebas boleh dipertunjukkan juga oleh masyarakat Cina dalam upacara-upacara seumpamanya sebagai warisan budaya suku kaum di negara kita.

#### MADA—TARAF JALAN LADANG TANAH MERAH

**14. Tuan Ghazali bin Ahmad** tntina Menteri Pertanian menyatakan bilakah MADA dapat menaik taraf jalan-jalannya di kampung-kampung di dalam kawasan MADA terutama dalam Daerah Yan di mana beberapa jalan di kampung tidak boleh dilalui terutama di musim tengkujuh.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Di dalam kawasan MADA, terdapat 1,230 km jalan tadang tanah merah di bawah pengawasan MADA yang mana 176 km, adalah terletak dalam Daerah Yan.

Sejak RMT, MADA telah merancang untuk menaikkan taraf jalan ladang tanah merah ini bagi kesesuaian kegunaan/laluan jentera-jentera ladang serta kenderaan pengangkutan yang diguna masa kini. Di Daerah Yan, sehingga hujung RME (1981-1985), sejumlah 2.13 km, telah pun siap. Di dalam RML (1986-1990) akibat peruntukan dikurangkan oleh Kerajaan, cuma 22 km jalan ladang dijadualkan untuk dinaikkan taraf yang mana 14.14 km sudah pun siap.

Rancangan untuk menaikkan taraf jalan-jalan ini masih berjalan dan adalah tujuan MADA untuk menaikkan taraf keseluruhan jalan-jalan ladang di dalam pengawasannya. Pencapaian ke matlamat ini adalah bergantung kepada peruntukan yang diluluskan.

#### SEMANGAT PERPADUAN

**15. Tuan Mutang Tagal** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah diambil dan yang akan diambil untuk menjalin persefahaman, perpaduan dan semangat nasionalisma di kalangan dan di antara belia-belia di seluruh negara. Adakah langkah-langkah tersebut berkesan untuk mencapai hasrat Kerajaan dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Sulaiman bin Mohamed):** Perlu saya tegaskan bahawa sejak negara mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah menggalakkan rakyat negara ini, bukan sahaja di kalangan belia bahkan orang-orang dewasa juga menjalin semangat persefahaman, perpaduan kaum dan semangat nasionalisma.

Semua langkah yang diambil oleh Kerajaan melalui semua agensinya dan juga oleh pihak-pihak yang berkenaan telah memberi kesan

kerana, selain daripada Peristiwa 13 Mei, tidak ada kekacauan sepertinya berlaku hingga ke masa kini.

Satu daripada agensi Kerajaan yang menjalankan kegiatan-kegiatan bagi memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat ialah Jabatan Perpaduan Negara. Jabatan ini berjaya melaksanakan program-program seperti pendidikan pra sekolah, pendidikan tidak formal yang merupakan aspek penggalakkan kepada perpaduan.

Selain daripada aspek penggalakan, langkah pencegahan juga merupakan satu kegiatan di Jabatan ini dengan memerhati dan mengesan suasana perhubungan antara kaum dan bertindak menyelesaikan perselisihan-perselisihan yang timbul di kalangan masyarakat. Dengan itu adalah diharapkan pihak orang ramai menyahut langkah-langkah yang dianjurkan oleh Kerajaan supaya tali persaudaraan antara kaum dapat dijalin lebih berkesan.

### LAPANGAN TERBANG BARU TAWAU

**16. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Kerjaraya menerangkan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina lapangan terbang baru untuk Bahagian Tawau, Sabah. Jika ya, bilakah pembinaan tersebut ini adalah oleh kerana lapangan terbang yang ada sekarang adalah kecil dan menjadi masalah kepada pesawat-pesawat Boeing 727 dan 737 untuk mendarat terutamanya di waktu hujan dan cuaca buruk.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan):** Kerajaan sememangnya ada mempunyai cadangan untuk membina lapangan terbang baru di Tawau di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Saya telah difahamkan bahawa tapak lapangan terbang baru

itu telah pun dikenalpasti, tetapi oleh kerana keadaan kewangan Kerajaan tidak mengizinkan projek tersebut tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

### UNIYERSITI ISLAM ANTARABANGSA—PELAJAR BUKAN ISLAM

**17. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah bilangan bukan Islam yang telah memohon bagi memasuki Universiti Islam Antarabangsa semenjak ianya dimulakan dan berapakah bilangan yang telah berjaya.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ditubuhkan, permohonan dari pelajar-pelajar bukan Islam yang telah diterima adalah sebanyak lebih kurang 26% dan 1.5% pelajar berkenaan telah diterima masuk ke UIA berdasarkan syarat-syarat kemasukan yang telah ditentukan.

### PENCEGAH PENYELUDUPAN DI SEMPADAN

**18. Tuan Shahidan bin Kasim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melibatkan penduduk-penduduk di kawasan sempadan dalam mencegah penyeludupan dengan mengambil mereka berkhidmat dengan Unit Pencegah Penyeludupan secara besar-besaran.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pencegahan penyeludupan di kawasan Sempadan adalah tanggungjawab Kerajaan. Tugas ini dilaksanakan oleh pasukan Unit Pencegah Penyeludupan dan lain-lain agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun penduduk-penduduk

tempatan di kawasan Sempadan boleh membantu pihak Kerajaan untuk membentasi kejadian penyeludupan dengan bekerjasama dengan Unit tersebut khusus dengan memberi maklumat mengenai kegiatan penyeludupan yang dijalankan di kawasan mereka.

### PENGETAHUAN AGAMA ISLAM

**19. Puan Hajjah Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohamad** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sudah ada rancangan untuk menambahkan pengetahuan Agama Islam dalam lain-lain bahasa terutamanya Bahasa Inggeris kerana didapati bertambah ramai mereka yang berminat hendak mengetahui dan memahami dengan lebih luas dan mendalam tentang nilai-nilai Islam.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Kementerian Penerangan melalui Radio dan Televisyen memang sentiasa berusaha untuk memberi keterangan-keterangan yang luas mengenai Agama Islam supaya tidak disalahfahami oleh rakyat bukan Islam di negara ini. Oleh itu penerangan-penerangan dalam bahasa lain terutamanya Bahasa Inggeris memang pernah diberikan melalui Rancangan Iman (dalam Bahasa Mandarin) dan Assalamualaikum (dalam bahasa Tamil). Pada masa ini Kementerian memang bercadang untuk memberikan keterangan-keterangan itu di dalam Bahasa Inggeris pula untuk menyebarkan nilai-nilai yang bercorak universal dan boleh membawa faedah kepada semua golongan masyarakat tidak kira keturunan mereka.

### AKTA PELAJARAN 1961—KAJIAN

**20. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah keputusan telah dihasilkan

oleh pihak Kerajaan dalam mengkaji semula Akta Pelajaran 1961, dan adakah Kementerannya bercadang membatalkan Seksyen 21 (2) seperti yang diminta oleh orang ramai.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh termasuk Seksyen 21 (2). Oleh kerana kajian ini belum selesai lagi adalah terlalu awal untuk dibuat apa-apa ketetapan mengenainya.

### BANGUNAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN KAMPONG PODOS/PINOLOBUH

**21. Tuan Maidon bin Pansai** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa oleh sebab menurut jawapan yang beliau berikan kepada pertanyaan mulut saya no. 16 pada 12-3-1987 dan soalan no. 77 pada 13-3-1987 mengenai permohonan untuk permintaan bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Kampung Podos dan Kampung Pinolobuh kedua-dua dalam daerah Kota Belud, Sabah tidak akan dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan. Maka jika begitu halnya, bolehkali Kerajaan mempertimbangkan supaya menggunakan bangunan Balai Raya atau apa sahaja bangunan yang ada di Kampung itu pada masa ini untuk dibuat sebagai kuliah pembelajaran bagi menampung keperluan kanak-kanak yang sudah sampai ke peringkat umur persekolahan. Yang diperlukan daripada Kerajaan buat masa ini ialah seperti tenaga pengajar (guru), serta alat-alat mengajar dan sebagainya.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhonnat, Kementerian ini sedia untuk menimbang cadangan untuk menggunakan bangunan balairaya

serta lain-lain bangunan sebagai bangunan tambahan sekiranya bangunan sekolah yang sedia ada di tempat itu tidak mencukupi. Memandangkan bangunan sekolah ini belum wujud di tempat-tempat berkenaan, Kementerian tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana ini akan menimbulkan masalah untuk menempatkan tenaga pengajar dan peralatan sekolah. Tenaga pengajar dan peralatan sekolah hanya boleh disediakan jika sekolah telah wujud.

### KENYATAAN SENSITIF

**22. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil terhadap mereka yang telah membuat kenyataan dan melakukan perbuatan sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan dan keselamatan negara, yang makin menjadi-jadi pada akhir-akhir ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap orang-orang yang melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan perpaduan dan keselamatan negara. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kenyataannya mengenai ketenteraman dan keamanan negara di Dewan Yang Mulai ini pada 28-10-1987.

### CENTRAL PROVIDENT FUND—CARUMAN PEKERJA MALAYSIA

**23. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Menteriannya telah dihubungi oleh Kementerian Buruh dan pekerja-pekerja Malaysia yang pernah bekerja di Singapura pada masa dulu untuk

meminta bantuan bagi menghubungi pihak berkuasa Singapura bagi mendapatkan pengeluaran wang caruman Central Provident Fund (CPF) rakyat Malaysia yang tidak lagi bekerja di Singapura. Apakah tindakan yang telah atau akan diambil oleh Kementerian Kewangan ke atas perkara ini.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Buruh pernah menulis surat kepada Kementerian Kewangan mencadangkan supaya pihak berkuasa Singapura dihubungi bagi membolehkan pencairan-pencairan dari Semenanjung Malaysia mengeluarkan kesemua caruman mereka dari Central Provident Fund sebaik sahaja mereka tidak lagi bekerja di Singapura.

Pendirian Kerajaan buat masa ini ke atas isu yang berkenaan adalah seperti yang terkandung dalam jawapan saya kepada soalan-soalan yang sama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Bukit Bendera masing-masing pada 16hb Oktober, dan 5hb November, 1987. Oleh itu saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

### PERUNTUKAN RML KEPADA SABAH

**24. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) kenapakah peruntukan kepada Negeri Sabah dan di bawah Rancangan Malaysia Ke 5 telah dikurangkan dari M\$2.7 billion kepada M\$1.8 billion; dan
- (ii) kenapakah penyemakan pertengahan penggal bagi peruntukan kepada Sabah tidak dijalankan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (i) Peruntukan RML bagi semua negeri-negeri telah dikurangkan oleh kerana hasil pendapatan negara dijangka berkurangan berikutan dengan kejatuhan harga beberapa keluaran utama negara dan untuk mengelakkan Kerajaan membuat pinjaman dan menanggung hutang yang banyak. Jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan yang dikurangkan ialah \$15,094.18 juta dan daripada jumlah ini yang melibatkan Sabah ialah \$904.36 juta sahaja.
- (ii) Kajian Separuh Penggal bagi RML tidak akan dibuat oleh kerana dalam keadaan ekonomi yang sering berubah adalah sukar dibuat unjuran bagi Kajian Separuh Penggal tersebut. Sebaliknya Kerajaan sedang dan akan terus membuat penyemakan dari masa ke masa berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa dan kedudukan jangkamasa pendek.

**ANGKATAN TENTERA—  
MELENGKAPKAN PERALATAN  
MODEN**

**25. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pertahanan menyatakan dalam rancangan pembesaran Angkatan Tentera negara kita, sejauh manakah persediaan kelengkapan yang lebih moden dan sophisticated yang disediakan oleh Kerajaan bagi menjamin kelengkapan perang angkatan kita yang boleh digunakan dalam semua keadaan medan perang terutama peperangan terbuka dan jarak jauh. Apakah jenis senjata dan kelengkapan yang

termoden sekali diguna oleh ATM; dan adakah Kerajaan akan mengkaji tangga gaji angkatan tentera kita.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj):** Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan jangka panjang bagi melengkapkan Angkatan Tentera kita dengan segala peralatan yang moden. Keadaan kemelesetan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya ini telah menyebabkan rancangan yang telah dirangka terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu, Penangguhan beberapa projek perkembangan Angkatan Tentera tidak bermakna Kerajaan mengabaikan tanggungjawab di bidang pertahanan dan menurunkan keutamaannya ditahap yang rendah. Langkah-langkah serta usaha-usaha sentiasa dilakukan untuk menggunakan apa sahaja, alat kelengkapan yang sedia ada dengan sepenuhnya bagi menjamin keupayaan kita menghadapi sebarang kemungkinan. Tidak perlulah saya nyatakan di sini apakah jenis-jenis senjata yang moden yang dimiliki oleh Angkatan Tentera kita tetapi cukuplah jika saya nyatakan Angkatan Tentera kita mempunyai kemampuan pertahanan yang menyeluruh secara defensif dan ofensif.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penyemakan gaji dalam perkhidmatan awam tidak dapat dibuat sekarang kerana keadaan ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ini termasuklah juga penyemakan gaji untuk anggota-anggota tentera.

**BUMIPUTERA DALAM  
PELANCONGAN/PER-  
INDUSTRIAN—GALAKAN**

**26. Tuan Abdol Mulok Awang Damit** minta Perdana Menteri menyatakan apakah insentif-insentif, kemudahan-kemudahan dan peruntukan yang

telah dan akan diberikan bagi memajukan pengusaha-pengusaha Bumiputera di Labuan dalam sektor pelancongan dan perindustrian berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Labuan dan cadangan untuk memajukan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Sememangnya menjadi dasar Kerajaan untuk memberi insentif-insentif dan kemudahan-kemudahan tertentu kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan bukan sahaja di Wilayah Persekutuan Labuan tetapi juga di seluruh pelusuk negara. Insentif dan kemudahan-kemudahan ini disalurkan melalui Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan termasuk juga penguasa-penguasa tempatan mengikut bidangkuasa dan tanggungjawab masing-masing.

Di Wilayah Persekutuan Labuan, pihak pentadbiran Labuan di samping beberapa agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada telah dan sentiasa memainkan peranan yang sewajarnya dalam membantu memajukan usahawan-usahawan Bumiputera dalam sektor pelancongan dan perindustrian. Di antara lain, kemudahan dan insentif tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menempatkan agensi Cawangan MARA di Labuan yang sebelumnya hanya ditempatkan di Beaufort, Sabah. Ini memudahkan usahawan-usahawan berkenaan berurusan dengan agensi tersebut dalam konteks mendapatkan bimbingan perniagaan dan pinjaman kewangan yang berkaitan.
- (ii) Mempercepatkan pemerosesan lesen-lesen import bagi usahawan-usahawan Bumiputera di Labuan. Bagi

maksud ini, wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Pemas Sdn Bhd dikehendaki datang ke Labuan dalam tempoh 2 minggu sekali atau lebih kerap daripada itu, tertakluk kepada bilangan permohonan lesen-lesen import yang hendak diluluskan. Sebelum cara baru ini diperkenalkan, peniaga-peniaga Bumiputera terpaksa menghantar sendiri permohonan lesen-lesen tersebut ke Kota Kinabalu, Sabah;

- (iii) Pentadbiran Labuan juga memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga Bumiputera untuk mendapatkan tapak-tapak berniaga dan sebagainya;
- (iv) Menyediakan kemudahan tapak perusahaan berat yang diperuntukkan untuk dijual kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera;
- (v) Mengutamakan pemberian gerai-gerai berniaga kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera termasuk juga pemberian "kereta tolak" kepada belia-belia yang ingin berniaga;
- (vi) Mengadakan kadar tambang yang lebih murah ke Labuan, pembesaran Lapangan Terbang Labuan untuk membolehkan kapal terbang yang lebih besar mendarat sebagai salah satu usaha memajukan sektor pelancongan di Labuan;
- (vii) Kerajaan juga akan mengkaji cadangan untuk mengadakan kadar percukaian yang lebih baik di Labuan, serta mengindahkan tempat-tempat rekreasi dan pantai-pantai yang belum diterokai;

(viii) Pentadbiran Labuan juga memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga Bumiputera untuk mendapatkan tapak berniaga dan sebagainya. Jabatan-jabatan/Agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, Pertubuhan Belia dan Sukan, KEMAS dan MARA sentiasa mengadakan kursus-kursus, bengkel dan seminar kepada peniaga-peniaga Bumiputera, Belia-belia dan bakal-bakal usahawan. Bagi agensi-agensi yang tidak mempunyai ibu pejabatnya di Labuan, seperti MARDI dan MIDA, pentadbiran Labuan menjemput wakil-wakil dari agensi-agensi yang berkenaan itu memberikan ceramah dan tunjukajar tentang cara membuat sesuatu perusahaan, seperti perusahaan membuat makanan dan lain-lain lagi.

Mengenai peruntukan kewangan bagi sektor pelancongan ini, ianya belum lagi disediakan secara khusus pada masa ini, tetapi usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kemudahan infrastruktur di Labuan itu, adalah juga berhubungkait dengan usaha untuk memajukan sektor ini.

Sungguhpun berbagai-bagai cara telah diberikan kepada peniaga-peniaga Bumiputera, tetapi pencapaiannya tidak begitu menggalakkan terutamanya dalam bidang pelancongan, memandangkan sehingga kini tidak ada satu syarikat Bumiputera pun yang terlibat secara langsung dalam bidang ini. Peniaga-peniaga Bumiputera kebanyakannya menjadi kontraktor-kontraktor kecil dan berminat untuk mendapatkan kontrak dari Kerajaan di samping membuat aktiviti perniagaan seperti membuka kedai-kedai runcit, warung-warung dan gerai-gerai makanan.

Sebagai kesimpulannya, Kerajaan memang berhasrat untuk menambahkan gerai-gerai untuk peniaga-peniaga Bumiputera di masa akan datang demi membantu memajukan lagi usahawan-usahawam Bumiputera di Labuan.

### **LAWATAN PERDANA MENTERI KE LONDON, HUNGARY DAN RUSSIA**

**27. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana kejayaan rombongan Perdana Menteri, termasuk Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Menteri Perusahaan Utama, Menteri Kerjaraya dan Menteri Pengangkutan ke London, Hungary dan Russia dalam usaha menarik pelaburan ke Tanah Air.

### **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):**

- (i) Saya ingin menerangkan terlebih dahulu bahawa kesan sesuatu lawatan seperti lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil masa di antara 1-3 tahun, kadangkala lebih lama sebelum minat-minat awal untuk melabur yang ditunjukkan dapat mencapai keputusan muktamat. Oleh itu, pada ketika ini, adalah terlalu awal menyatakan kejayaan lawatan tersebut dalam menarik pelaburan.
- (ii) Namum demikian, petunjuk awal hasil daripada lawatan ini telah menghasilkan cadangan dari lapan buah syarikat utama British untuk

melabur di dalam projek-projek industri seperti "sawmilling equipment, power generator, rubber gloves, military hardware, irradiation plant, peroxides" dan sebagainya. Projek-projek "irradiation plant", dan "proxides" sahaja jika diluluskan nanti akan melibatkan modal pelaburan sejumlah M\$64.4juta.

- (iii) Sungguhpun ada pelabur-pelabur yang menunjukkan minat tetapi kesan dan hasil lawatan ke negara-negara Hungary dan Russia dari segi pelaburan juga, seperti yang saya jelaskan tadi, akan mengambil masa dan hanya dapat dilihat di dalam jangka masa yang panjang.

#### **WANG YANG DISALURKAN BALIK KE MALAYSIA**

28. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang disalurkan balik ke tanahair kita berikutan kekecualian cukai dan pengampunan (tax exemption and amnesty) yang diumumkan pada tahun 1985 serta sebutkan dari negara manakah modal itu menyalur balik;
- (b) berapa banyakkah wang yang diharapkan berikutan pengumuman ini dan berikan sebab mengapa ia tidak dapat dicapai.

**Tuan Loke Yuen Yow:**

- (a) Ingin saya memaklumkan bahawa jumlah wang yang disalurkan balik ke Malaysia berikutan pengumuman amnesti

dan pengecualian cukai dalam Ucapan Belanjawan Tahun 1986 adalah seperti berikut:

	<i>B-1 Krs</i>	<i>Jumlah</i>
o) Pengecualian sebanyak 50% ke alas Itomisen diperolehi di Malaysia tetapi diterima di luar Malaysia		\$3,311
(n) Pengecualian 100% ke atas pendapatan luar negeri yang diremitkan ke Malaysia	258	S16,205,927

Kedua-dua kes berhubung dengan remitan komisen adalah diterima dari Singapura, manakala pendapatan luar negeri yang diterima terdiri daripada satu kes yang diremitkan dari Brunei ke Sabah dan 257 kes lain merupakan dividen biasa yang diberi pengecualian cukai kerana diremitkan dalam tempoh 25-10-1985 hingga 31-12-1986.

- (b) Mengenai soalan kedua, oleh kerana kekurangan maklumat, adalah agak sukar untuk menganggarkan jumlah wang yang diharapkan berikutan pengumuman ini. Apa yang diharapkan dari amnesti dan pengecualian cukai ini ialah supaya pembayar cukai membawa balik seberapa banyak yang boleh pendapatan yang disimpan di luar negeri.

#### **LEMBAGA LETRIK NEGARA—PENSWASTAAN**

29. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada rancangan penswastan Lembaga Letrik Negara akan memastikan suatu kadar pembayaran pembelian semua harta LLN yang bernilai pasaran melebihi \$10 billion dan bukan hanya pembayaran \$3-\$4 billion sahaja.

Bolehkah Menteri bagi jaminan penswastaan LLN tidak akan merugikan tabungan wang negara sebegini; dan juga tidak akan menyusahkan orang ramai dengan kenaikan kadar caj bekalan letrik yang tidak adil.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Sebagaimana termaklum Kerajaan baharu sahaja menerima laporan kajian sama ada LLN patut diwastakan atau sebaliknya. Kerajaan belum pun lagi berpeluang mengkaji laporan itu. Dengan ini adalah terlalu awal bagi saya untuk menjawab soalan ini.

#### AKTA KOLEJ DAN UNIVERSITI

**30. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pendidikan menjelaskan bilakah Akta Kolej dan Universiti akan dipinda sebagaimana janji Menteri sebelum ini, bagi memastikan perkembangan dan pertumbuhan Demokrasi serta ke arah pembangunan Intelektualisma di kalangan jenerasi muda.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan masih lagi mengkaji cadangan pindaan kepada Akta tersebut. Perlu ditegaskan walau apapun bentuk pindaan yang akan dibuat kelak ianya tidak akan melibatkan peruntukan-peruntukan yang menyentuh Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Bahasa Kebangsaan.

#### PENYAKIT AIDS

**31. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagi setiap pengidap AIDS di Malaysia, dari mana serta cara bagaimanakah mereka diserangi penyakit ini.

Apakah yang sedang dibuat oleh Kerajaan untuk memerangi penyakit AIDS di akamya, selain dari risalah-  
risalah dan buku-buku kecil, Bagi Malaysia, apakah di antara kumpulan-kumpulan berisiko tinggi yang mungkin mengidapi AIDS. Apakah peraturan kemungkinan kumpulan masing-masing yang mengidap AIDS di Malaysia berbanding dengan kumpulan yang sama di luar negeri. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawasi kumpulan-kumpulan berisiko tinggi.

**Dato' K. Pathmanaban:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini hanya 2 pengidap AIDS telah dikesan di Malaysia. Kes pertama ialah seorang warganegara Amerika Syarikat, sementara, kes kedua adalah warganegara Malaysia yang telah tinggal beberapa tahun di United Kingdom. Daripada siasatan yang telah dibuat, adalah didapati kedua-dua pesakit ini telah diserang penyakit tersebut semasa di luar negeri. Selain daripada itu, seramai 4 orang, termasuk seorang asing telah dikenali sebagai pembawa (carrier) kuman AIDS.

Oleh sebab AIDS boleh merebak hanya melalui darah dan air mani, cara yang rasional dan efektif untuk mencegah dan mengawalinya ialah memastikan darah dan bahan darah (blood products) yang digunakan untuk merawat pesakit adalah tidak dicemari oleh virus AIDS. Selain daripada itu, untuk mencegah merebaknya virus AIDS melalui air mani, orang ramai diberi pelajaran kesihatan yang secukupnya supaya mereka mempraktikkan hubungan sek yang selamat (safe sexual practices).

Mengikuti kajian yang dibuat oleh negara-negara barat dan juga di Amerika Syarikat, golongan yang berisiko tinggi mendapat penyakit AIDS ialah homoseks/biseksual, pelacur dan penagih dadah melalui

suntikan. Untuk mengetahui keadaan di Malaysia, Kementerian Kesihatan telah membuat kajian darah daripada bulan Julai hingga Disember 1985. Sebanyak 6,224 contoh darah terdiri daripada 4,613 penderma darah, 103 homoseks, 33 pelacur, 367 pesakit dari klinik penyakit kelamin dan bakinya dari lain-lain golongan telah diuji. Semua contoh-contoh darah yang telah diperiksa adalah bebas daripada kuman AIDS. Selain daripada itu, Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur telah membuat satu tapisan (screening) terhadap darah yang diambil daripada golongan berisiko tinggi seperti pelacur dan penagih dadah. Sebanyak 2,078 sampel darah telah diperiksa dan kesemuanya didapati bebas daripada kuman AIDS.

Berdasarkan kepada keputusan kajian darah yang disebutkan tadi, yang menunjukkan tahap pencemaran kuman AIDS yang begitu rendah, serta juga tindakan yang awal dan menyeluruh yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memberi makluman kepada orang ramai khasnya mereka yang berisiko tinggi berkenaan dengan penyakit AIDS dan cara-cara pencegahannya, kemungkinan kumpulan berisiko tinggi di Malaysia mengidap AIDS adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan golongan yang sama dari negara-negara yang lain. Tetapi, kita di Malaysia harus terus berjaga-jaga tentang ancaman penyakit AIDS, kerana masyarakat dan negara kita adalah terbuka kepada pencemaran dari luar negeri.

Untuk mengawasi kumpulan-kumpulan berisiko tinggi, Kementerian Kesihatan akan terus memberi makluman kesihatan yang secukupnya kepada kumpulan-kumpulan berkenaan supaya mereka tahu cara-cara mencegah penyakit tersebut. Jika diperlukan mereka boleh mendapat dengan percuma pemeriksaan darah di mana-mana

hospital kerajaan di seluruh negara untuk memastikan sama ada mereka telah dijangkiti virus AIDS.

### PASARAN EKSPORT BUAH TEMPATAN

32. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan buah-buahan tempatan dieksport ke pasaran luar negeri, dan

- (a) apakah bantuan dari Kerajaan untuk mengatasi masalah lebih pengeluaran hasil buah-buahan eksport oleh petani-petani;
- (b) apa sebabnya harga buah-buahan import lebih murah daripada buah-buahan tempatan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Buah-buahan tempatan telah berjaya diperluaskan di pasaran eksport tradisi dan menembusi pasaran eksport baru. Jumlah nilai eksport buah-buahan tempatan telah meningkat sebanyak 82.5% iaitu dari \$38,278,411 di tahun 1983 kepada \$69,854,954 dalam tahun 1986. Pada lima bulan pertama 1987, eksport buah-buahan tempatan Malaysia adalah bernilai \$29,086,806.

Negara Singapura merupakan rakan utama perdagangan dengan diikuti oleh Hong Kong, Brunei, Jepun, United Kingdom, Netherland, Belgium dan negara-negara Eropah Barat yang lain.

Peratus buah-buahan tempatan mengikut nilai yang dieksport untuk tahun 1986 ialah durian (44%), kelapa biji (15.3%), pisang (9.4%), buah-buahan tropika lain (9%), tembikai (7.3%), betik (4.8%) dan lain-lain (10.2%).

Buah-buahan tempatan mempunyai potensi pasaran eksport yang besar, terutama buah-buahan yang dianggap sebagai "exotic". Buah belimbing besi

dan buah manggis telah mendapat pasaran yang baik di Hong Kong dan Eropah Barat.

Untuk makluman Dewan, Kementerian Pertanian sedang meningkatkan promosi pasaran buah-buahan tempatan di pasaran luar negeri mempromotkan pengeluaran yang bermutu tinggi dan mengurangkan kos supaya buah-buahan tempatan lebih bersaing dengan negara-negara lain, dan

(a) Berkaitan lebih pengeluaran buah-buahan eksport oleh petani, ini hanya berlaku sekali-sekali sahaja iaitu dalam keadaan di mana permintaan di pasaran luar negeri bertukar, iaitu apabila musim-musim tertentu. Buah-buahan tidaklah dimakan sama banyaknya di dalam musim sejuk dan di dalam musim panas. Sebaliknya apa yang biasa berlaku ialah kekurangan bekalan buah-buahan tempatan. Bagi langkah jangka panjang, Kementerian saya akan menasihatkan keluasan yang patut ditanam oleh petani supaya pengeluaran tidak berlebihan dari kehendak pasaran eksport. Kementerian akan meluaskan ruang-ruang pasaran untuk buah-buahan eksport mengikut kehendak dan musim sesuatu negara.

(b) Tidak semuanya harga buah-buahan import lebih murah berbanding dengan buah-buahan tempatan. Harga buah-buahan tempatan seperti pisang, nanas, betik dan jambu batu adalah lebih murah daripada harga buah-buahan yang diimport seperti anggur, epal dan oren. Sebahagian besar buah-buahan bermusim seperti durian, manggis dan duku langsung adalah lebih mahal daripada buah-buahan import. Harga buah-buahan import

adalah lebih murah dari buah-buahan tempatan. Ini disebabkan oleh pengeluaran buah-buahan import tersebut adalah secara besar-besaran dan moden dengan menggunakan jentera dan berteknologi tinggi. Kos pengeluarannya adalah rendah, berbanding dengan industri buah-buahan tempatan pengeluarannya masih lagi di dalam bentuk dusun dan di sekeliling rumah.

Dari segi pemasaran buah-buahan jenis import adalah luas (seluruh dunia) dan kuantitinya banyak. Pemasaran buah-buahan tempatan adalah terhad.

Usiaguna (shelf life) buah-buahan import adalah lebih lama kerana negara-negara pengeluar telah berjaya dalam percubaan mempromotkan masa penggunaan buah-buahan tersebut. Dengan ini buah-buahan ini boleh diangkut melalui kapal laut ke mana sahaja dan kos pengangkutan adalah murah.

Adalah didapati juga syarikat-syarikat penerbangan di negara-negara berkenaan menawarkan kadar tambang istimewa untuk mengangkut buah-buahan dan barangan mudah rosak. Di sebaliknya syarikat penerbangan tempatan enggan memberi kadar tambang istimewa ke atas pengangkutan buah-buahan tempatan. Kesemuanya ini telah membuatkan harga buah-buahan import lebih murah.

Harga buah-buahan tempatan adalah bergantung kepada keadaan cuaca. Kebiasaannya bila cuaca menjadi baik pengeluaran akan meningkat dan harga buah-buahan akan jatuh. Kita tidak

boteh meramalkan harga buah-buahan tempatan. Harga biasanya tidak tetap.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang di bantangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (9hb November, 1987)

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Timbalan Menteri Kerjaraya boleh sambung.

3.34 ptg.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sempat menghabiskan penggulungan ini semalam, jadi tinggallah sekerat sahaja di sini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas mengenai Anggaran Belanjawan yang telah pun dibuat untuk pelaksanaan jalan-jalan raya di Sarawak ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Anggaran Peruntukan</i>
1985	\$110.45 juta
1986	\$149.67 juta
1987	\$128.40 juta
1988	\$155.80 juta

(dijangka)

Pada pandangan saya kelewatan pembinaan jalan raya di Sarawak adalah kerana negeri Sarawak merupakan negeri yang paling luas di Malaysia dan rangkaian jalan rayanya adalah begitu panjang dan kerja-kerja pembinaan terpaksa diagih-agihkan ke seluruh negeri menurut keutamaan.

Di samping itu pula sebahagian daripada peruntukan itu adalah digunakan untuk pembinaan jalan-jalan ke kawasan perkampungan yang bertujuan meningkatkan pembangunan di kawasan-kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai telah membangkitkan kelewatan pembayaran kemajuan kepada kontraktor-kontraktor dan juga masalah denda serta tawaran ditarik balik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kelewatan pembayaran kemajuan bukanlah disengajakan tetapi kadangkala boleh berpunca dari kelewatan menerima peruntukan tambahan bagi sesuatu projek.

Mengenai denda pula, Kerajaan pada amnya tidak mengenakan denda kepada kontraktor jika mereka lambat menamatkan kerja akibat dari lewat membuat pembayaran kemajuan yang disebabkan oleh ketiadaan peruntukan. Kerajaan sebaliknya memberi lanjutan masa dengan cara menandatangani satu kontrak tambahan dengan pihak kontraktor berkenaan.

Bagi kontrak di mana tapak binaan telah diserahkan kepada kontraktor dan kemudian ditarik balik, kontraktor bolehlah membuat tuntutan ke atas sebarang perjalanan yang telah dikenakan. Menarik balik sesuatu tawaran yang telah diberi kepada kontraktor bermakna sesuatu kontrak itu dimansuhkan dan kontraktor layak membuat tuntutan mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui. Pihak Kerajaan pada tazimnya mempunyai sebab-sebab yang tertentu apabila menamatkan sesuatu kontrak, tetapi kontraktor tidak seharusnya merasa mereka dijadikan mangsa atau menerima beban akibat daripada pemansuhan kontrak itu oleh sebab mereka layak menerima apa-apa pembayaran yang telah dibelanjakan untuk membuat persediaan bagi kerja yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat serta memberi pandangan dan teguran semasa perbincangan mengenai aktiviti-aktiviti di bawah Kementerian Kerjaraya mengenai peruntukan Pembangunan 1988. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah tidak sempat saya jawab di sini, perkara-perkara yang telah dibangkitkan, sukalah saya memaklumkan bahawa semua teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil kira dan perhatian yang berat oleh pihak Kementerian Kerjaraya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Perusahaan Utama.

3.39 *ptg.*

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi pandangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbincangan atas dasar-dasar am di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai syor Yang Berhormat dari Marang pada 29hb Oktober, 1987 supaya barangan utama dieksport secara barang siap, sukacita saya menyatakan bahawa dalam Pelan Induk Perindustrian Malaysia, beberapa industri berasaskan barangan utama seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu-kayan dan logam telah dikenalpasti untuk dimajukan sebagai barang-barang siap, "finished products", untuk menikmati nilai tokok, "value added" dan juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan daripada kemajuan perindustrian.

Mengenai syor Yang Berhormat dari Padang Terap pula, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk menjalankan galakan pasaran bagi barangan utama untuk mengekalkan pasaran-pasaran yang sedia ada dan menembusi pasaran-pasaran yang baru. Usaha-usaha ini dijalankan menerusi misi-misi perdagangan dan teknikal yang dihantar dari masa ke semasa. Pejabat-pejabat Pesuruhjaya kita di seberang laut juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan maklumat

pasaran yang diperlukan oleh pengeksport-engeksport barangan utama Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyentuh perkara yang dibangkitkan pada 6hb November, 1987 oleh Yang Berhormat dari kawasan Parit mengenai tanaman guayuleh pula, maklumat-maklumat yang ada sehingga ini menunjukkan bahawa tanaman guayuleh belum lagi ditanam secara komersial di Kanada dan Amerika Syarikat. Di Kanada umpamanya, sebuah syarikat sedang bercadang untuk menjalankan kajian kemungkinan mengenainya. Akan tetapi dijangka bahawa tanaman guayuleh akan menghadapi masalah di Kanada oleh kerana cuaca di negara tersebut amat sejuk terutama sekali di musim sejuk. Di Amerika Syarikat pula, kawasan yang ditanam guayuleh hanya tertumpu di sebuah kawasan kecil di Arizona iaitu kawasan penempatan kaum Red Indian. Akan tetapi oleh kerana masalah politik, sosial dan ekonomi di samping kos memproses getah keluaran guayuleh yang tinggi serta kerendahan mutu getahnya dijangka bahawa projek tersebut tidak akan berkekalan. Yang demikian, tanaman guayuleh untuk pengeluaran getah tidak akan mampu menandingi tanaman getah asli dan dari segi teknikal guayuleh mungkin bertaedah untuk ditanam dan diproses dalam keadaan kekurangan bekalan getah asli semasa perang, umpamanya.

Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat juga, Malaysia melalui Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) telah pun menghasilkan getah ENR (Epoxidised Natural Rubber), apa yang disebut oleh Yang Berhormat ialah beliau sebutkan ENR sebagai satu clone getah baru. Ini bukan clone getah baru, ini adalah getah baru. Getah ENR ialah sejenis getah asli yang boleh menandingi ciri-ciri getah tiruan dan ianya boleh digunakan

untuk pengeluaran produk-produk getah yang spesifik yang selama ini cuma menggunakan getah tiruan. Yang demikian adalah dijangka bahawa getah ENR ini akan mendapat pasaran yang baik di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai bekalan kayu balak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Maran, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah bekalan di masa hadapan. Di antara langkah-langkah ini ialah penubuhan hutan simpanan kekal seluas 12.74 juta hektar pemulihan semula kawasan hutan yang telah dibalok dan penubuhan ladang hutan yang ditanam dengan kayu jenis cepat tumbuh besar seluas \$500,000 hektar di seluruh negara. Di samping itu, penyelidikan perhutanan telah juga membolehkan penggunaan berbagai jenis kayu untuk komersial termasuk kayu getah yang telah mendapatkan pasaran yang sangat baik. Tindakan juga telah diambil untuk menghadkan eksport kayu balak dan mengembangkan industri pemerosesan dan pembuatan terutamanya perabot dan barangan kayu bagi meningkatkan nilai keluaran sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan-penjelasan yang telah saya berikan, diharapkan telah menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan yang lalu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Pertahanan.

3.45 *ptg.*

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya

ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1988 yang baru sahaja selesai, khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka terhadap Kementerian Pertahanan dengan memberikan pandangan-pandangan yang beraas serta dengan syor-syor yang membina demi untuk kebaikan Kementerian Pertahanan dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar betapa pentingnya peranan sektor keselamatan dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara kerana dengan wujudnya suasana aman, barulah pembangunan negara akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Peruntukan yang diberikan kepada Kementerian adalah rendah kalau hendak dibandingkan dengan keperluan Angkatan Tentera semasa. Tetapi dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya, Kerajaan masih belum mampu untuk memperuntukkan satu peruntukan yang besar kepada Kementerian Pertahanan. Kita harus terima hakikat ini. Saya juga berharap apabila keadaan ekonomi bertambah baik, peruntukan untuk Kementerian Pertahanan akan ditambah untuk tahun-tahun hadapan. Namun begitu, dalam suasana kemelesetan ekonomi sekarang serta dengan suasana pergolakan serantau dan antarabangsa yang kian mencabar ini, kita tidak pernah mengabaikan keselamatan negara. Kemelesetan ekonomi bukan jadi satu alasan untuk kita mengabaikan tanggungjawab ini. Malah usaha untuk mempermodenkan dan memperlengkapkan seluruh sistem pertahanan negara tetap akan ditemiskan walaupun perlaksanaannya tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya, namun keupayaan dan kemampuan Angkatan Tentera tetap juga dijaga supaya sentiasa berada di tahap yang tinggi.

Ahli Yang terhormat dari Sik telah membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kebaikan bekas-bekas perajurit iaitu di antaranya beliau mengesakan supaya Kementerian Pertahanan memperbaiki kursus peralihan serta mengesyorkan supaya ditubuhkan modal pusingan sebanyak \$100 juta bagi perniagaan pembuatan yang akan diceburi oleh bekas perajurit serta mengiktiraf kepakaran yang diperolehi dari luar negeri dan melonggarkan syarat-syarat untuk mendapatkan permit teksis. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji dan memperbaiki kursus-kursus peralihan yang diberikan kepada perajurit-perajurit yang bakal tamat perkhidmatannya.

Mengenai syor penubuhan modal tabung bagi perniagaan pembuatan yang akan diceburi oleh bekas perajurit, ianya perlu dilihat dari beberapa aspek tertentu. Ini adalah kerana Kerajaan perlu memastikan tidak akan berlaku pertindihan fungsi antara agensi-agensi Kerajaan ataupun pembaziran wang yang mungkin berlaku sekiranya tabung yang ditubuhkan itu diwujudkan tanpa kajian yang mendalam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini ada beberapa agensi Kerajaan yang memainkan peranan aktif dalam membantu usahawan-usahawan bagi menceburkan diri dalam bidang perniagaan pembuatan. Di antara badan-badan tersebut termasuklah MARA, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDF) dan Syarikat Jaminan Kredit (IGC). Institusi-institusi ini di samping memberi perkhidmatan tertentu, ianya menyediakan skim-skim pinjaman mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh mereka. Skim-skim pinjaman ini telah dapat

membantu meningkatkan aktiviti-aktiviti perniagaan pembuatan dan ianya telah berjalan lancar.

Sehubungan dengan ini Kementerian Pertahanan melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit telah menganjurkan Kursus-kursus Keusahawanan dalam berbagai bidang termasuklah mengenai cara-cara menyediakan kertas kerja untuk sesuatu projek serta bidang-bidang keusahawanan tertentu. Kursus ini dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Bank Pembangunan Malaysia Berhad. MARDI, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Haiwan serta Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN). Saya berharap bekas-bekas perajurit yang menghadiri Kursus Keusahawanan ini akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh agensi-agensi pinjaman apabila mereka membuat permohonan pinjaman bank untuk industri pembuatan mahupun perniagaan.

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan itu serta kewujudan agensi Kerajaan yang lain yang memang sentiasa terlibat khususnya dari segi pemberian (kredit) kepada usahawan-usahawan yang berminat, kementerian ini tidak bercadang untuk menubuhkan satu tabung khusus untuk tujuan tersebut.

Mengenai kelonggaran syarat mendapatkan permit teksi, saya suka menyatakan di sini bahawa kementerian ini sentiasa berhubung rapat dengan Kementerian perusahaan Awam serta Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk membantu bekas-bekas perajurit untuk mendapatkan permit-permit teksi, Walau bagaimanapun, tidak semua pemohon yang memohon untuk mendapat permit teksi berjaya kerana bilangannya sangat besar. Pihak Kementerian Perusahaan Awam pula mempunyai kriteria tertentu dalam mempertimbangkan

sesuatu permohonan seperti berdasarkan kepada faktor-faktor kawasan dan penduduk. Oleh kerana syarat-syarat ini sesuatu yang meliputi keseluruhan permohonan, maka adalah terpulang kepada Kementerian Perusahaan Awam untuk membuat pertimbangan mereka.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya pemilik-pemilik Bintang Keberanian dapat pengiktiratan serta diberikan wang tunai sebagai mengenang jasa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jasa-jasa anggota tentera terhadap tanahair tidak pernah dilupakan oleh Kerajaan. Dalam usaha mengenang jasa bakti mereka, Kerajaan sedang mengkaji beberapa cadangan untuk memberikan kemudahan yang lebih baik dan berkesan kepada bekas-bekas perajurit. Bagi pemilik-pemilik Bintang-bintang Keberanian, satu kajian juga telah dibuat untuk mengenangkan jasa-jasa mereka. lanya di dalam peringkat akhir dan saya berharap akan dapat mengumumkannya seberapa cepat yang boleh.

Sukacita saya mengambil petuang di Dewan yang mulia ini untuk mengumumkan bahawa baru-baru ini Jemaah Menteri telah pun meluluskan prinsip-prinsip dalam peraturan-peraturan mengenai faedah hilang upaya, kecederaan dan kematian dari Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain) 1982 untuk Pasukan Sukarela juga akan berpeluang mendapat faedah-faedah sepertimana yang diperolehi oleh anggota-anggota tetap dalam faedah hilang upaya, kecederaan dan kematian.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Semua perkara yang dibangkitkan itu akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Perdagangan dan Perindustrian—tidak ada. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

**Dato' Kok Wee Kiat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat.

5.55 *ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan, serta cadangan yang membina yang menyentuh Kementerian saya di sepanjang perbahasan dasar-dasar am Belanjawan 1988 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan mengenai permohonan daripada Encik Lim Cheng Chong bagi mengusahakan stesen minyak Mobil di Jalan Idris Shah, Ipoh, Perak yang mana telah ditolak oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini sukalah saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah menimbangkan permohonan Encik Lim Cheng Chong dengan saksama dan keputusan untuk menolak permohonan tersebut adalah atas alasan-alasan yang tertentu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan juga memberi perhatian dari segi penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera yang mengendalikan stesen-stesen minyak Mobil di negeri Perak.

Buat masa ini, pengtibatan usahawan atau syarikat-syarikat bumiputera dalam mengendalikan

stesen minyak Mobil di negeri Perak adakah amat rendah sekali iaitu daripada 19 buah stesen, 2 buah sahaja yang diusahakan oleh bumiputera dan 2 stesen ini pun termasuk stesen yang menjadi isu di sini iaitu stesen minyak Mobil di Jalan Idris Shah, Ipoh. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan bumiputera, adalah wajar stesen tersebut diserahkan dan diuruskan oleh bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai perhatian yang beliau berikan ke atas usaha-usaha Kerajaan untuk mengintegrasikan pembangunan di antara sektor keluaran utama dengan sektor industri pembuatan, serta di antara industri kecil dengan industri berat, sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Seperti yang semua sedia maklum, Kerajaan telah pun mengamalkan beberapa langkah bagi meningkatkan pemerosesan lanjut ke atas keluaran utama negara. Di antara langkah-langkah tersebut termasuk mengenakan duti eksport ke atas keluaran-keluaran utama seperti getah, balak, minyak kelapa sawit. Selaras dengan itu, Kerajaan juga memberi galakan secara langsung kepada industri-industri tempatan untuk memproses keluaran-keluaran utama negara iaitu dengan menentukan aktiviti pemerosesan sedemikian sebagai aktiviti yang diutamakan dan dengan itu layak diberi galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986.

Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah yang telah diambil itu masih boleh diperbaiki lagi. Dalam hal ini beberapa Pasukan Petugas di bawah Pelan Induk Perindustrian sedang

mengkaji bagaimana integrasi di antara sektor-sektor dalam ekonomi boleh dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu "industri haram" di Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, saya ingin nyatakan yang saya kurang faham akan maksud Ahli Yang Berhormat. Jika ini bermaksud industri-industri yang ditubuhkan di kawasan-kawasan yang tidak diluluskan, maka ini terpulanglah kepada pihak yang berkenaan iaitu Dewan Bandaraya untuk mengambil tindakan. Jika maksudnya ialah industri-industri yang beroperasi tanpa lesen, maka ingin dinyatakan di sini bahawa Kerajaan hanya melesen syarikat-syarikat pembuatan (manufacturing) yang mempunyai modal dibayar lebih daripada \$2.5 juta atau bilangan pekerja lebih 75 orang. Syarikat-syarikat yang mempunyai modal dibayar dan bilangan pekerja yang kurang daripada di atas adalah dikecualikan daripada pelesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. Oleh itu, Kementerian saya tidak mempunyai apa-apa kawalan terhadap syarikat-syarikat tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Marudu pula membangkitkan tentang kejayaan lawatan rombongan-rombongan perdagangan dan pelaburan yang dihantar ke luar negeri pada setiap tahun untuk menarik pelaburan asing ke negara ini. Di dalam hal ini Kerajaan berpendapat bahawa rombongan-rombongan perdagangan memang membawa hasil yang baik. Rombongan perdagangan adalah satu cara galakan eksport yang universal, dengan izin. Malaysia juga banyak menerima rombongan perdagangan dari luar negeri. Kejayaan rombongan perdagangan mestilah dilihat bukan sahaja dari segi jualan yang dapat dibuat semasa rombongan tetapi juga dari segi

peluang menambahkan contact dengan pembeli-pembeli luar negeri, mendapatkan pendedahan kepada keperluan pasaran antarabangsa dan pengetahuan tentang pengubahsuaian barangan yang harus dibuat untuk pasaran-pasaran tertentu. Memandangkan kepada faedah-faedah ini, Kerajaan akan terus menggunakan rombongan perdagangan sebagai satu cara galakan eksport yang utama.

Rombongan-rombongan perdagangan yang dikendalikan telah berjaya menambahkan eksport kita—misalnya pada tahun 1986 akibat dari aktiviti-aktiviti ini sebanyak \$15.8 juta barangan buatan tempatan telah mendapat pasaran di luar negeri. Sehingga bulan Oktober tahun ini, Kerajaan telah menghantar sebanyak 8 rombongan perdagangan ke luar negeri dengan hasil sebanyak \$44 juta. Rombongan-rombongan perdagangan ini boleh dilihat dari jualan yang dicapai semasa rombongan berada di luar negeri dan juga dari nilai jangkamasa panjangnya—iaitu perkembangan dan diversifikasi pasaran dan perkembangan industri barang-barang perkilangan dan separa siap. Eksport Malaysia telah meningkat dari \$28.1 ribu juta pada tahun 1980 ke \$35.8 ribu pada tahun 1985. Eksport barangan perkilangan pula telah meningkat dari \$8.1 ribu juta pada tahun 1980 ke \$20.2 ribu pada tahun 1986. Dari bulan Januari ke Ogos tahun ini eksport barangan perkilangan telah meningkat ke \$15.91 ribu juta dibandingkan dengan jumlah \$10.2 ribu juta yang dicapai dari bulan Januari ke Ogos, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marudu menggesa supaya Perwakilan-perwakilan Perdagangan Malaysia di luar negeri bersifat lebih agresif di dalam usaha menarik pelaburan dan mengalakkan eksport barangan Malaysia. Sukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan

Perindustrian sendiri telah pun mengarahkan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri serta Pegawai-pegawai MIDA supaya lebih agresif dalam memperkenalkan pekilang-pekilang Malaysia kepada pengimport-pengimport di luar negeri serta mempertingkatkan prestasi dan menambah contact dengan pihak-pihak pengimport/pelabur asing.

Ahli Yang Berhormat daripada Labuan pula mahukan eksport barangan negara dipertingkatkan terutama di dalam memasarkan barangan siap dan barangan separa siap untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara. Di dalam usaha Kerajaan meningkat lagi eksport negara terutamanya barangan siap dan separa siap ke luar negeri, tumpuan telah diberi kepada bidang-bidang berikut:

- (i) pembangunan dan galakan pasaran eksport;
- (ii) menyediakan langkah-langkah memudahkan perdagangan dan perkhidmatan barangan; dan
- (iii) memperkukuhkan peranan insitutsi-institusi bagi galakan eksport.

Di dalam program pembangunan dan galakan pasaran eksport, peluang-peluang bagi barangan tertentu yang sedia ada dan yang berpotensi eksport sedang dikaji dari masa ke semasa. Peluang-peluang berurus secara counter-trade sebagai tambahan kepada amalan perdagangan biasa juga digalakan menerusi khidmat Unit Khas counter-trade bagi membolehkan hubungan perdagangan dibuat dengan negara-negara yang kesutitan tukaran wang asing di samping dapat menjimatkan tukaran asing bagi membiayai import negara. Gatakan secara kumpulan melalui penghantaran rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara utama dan tertentu seperti negara-negara

Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Taiwan, Asia Barat serta penyertaan di pameran-pameran perdagangan antarabangsa yang terkenal seperti pameran Dunia Makanan di Cologne, Pameran Perabot di High Point dan Pameran Musim Sejuk Frankfrut telah dan akan dilaksanakan dalam tahun 1987.

Bagi tahun 1988, Kerajaan akan menghantar rombongan perdagangan, antara lain, ke Eropah Barat, India, Bangladesh dan Pakistan dan Eropah Timur. Kerajaan juga akan menganjurkan penyertaan pengeksport-pengekport Malaysia di Pameran Antarabangsa Permainan Kanak-kanak di Paris, Pameran Antarabangsa Musim Bunga Frankfrut, Pameran Hanover di Jerman Barat dan Australian Bicentennial Trade Fair dalam tahun 1988.

Di bawah program memudahkan perdagangan dan khidmat bantuan eksport pula, usaha-usaha telah dan sedang dibuat bagi memudahkan lagi prosedur, peraturan-peraturan dan dokumentasi berhubung dengan eksport dan import supaya kelewatan penghantaran, tambahan kos pentadbiran dan simpanan yang telah menyekat perkembangan eksport yang cepat dapat dielakkan. Setakat ini banyak kemajuan telah dibuat dari segi prosedur berkaitan pergerakan kargo di pelabuhan-pelabuhan dan lapangan-lapangan terhang baik menerusi jalan raya, jalan keretapi atau pos, prosedur-prosedur kastam dan eksais, prosedur mengenai kredit, insurans dan kawalan tukaran asing dan peraturan-peraturan kawalan-kawalan perdagangan eksport dan import.

Saya sukacita memaklumkan bahawa United Nations Layout Key iaitu asas yang dijadikan panduan bagi menyalurkan dokumen eksport dan

import bagi berbagai agensi dan institusi telah menyelaraskan dokumen eksport dan import bagi berbagai agensi dan institusi telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun ini. Di samping itu Kerajaan dengan kerjasama Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) menyebarkan maklumat-maklumat berkenaan amalan sekim serta prosedur eksport menerusi penerbitan buku-buku panduan tertentu. Setakat ini buku panduan bertajuk "Kemudahan Pembiayaan Eksport dan Kredit Insurans di Malaysia" (Export Finance and Credit Insurance Facilities in Mataysia) telah diterbitkan baru-baru ini. Sebuah buku panduan bertajuk "Insentif-insentif Eksport di Malaysia" akan diterbitkan sebelum akhir tahun ini. Sebuah penerbitan bertajuk "Buku Panduan Mengenai Amalan dan Prosedur Eksport" akan diterbitkan dalam tahun 1988.

Di bawah program memperkukuhkan peranan institusi yang terlibat dalam galakan eksport, Kerajaan sentiasa menggalakkan Syarikat-syarikat Perdagangan Am (General Trading Companies) mencontohi Sogoshosha Jepun sebagai tenaga utama menggerakkan eksport negara. Untuk ini Kerajaan menyediakan intensif-intensif mempergunakan kredit pra penghantaran di bawah Skim Pembiayaan Semula Eksport dan juga elaun eksport sebanyak 5% daripada nilai FOB eksport. Di samping itu, Kerajaan sentiasa menggalakkan usaha-usaha Persatuan-persatuan Perdagangan dan Perindustrian termasuk Dewan-dewan Perniagaan dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia supaya memainkan peranan penting dalam aktiviti mendidik ahli-ahli tentang pentingnya penggunaan piawaian antarabangsa atau yang diluluskan oleh SIRIM, penyediaan maklumat-maklumat perdagangan, latihan serta membantu ahli-ahli

menggunakan strategi-strategi yang berkesan dalam operasi pemasaran di luar negeri.

MEXPO (Pusat Perdagangan Eksport Malaysia) yang ditubuhkan dalam tahun 1980 telah menjadi pusat rujukan utama kepada pengeksport-pengeksport tempatan dan pengimport-pengimport luar negeri. Maklumat-maklumat perdagangan dunia yang terdapat di MEXPO telah dimasukkan dalam sistem komputer untuk mempercepatkan proses rujukan.

Dengan usaha-usaha yang dinyatakan di atas, terutamanya dari sektor swasta, Kerajaan berharap eksport negara sebagai hasil utama ekonomi negara dapat dipertingkatkan sekali pun dalam keadaan kemerosotan dan pertambahan dasar-dasar perlindungan di negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah membangkitkan isu mengenai perhubungan perdagangan Malaysia dengan Republik Rakyat China termasuk mengenai komisyen sebanyak setengah peratus (1/2%) yang dikenakan oleh PERNAS bagi semua import dari negara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengkaji semula perhubungan perdagangan semasa dengan Republik Rakyat China (RRC) memandangkan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam usaha menggalakkan perdagangan dengan negara itu didapati tidak menjejaskan jumlah perdagangan yang diperolehi. Statistik perdagangan dua hala Malaysia dengan RRC dalam tahun 1986 mencatatkan sebanyak \$1,150 juta ringgit berbanding dengan \$1,020 juta ringgit dalam tahun 1985. Dalam jangkamasa bulan Januari hingga

April tahun ini jumlah perdagangan telah mencatatkan sebanyak \$412 juta ringgit dibandingkan dengan \$325 juta ringgit dalam tempoh masa yang sama tahun 1986.

Mengenai komisyen setengah peratus yang dibayar kepada PERNAS Trading Sdn Bhd, ini adalah merupakan bayaran perkhidmatan yang dikenakan bagi tujuan menyelaraskan pengeluaran lesen import ke atas barang-barang yang diimport dari RRC. Selain dari tujuan di atas, hasil dari kutipan yang sama adalah untuk membiayai aktiviti-aktiviti galakan perdagangan secara terus dengan RRC seperti lawatan rombongan Malaysia ke Pameran-pameran Perdagangan yang diadakan di RRC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang bulan Januari hingga Oktober tahun ini, PERNAS telah menguruskan lawatan yang melibatkan seramai 1,225 pedagang Malaysia. Berdasarkan penjelasan ini, Kerajaan juga tidak bercadang untuk memansuhkan bayaran komisyen setengah peratus itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

*4.16 ptg.*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat rujukan terhadap

perkhidmatan telefon apabila membincangkan dasar penswastaan Kerajaan.

Pada petang kelmarin, di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menerangkan dasar penswastaan Kerajaan. Pada hari ini saya mengambil kesempatan untuk menggunakan Syarikat Telekom Malaysia sebagai satu contoh konkrit mengenai pelaksanaan dasar tersebut.

Tumpuan dan perhatian masyarakat terhadap Syarikat Telekom Malaysia sebagai satu contoh penswastaan adalah wajar kerana ianya adalah satu pengalaman yang paling dekat untuk dinilai. Soal yang sering dibangkitkan ialah sama ada penswastaan perkhidmatan telefon melalui Syarikat Telekom Malaysia telah dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan. Isu-isu seperti berapa lama untuk menunggu bekalan, kos untuk mendapatkan bekalan telefon, sistem bayaran dan bil yang dikenakan kepada pengguna adalah perkara-perkara asas yang paling dekat dengan masyarakat. Ini semua perlu diperbaiki oleh Syarikat Telekom Malaysia.

Saya ingin raenyarankan bahawa tumpuan kita terhadap Syarikat tersebut sewajarnya diluaskan daripada perkara yang disebutkan sebentar tadi. Kita perlu mengambil kira perkara-perkara yang penting seperti berikut:

- (1) Semua pihak perlu menyedari betapa pentingnya hubungan di antara peranan sistem telekomunikasi dengan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Kajian yang mengambil kira pengalaman-pengalaman negara yang maju membuktikan bahawa terdapat hubungan rapi secara langsung di antara tahap pembangunan sistem

telekomunikasi dengan pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Ini boleh diukur dengan kriteria dalam sesebuah masyarakat. Kepadatan telefon di Malaysia adalah lebih kurang 7% dibandingkan dengan Sweden 82%, Amerika Syarikat 80%, United Kingdom 51%, Italy 36%, Singapura 34% dan Taiwan 29%. Ini bermakna bahawa banyak lagi yang perlu kita lakukan untuk membangunkan sistem telekomunikasi di negara kita ini kepada satu tahap pembangunan yang tinggi lagi.

- (2) Kita juga perlu menyedari inovasi yang berlaku dalam bidang telekomunikasi dan maklumat sehinggakan dunia menjadi bertambah kecil. Maklumat dan ilmu pengetahuan yang dihimpunkan secara sistematik kemudian ianya disalurkan dan digunakan menurut keperluan dengan cara yang sistematik juga. Oleh yang demikian kita perlu melihat kedudukan negara kita dalam konteks perubahan yang pesat di bidang ini. Di manakah kita pada hari ini dan pada hari muka dalam konteks "the information age and the information technology", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Syarikat Telekom Malaysia sebagai pelapor dalam bidang telekomunikasi di negara kita ini dikehendaki menyesuaikan keupayaan supaya negara kita ini tidak ketinggalan zaman.

- (3) Kita juga perlu menyedari bahawa Syarikat Telekom Malaysia wujud dalam konteks industri telekomunikasi dan elektronik. Information technology pada hari ini

menghubungkan antara teknologi telekomunikasi dengan teknologi komputer. Oleh yang demikian, persoalan yang timbul ialah sejauh mana Syarikat Telekom Malaysia secara langsung ataupun tidak langsung dapat bersama-sama membangunkan sektor tersebut sejajar dengan apa yang disarankan dalam Pelan Induk Perindustrian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di atas adalah 2 perkara yang utama mengapa kita meletakkan harapan yang tinggi terhadap sistem telekomunikasi yang dipelopori oleh Syarikat Telekom Malaysia, bukan sahaja untuk sekadar memenuhi keperluan yang asas tetapi untuk bersama-sama bergerak kepada suatu arah dan pencapaian sesuai dengan kepentingan negara berdasarkan dengan apa yang berlaku di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada rasa bimbang dan curiga setengah pihak terhadap peranan sebuah syarikat yang besar lagi tunggal dalam perkhidmatan telekomunikasi seperti Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak cukup kuoram.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bilang, Setiausaha.

Setiausaha: 16 Ahli.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bertanggungjawab untuk menyelia dan mengawasi syarikat supaya ianya menjadi satu perbadanan yang bertanggungjawab kepada masyarakat atau, dengan izin, a responsible corporate citizen.

Kedudukannya sebagai monopoli tidak dapat dielakkan. Kriteria ekonomi bidangan tidak mengizinkan kita mewujudkan lebih daripada satu syarikat. Dilihat dari segi teknikal dan modat yang telah pun dilaburkan di bidang switching, dengan izin, rangkaian jauh dan rangkaian tempatan, Syarikat tersebut adalah yang paling ekonomik dan berupaya untuk mengendalikan perkhidmatan tetekomunikasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa dalam usaha pengawasan, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mempunyai bidang kuasa untuk menentukan tarif ataupun kadar bayaran. Oleh yang demikian Syarikat Telekom tidak boleh mengubah tarif dengan sewenang-wenangnya.

Selain daripada itu Kementerian juga boleh mengeluarkan lesen untuk jenis perkhidmatan berbentuk nilai tambahan yang secara langsung dan tidak langsung merupakan saingan kepada Syarikat tersebut.

Seterusnya terdapat satu peruntukan bahawa syarikat tersebut dikehendaki menyampaikan bekalan telefon ke kawasan luar bandar walaupun tidak lumayan apabila dilihat dari segi kiraan untung ataupun rugi.

Selain daripada pengawasan daripada pihak Kementerian, adalah logik dan wajar untuk dijangka bahawa Syarikat tersebut sebagai sebuah syarikat adalah peka terhadap citarasa pengguna. Kuasa dan pengaruh masyarakat pengguna, saya

percaya dapat menggerakkan sikap, pendekatan, mentaliti dan pemikiran pengurusan dan kakitangan syarikat ke arah yang lebih dinamik dan inovatif.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan di Dewan ini bahawa di Malaysia kedapatan telefon ialah 7%. Ini bermakna 7 daripada 100 penduduk yang memiliki telefon. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kapasiti bekalan telefon yang ada ialah lebih kurang 2 juta, yang telah digunakan hingga kini ialah 1 juta. Ini bermakna bahawa usaha pemasaran syarikat perlu dipertingkatkan lagi.

Selain daripada itu ada lagi kawasan-kawasan di mana ramai mereka yang masih menunggu. Di kawasan-kawasan tersebut banyak lagi pelaburan modal yang perlu dilaburkan untuk menyampaikan bekalan telefon.

Selain daripada itu ingin saya memaklumkan bahawa Syarikat Telekom Malaysia juga berusaha untuk membaiki mutu perkhidmatan berdasarkan kepada penggunaan teknologi baru. Sebagai contoh sistem komputer telah pun digunakan untuk perkhidmatan seperti berikut:

1. Papan swis yang berkomputer;
2. Panduan telefon berkomputer;
3. Bil terperinci melalui sistem komputer.

Teknologi baru seperti di atas dapat meningkatkan keupayaan teknikal Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan juga mutu perkhidmatannya.

Selain daripada itu, Syarikat juga tidak ketinggalan menyediakan kemudahan-kemudahan penghantaran data dan maklumat secara Datel, Telefax dan Maypack.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua memerlukan pelaburan yang banyak dan Syarikat Telekom Malaysia perlu menyesuaikan kemampuannya dalam jangkamasa yang tertentu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gaya.

Seperti yang telah saya maklumkan di Dewan ini, ada lebih kurang 500,000 keluarga di 8,700 kampung luar bandar yang belum mendapat bekalan elektrik.

Adalah dianggarkan bahawa jika 45,000 keluarga dapat dibekalkan setiap tahun maka pada tahun 1995, sebahagian besar kawasan luar bandar akan mendapat bekalan elektrik.

Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sebagai agensi yang melaksanakannya berusaha untuk melaksanakan melalui peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dan Kementerian juga berusaha untuk mengoptimalkan sumber-sumber alam yang ada seperti sistem hidro yang ada di negeri seperti Sabah supaya dapat membekalkan elektrik dengan lebih cekap dan efisien lagi.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud);** Kementerian Kewangan. Dijemput Yang Berhormat Menteri.

4.27 ptg.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):**

*(Ucapan Menteri Kewangan dihapuskan (expunged) atas arahan Timbalan Yang di-Pertua).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan selama 5 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.37 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu kesilapan teknik telah berlaku sebentar tadi di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan sepatutnya menggulung di akhir ucapannya oleh kerana ramai lagi Menteri akan berucap. Jadi, saya minta supaya rekod ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi dikeluarkan daripada rekod (expunged), dengan izin. Maka, dengan ini saya menjemput Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk membuat jawapannya.

4.55 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud);** Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya mengambil

kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sepanjang tempoh perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1988 di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan mengenai FELDA yang mana baru-baru ini telah mendapat perhatian media massa berhubung dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka FELDA sekarang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah benar seperti yang dinyatakan itu FELDA telah mendapat perhatian media massa berkaitan dengan beberapa masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka di beberapa buah rancangan. Sehubungan dengan itu, sukalah saya menerangkan bahawa perkara yang dipertikaikan ini bukanlah perkara-perkara yang baru. Ianya dibangkitkan oleh sebilangan kecil sahaja daripada pihak tertentu yang jelas mendapat simpati dan sokongan yang mengambil kesempatan untuk membesarkan lagi isu-isu tersebut mungkin untuk kepentingan diri mereka sendiri atau pihak tertentu.

Oleh yang demikian, ingin saya menerangkan dengan lebih lanjut mengenai isu-isu berkenaan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan mengenai aduan-aduan peneroka mengapakah potongan-potongan dibuat terhadap pendapatan mereka sedangkan butir-butir mengenai potongan tersebut tidak diberitahu kepada mereka. FELDA memang ada mengenakan beberapa potongan kepada pendapatan peneroka dan potongan ini bolehlah dibahagikan mengikut jenis potongan iaitu untuk

perbelanjaan pembangunan, untuk perbelanjaan pengurusan ladang dan potongan untuk urusan peneroka.

Semua potongan yang dibuat itu adalah dalam pengetahuan peneroka oleh kerana kebanyakannya adalah dalam penyata pendapatan bulanan peneroka. Mereka juga mengetahui tujuan potongan-potongan itu dibuat kerana pada mula mereka menyertai rancangan, kursus-kursus diadakan untuk memberi penjelasan kepada mereka. Majlis-majlis penerangan selanjutnya sentiasa diadakan bagi tujuan yang sama. Seringkali juga peneroka-peneroka sama ada secara kumpulan atau perseorangan mengemukakan kemusykilan dan pertanyaan apabila terdapat keraguan mengenai potongan-potongan yang dibuat. Kemusykilan dan pertanyaan seperti ini dijelaskan sama ada dalam perjumpaan atau secara bertulis. Oleh itu tuduhan mereka tidak mengetahui tentang butiran potongan adalah tidak tepat.

Seterusnya Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai para peneroka FELDA seharusnya mempunyai syer dalam Perbadanan-perbadanan FELDA dan syarikat-syarikat usahasama kerana potongan bulanan mereka disalurkan kepada Koperasi Permodalan FELDA tetapi para peneroka tidak tahu langsung mengenai koperasi ini dan bagaimana ianya beroperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa potongan-potongan yang dibuat untuk perbelanjaan pembangunan, pengurusan ladang dan urusan peneroka tidak disalurkan kepada Koperasi Permodalan FELDA. Bayarap terhadap pembelian saham koperasi ini dikenakan kepada peneroka yang menjadi ahli dan mengikut nilai saham yang dipohon oleh peneroka berkenaan untuk dibeli. Tujuan FELDA menubuhkan perbadanan-perbadanan ataupun

agensi-agensi sokongan ialah untuk memberi khidmat kepada peneroka dalam beberapa bidang khidmat sokongan seperti bekalan barang-barang keperluan mengenai khidmat pertanian, pemerosesan, pemasaran dan pengangkutan hasil keluaran rancangan.

Sebagai khidmat lanjut, FELDA juga menubuhkan saham tabung-tabung peneroka dalam perbadanan-perbadanan tersebut iaitu 120 yang mempunyai kepakaran khusus dalam satu-satu bidang mencebur usaha dalam aktiviti-aktiviti hiliran yang melibatkan hasil pengeluaran peneroka. Selain daripada itu FELDA menubuhkan Koperasi Permodalan FELDA yang keanggotaannya terbuka kepada peneroka, isteri peneroka, badan-badan peneroka dan kakitangan FELDA dan melalui Koperasi ini ahli-ahlinya melabur dalam enam Perbadanan FELDA. Pada masa ini nilai saham Koperasi Permodalan FELDA dalam perbadanan-perbadanan ini berjumlah kurang lebih \$45.5 juta yang mana 61% daripadanya dimiliki oleh peneroka dan badan-badan peneroka,

Selain daripada itu, nilai saham tabung-tabung peneroka dalam perbadanan-perbadanan tersebut ialah \$102.8 juta iaitu 59.7% daripada jumlah modal yang dibayar. Adalah tidak benar dakwaan bahawa peneroka tidak tahu langsung mengenai Koperasi ini. Sehingga 30hb Jun, 1987 sejumlah 48,492 daripada 81,256 peneroka atau 59.6% di rancangan berhasil memohon untuk menjadi ahli Koperasi.

Pada tiap-tiap mesyuarat agung, koperasi-koperasi peneroka di rancangan yang menjadi ahli Koperasi Permodalan FELDA menghantar wakil-wakil mereka untuk menghadiri mesyuarat tersebut. Seterusnya Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai penubuhan FELDA 31 tahun dahulu yang mana

ianya adalah bertujuan untuk mewujudkan satu komuniti luar bandar yang bebas dan viable yang terdiri dari tuan tanah individu, tetapi FELDA tidak bersedia untuk melepaskan kawasan sepenuhnya ke atas rancangan-rancangan FELDA—begitulah katanya.

Sukalah saya menjelaskan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Mungkin perkara ini dibangkitkan kerana baru-baru ini ada sebilangan kecil peneroka iaitu 18 orang di rancangan FELDA Taib Andak, Johor menuntut supaya dikeluarkan surat hakmilik individu bagi kawasan ladang. Mereka bantah pengeluaran surat hakmilik Kumpulan atas nama koperasi hak mitik tanah peneroka rancangan tersebut seperti yang telah dilaksanakan di beberapa rancangan sawit sebelum ini. Pelaksanaan sistem hak milik kumpulan di rancangan FELDA adalah selaras dengan peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang mana membolehkan kawasan yang diserahkan kepada Development Authority, dengan izin, untuk dimajukan, diusaha dan diuruskan oleh koperasi yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa tersebut. Peruntukan ini diadakan oteh kerana telah didapati ada kelemahan-kelemahan dalam sistem peruntukan tanah pertanian dan pemberian hakmilik tanah secara individu yang diamalkan sebelum ini. Di antara kelemahan-kelemahannya adalah peneroka akan lebih merasa kesan jika berlaku kerosakan tanaman akibat bencana alam dan serangan perosak tanaman. Sekiranya bencana dan kerosakan berlaku ke atas tanah yang diperuntukkan secara hakmilik individu ianya sendiri akan menanggung beban dan menghadapi masalah kekurangan hasil dan pendapatan. Di bawah sistem hakmilik kumpulan, kesan akibat dari bencana alam dan serangan perosak tanaman tidak begitu dirasakan oleh seorang peneroka oleh kerana ianya

ditanggung bersama oleh satu kumpulan, katakanlah 20 hingga 24 orang dalam blok tersebut.

Kawasan ladang di satu-satu rancangan itu tidak sama rupa buminya. Ada yang berbukit, ada yang terletak di kawasan yang rendah dan ada pula di kawasan yang datar. Di bawah sistetn hakmilik individu pembahagian lot-lot peneroka meliputi rupa bumi yang berbeza. Keadaan ini boleh menimbulkan tidak keseimbangan dari segi pengeluaran hasil dan pendapatan di antara seorang peneroka dengan yang lain.

Peneroka di bawah sistem hakmilik individu lebih cenderung mengendalikan pengurusan ladang dan pengeluaran hasil secara persendirian, tidak secara kumpulan sebagaimana yang diamalkan di bawah sistem hak milik kumpulan. Pengendalian secara persendirian lebih merumitkan pengurusan dan akan melibatkan kos yang lebih tinggi. Di bawah sistem hakmilik kumpulan, peneroka diuntukkan lot individu bagi satu-suku ekar tapak rumah, tetapi 10 hingga 14 ekar kawasan ladang yang diuntukkan kepadanya, tidak dibahagikan secara individu dan pengeluaran hakmilik disyorkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dibuat atas nama koperasi yang mana peneroka-peneroka berkenaan menjadi ahlinya. Sistem seperti ini telah pun dipersetujui oleh para peneroka sendiri dalam surat perjanjian bertulis dengan FELDA. Sungguhpun surat hakmilik dikeluarkan atas nama koperasi yang hakikatnya peneroka-peneroka mempunyai hak di atas tanah yang berkenaan sebagaimana hak milik di atas tanahnya yang diberimilik secara individu. Segala urusanniaga yang boleh dilakukan oleh peneroka di atas tanah yang dikeluarkan surat hakmilik secara individu boleh juga dilakukan oleh peneroka ke atas tanahnya yang

dikeluarkan hakmiiik kumpulan atas nama koperasi. Oleh yang demikian pada hakikatnya sama ada surat hakmilik tanah kawasan ladang dikeluarkan secara individu atau kumpulan, peneroka berkenaan adalah "tuan tanah".

Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya satu sistem hendaklah dibentuk di mana para peneroka FELDA boleh mengambil bahagian dalam memutuskan hal-hal berkaitan dengan kehidupan dan hal ehwal mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya sistem seumpama ini memang sudah lama dilaksanakan. Wakil-wakil peneroka di peringkat rancangan melahii Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) di peringkat Wilayah melalui gabungan JKKR Wilayah dan di peringkat pusat melalui Jawatankuasa Perundingan Peneroka bersama-sama dengan Pentadbiran FELDA membincangkan hal ehwal peneroka, menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan menggubal dasar-dasar untuk dilaksanakan di rancangan-rancangan FELDA.

Wakil-wakil peneroka juga dilantik untuk menganggotai Lembaga FELDA. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Lembaga FELDA kali ini mempunyai 3 orang peneroka sebagai ahlinya. Lembaga Perbadanan-perbadanan FELDA juga diwakili oleh peneroka. Oleh yang demikian bolehlah dikatakan bahawa peneroka-peneroka terlibat di segenap lapisan dalam memutuskan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan mereka dan terlibat dalam penggubalan dasar serta pentadbiran FELDA keseluruhannya. Selain dari itu lebih 1,000 orang daripada kakitangan FELDA termasuk di peringkat Eksekutif adalah terdiri daripada anak-anak atau keluarga peneroka FELDA.

Sistem pemilihan Ahli-ahli JKKR seringkali dipersoalkan oleh pihak-pihak tertentu. Mereka mendakwa bahawa ahli-ahli yang dipilih tidak mencerminkan keputusan atau persetujuan peneroka-peneroka sendiri dan pentadbiran FELDA yang membuat keputusan mengenai pemilihan tersebut. JKKR adalah dianggotai sebahagian besarnya oleh ketua-ketua blok serta wakil badan-badan peneroka dan wakil-wakil undangan. Pemilihan tiap-tiap ketua blok dibuat daripada pencalonan tiga nama yang diputuskan oleh ahli-ahli blok berkenaan mengikut persetujuan ramai. Senarai nama calon-calon ini dibincangkan bersama dengan pihak Kerajaan Negeri dan seterusnya dengan persetujuan Kerajaan Negeri salah seorang daripada mereka dilantik sebagai ketua blok. Ketua-ketua blok yang dilantik akan kemudiannya mencalonkan tiga orang daripada mereka dan senarai nama calon-calon ini diangkat kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk dilantik salah seorang daripada mereka sebagai Naib Pengerusi JKKR. Ada pihak yang mengusulkan supaya perlantikan ahli-ahli JKKR dibuat secara pilihan umum.

Sekiranya dilaksanakan cara ini, akan wujud puak-puak atau factions, dengan izin, yang bercanggah di antara satu dengan lain dan masing-masing cuba memperjuangkan calon-calon mereka sendiri. Banyak masa akan terbuang untuk berpolitik dan keharmonian masyarakat rancangan akan terjejas.

Di samping itu Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya Kerajaan menganjurkan satu Persidangan Kebangsaan Peneroka-peneroka FELDA bertujuan untuk membincangkan masalah-masalah, rungutan-rungutan dan juga tuntutan-tuntutan mereka. Sebenarnya FELDA

sedang mengatur satu seminar peneroka diadakan pada tahun hadapan setelah selesai pemilihan ahli-ahli JKKR. Ketua-ketua Peneroka akan dijemput menghadiri seminar bersama dengan pegawai-pegawai. Dalam seminar ini, perkembangan-perkembangan terbaru dalam pembaniunan rancangan FELDA, pelaksanaan dasar dan masalah-masalah yang dihadapi di rancangan akan dibincangkan dengan secara terbuka dan terus terang. Di samping itu cadangan-cadangan daripada perwakilan peneroka akan juga dibincangkan dan diambil perhatian dalam melaksanakan pengurusan dan pentadbiran rancangan.

Ahli Yang Berhormat dari Pengekalan Chepa telah menyentuh mengenai FELDA dengan menyatakan bahawa Kerajaan tidak memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh peneroka di rancangan FELDA dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar sama sekali. Saya rasa bahawa sebenarnya Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak FELDA untuk membaiki taraf hidup mereka. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan lagi bahawa Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberi tumpuan kepada beberapa aspek tertentu dalam mengatasi kedudukan peneroka di dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini.

Sukalah saya menyatakan antara langkah-langkah yang telah diambil ialah mengadakan Sekim sementara Jaminan Pendapatan Minima di mana para peneroka di rancangan keseluruhan dijamin pendapatan \$350 sebulan. Sekim ini dilaksanakan oleh kerana pendapatan mereka adalah

rendah, kesan daripada turunnya harga sawit. Walau bagaimanapun, keadaan ini sudah pulih, menggalakkan peneroka-peneroka supaya tidak terlalu bergantung kepada tanaman utama sebagai sumber pendapatan. Ke arah ini pihak FELDA telah mengenalpasti beberapa kegiatan-kegiatan sampingan yang akan dapat meningkatkan pendapatan para peneroka. Pertama ialah menggalakkan aktiviti pertanian bersepadu merangkumi perusahaan hasil-hasil ternakan biri-biri, lembu, lebah madu dan lain serta tanaman sayuran dan kontan. Dalam bidang Industri Pertanian, peneroka juga digalakkan untuk mengusahakan perusahaan-perusahaan kecil seperti membuat sauce, biskut dan lain-lain lagi. Dalam usaha tersebut FELDA telah pun menjalankan kempen bagi menggalakkan peneroka mencebur diri dalam bidang tersebut dan membebaskan pinjaman modal pusingan peralatan dan menyediakan tapak-tapak perniagaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan mengenai peruntukan yang telah diberi kepada Lembaga Kemajuan Tanah dan Wilayah Kementerian ini. Beliau juga ingin kepastian sama ada penintukan tersebut dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk mencapai matlamat asalnya. Ingin saya jelaskan bahawa peruntukan pembangunan bagi Lembaga Kemajuan Tanah iaitu FELDA dan RISDA adalah berjumlah lebih kurang 488.3 juta di mana aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah ialah seperti kemudahan pengurusan, pembangunan utama dan kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik. Bagi Lembaga Kemajuan Wilayah pula, peruntukan yang diberikan adalah untuk melaksanakan program-program seperti kemudahan pengurusan, khidmat pelaburan, perumahan dan kemudahan asas.

Kesemua program yang diaturkan sama ada oleh Lembaga Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan menggunakan peruntukan seperti yang disebut di atas akan digunakan dengan sebaik-baiknya untuk faedah dan kebaikan rakyat pada keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menyarankan supaya kemajuan Kementerian ini memberikan peruntukan yang lebih kepada negeri Sarawak untuk projek-projek pertanian di negeri itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan peruntukan pembangunan 1988 bagi Kementerian ini ialah berjumlah lebih kurang \$692.7 juta. Agensi Kementerian ini yang terlibat dengan pembangunan di Sarawak ialah FELDA. Walau bagaimanapun, beberapa agensi Kerajaan Negeri Sarawak juga diberi peruntukan melalui Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, Lembaga Tanaman Semula Getah Sarawak, Lembaga Kemajuan Bintulu dan SELCRA. Semuanya berjumlah lebih kurang \$13.7 juta.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyeru Kementerian ini supaya bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyemak dan mengkaji semula kawasan Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas iaitu sebahagian daripada kawasan Parlimen Balik Pulau supaya dimasukkan dalam pelan induk PERDA dengan tujuan supaya masyarakat di kawasan itu tidak akan ketinggalan dan dapat merasai kemudahan yang disedekahkan PERDA. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kawasan yang telah dipersetujui bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah Kawasan yang di luar kawasan cosmopolitan Pulau Pinang. Dan Kawasan itu adalah merupakan kawasan luar bandar di negeri Pulau Pinang. Bagi

kawasan Dewan Negeri Bayan Lepas yang dianggap termasuk di kawasan cosmopolitan, saya yakin pembangunan perumahan di kawasan itu tidak akan ditinggalkan sama ada Kerajaan Negeri mahu pun Kerajaan Pusat. Begitu juga sekiranya mendapat persetujuan Kerajaan Negeri, kita tidak ada halangan untuk memasukkan keseluruhan kawasan yang disebut tadi sebagai sebahagian daripada kawasan PERDA.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai syor-syor dan teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya akan mengambil perhatian. Mana yang difikirkan sesuai, kita akan laksanakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Kementerian Pertanian. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.15 *ptg.*

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terinia kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Sik, Kepong, Pengkalan Cepa, Kota Belud, Rantau Panjang, Sabak Bernam, Marudu, Tambun, Padang Terap, Larut, Tanah Merah, Lubuk Antu dan Marang yang telah memberi pandangan dan teguran kepada Kementerian Pertanian dalam melaksana dan menjalankan program-programnya.

Pertama saya ingin menyentuh menenai subsidi baja padi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan Sabak Bernam. Adalah tidak benar dakwaan orang tengah iaitu pembekalan dan pengedar baja padi mendapat keuntungan yang berlebihan daripada skim bantuan subsidi baja padi. Beberapa peraturan perlu dipatuhi dalam mendapatkan bekalan baja.

Kementerian Pertanian mendapat baja tunggal melalui kontrak pusat iaitu daripada kontraktor yang telah dipilih oleh Kementerian Kewangan.

Di dalam membuat pemilihan tersebut, pihak Kementerian Kewangan mengambil kira beberapa kriteria, penilaian termasuk jidar atau margin, dengan izin, keuntungan yang akan diperolehi oleh pembekal. Di dalam perlantikan pembekal baja campur pula, Kementerian berkenaan memastikan bahawa pembekal yang dipilih iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memperoleh keuntungan yang berpatutan setelah mengambil kira kos yang terlibat bermula dari peringkat penerimaan bekalan baja tunggal di Pelabuhan.

Kementerian Pertanian mendapati sistem pembahagian subsidi harga padi dan bantuan-bantuan lain yang berkaitan yang diamalkan sekarang adalah memuaskan. Oleh itu Kementerian berpandangan bahawa tidaklah perlu diperkenalkan satu sistem pembahagian yang baru. Dalam usaha mencapai matlamat pengeluaran yang lebih produktif dari berkualiti, faktor-faktor lain selain daripada sistem pembahagian subsidi bantuan jua adalah amat penting dan ditekankan seperti kesesuaian dan kesuburan tanah, benih yang sesuai dan bermutu dan penggunaan teknologi yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberi sedikit penjelasan mengenai penggunaan jentera-jentera pertanian moden untuk membantu meninggikan hasil-hasil pertanian seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Marudu. Penggunaan jentera-jentera pertanian yang sesuai memang digalakkan oleh Kementerian Pertanian dalam usaha meninggikan hasil pertanian di negara ini. Pada masa kini Kementerian ini mempunyai 10 buah pusat latihan Kejenteraan Pertanian untuk memberi latihan

ataupun kursus dalam kejenteraan ladang kepada kakitangan Jabatan Pertanian dan agensi-agensi Kerajaan berkenaan, petani-petani dan belia tani. Kursus-kursus yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) memandu operasi dan menyelenggarakan traktor dan alat-alat jentera pertanian;
- (ii) pembaikan jentera-jentera pertanian;
- (iii) teknologi kejenteraan ladang.

Program demokrasi penggunaan jentera-jentera pertanian juga dijalankan oleh Jabatan Pertanian. Dengan usaha tersebut, diharapkan tahap pengetahuan kemahiran serta minat petani-petani dalam bidang kejenteraan pertanian akan dapat dipertingkatkan.

Selain daripada itu, Kementerian ini melalui 18 buah pusat mekanisasi peladang membekalkan khidmat kejenteraan pertanian seperti membajak, menuai serta kemudahan-kemudahan pengangkutan kepada petani-petani kecil dengan kadar sewa yang menasabah. Pusat-pusat tersebut juga berupaya memberi khidmat penyelenggaraan dan pembaikan kepada jentera-jentera pertanian keupayaan petani-petani. Kemudahan untuk petani mendapatkan pinjaman bagi membeli jentera-jentera moden sememangnya telah pun sedia ada. Bank Pertanian mempunyai satu skim pinjaman jentera bagi membolehkan petani membuat pinjaman bagi membeli jentera-jentera. Pinjaman maksima yang boleh diberikan ialah sehingga 80% daripada kos jentera, manakala kadar faedah yang dikenakan ialah 4% setahun bagi petani-petani berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan dan 8% bagi petani-petani lain.

Berhubung dengan masalah tanah terbiar seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sik, Rantau

Panjang, Pengkalan Chepa dan Kota Kinabalu, ingin saya jelaskan di sini bahawa Kementerian Pertanian telah sedia maklum mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani yang menyebabkan sawah padi terbiar. Di antara sebab-sebab utama sawah tersebut tidak diusahakan ialah ketiadaan atau kekurangan kemudahan infrastruktur, kekurangan tenaga buruh dan saiz tanah yang terlalu kecil. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah pun menyusun pendekatan dan strategi yang bersesuaian bagi menjayakan program pemulihan tanah sawah terbiar dengan mengambil kira masalah rintangan yang dihadapi. Pihak Kementerian sememangnya telah pun memperkenalkan unsur-unsur pembaharuan atau permodenan di dalam usaha-usaha pemulihan tanah sawah terbiar. Sebagai contohnya ialah projek-projek pemulihan adalah digalakkan untuk diusahakan secara berkelompok atau estet mini dengan pengurusan yang moden dan sistematik. Syarikat swasta juga digalakkan untuk melibatkan diri di dalam pemulihan tanah sawah terbiar. Syarikat swasta dijangka akan mengamalkan sistem pertanian moden di dalam membangunkan tanah sawah terbiar.

Berhubung dengan tanaman padi, Kerajaan telah menetapkan bahawa tanaman ini hanya digalakkan di lahan kawasan jelapang padi. Tanah sawah terbiar tidak digalakkan diusahakan dengan padi kecuali di kawasan-kawasan yang boleh ditanam dua kali setahun, kurang bermasalah dan tidak melibatkan kos pemulihan yang tinggi. Bagi kawasan-kawasan tanah terbiar yang lain, adalah lebih ekonomik dari segi kos pemulihan dan pulangan pendapatan sekiranya kawasan-kawasan berkenaan diusahakan dengan tanaman atau aktiviti pertanian lain.

Kerajaan memang berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara tetapi tidaklah pada kos yang terlalu tinggi jika dibandingkan dengan kos mengimport beras. Beberapa kemudahan atau bantuan tertentu penyediaan infrastruktur ladangan, bantuan subsidi baja dan harga, penyelidikan dan pemasaran disediakan dalam usaha meningkatkan hasil padi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong ada mencadangkan supaya projek-projek yang melibatkan pinjaman luar negeri seperti projek Pembangunan Pertanian Bersepadu dirancang dengan teliti. Sukacita saya jelaskan di sini bahawa setiap projek Pembangunan Pertanian Bersepadu yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian sememangnya dirancang secara halusi dan teliti. Sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan, pihak Kementerian akan menjalankan terlebih dahulu kajian kemungkinan bagi menentukan dayamaju projek tersebut. Kajian ini pada kebiasaannya dikendalikan oleh perunding-perunding swasta yang berpengalaman. Pelaksanaan projek Pembangunan Pertanian Bersepadu akan hanya dipertimbangkan sekiranya kajian kemungkinan tersebut menunjukkan dayamaju yang tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari projek-projek yang telah tamat tempoh pelaksanaan infrastruktur dan projek-projek yang masih dalam pelaksanaannya, tidak ada satu pun sehingga ini yang telah menemui kegagalan. Dimaklumkan berdasarkan anggaran kos kesemua 15 projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu yang sedang berada diberbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negara, Kerajaan dijangka akan melancarkan lebih \$3,800 juta. Dari jumlah ini kira-kira \$1,270 juta atau 33% dibiayai

melalui pinjaman-pinjaman dari Bank Pembangunan Asia atau Bank Dunia. Dari pelaburan ini, Kementerian menganggarkan lebih 300,000 keluarga petani akan mendapat faedah sama ada secara langsung mahupun tidak langsung daripada pelaksanaan projek-projek ini.

Kemudahan yang minimal untuk faedah petani-petani adalah dalam bentuk program-program tebatan banjir, pembinaan sistem pengairan dan perparitan yang lebih baik, jalan-jalan pertanian dan access road untuk memudahkan pengangkutan serta pemasaran hasil-hasil pertanian dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang lebih kemas. Semua kemudahan-kemudahan ini secara bersama telah dapat menyumbangkan ke arah peningkatan produktiviti dan pendapatan serta kesejahteraan hidup petani-petani.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Bukit Mas, di antara projek-projek ini termasuklah 2 projek di Sarawak iaitu Limbangan Sungai Samarahan dan Kalaka Saribas telah mula dilaksanakan pada tahun 1986. Sebanyak \$80 juta telah diperuntukkan kepada kedua-dua projek berkenaan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyentuh sedikit mengenai masalah pemeliharaan sungai-sungai seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Larut dan Yang Berhormat dari Marang. Pemeliharaan sungai-sungai memanglah di bawah tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair, akan tetapi skop kerja pemeliharaan sungai tersangat luas dan di luar had ekonomi amali atau practical economy, dengan izin. Dengan hal yang demikian, program pemeliharaan sungai adalah ditumpukan kepada sungai-sungai utama yang boleh memberi faedah

kepada ramai penduduk dan kawasan tanah tertentu khasnya kawasan pertanian.

Pada amnya langkah-langkah yang diambil oleh JPT adalah:

- (i) mengambil tindakan-tindakan untuk mengurangkan kadar alir banjir;
- (ii) mengambil tindakan-tindakan untuk mengawal hakisan tanah sama ada di luar atau di dalam saluran sungai;
- (iii) mengukuhkan tebing sungai dan dasar sungai di mana perlu;
- (iv) membuang halangan-halangan kepada aliran air yang mana boleh memburukkan terusan sungai;
- (v) menahan lodak-lodak di tempat-tempat tertentu termasuk mengorek sungai dan membuang lodak-lodak.

Di bawah program ini, sungai-sungai tertentu di negeri-negeri dibersihkan mengikut giliran setahun hingga 5 tahun sekali bergantung kepada peruntukan kewangan di bawah Penyelenggaraan Sungai. Begitu juga dengan perbelanjaan untuk pengurusan dan penyenggaraan skim-skim perairan dan saluran JPT di mana pada masa-masa yang lampau penyelenggaraannya kurang memuaskan oleh sebab peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah terhad dan tidak mencukupi bagi membiayai kerja-kerja tersebut. Tetapi di masa-masa hadapan taraf pengurusan dan penyelenggaraan skim-skim JPT akan dikendalikan dengan lebih berkesan lagi dengan adanya bantuan daripada Kerajaan Persekutuan sepertimana yang telah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan daripada Yang Berhormat dari Sik supaya FAMA bergiat lebih agresif dalam pemasaran, saya ingin

menjelaskan di sini bahawa penglibatan FAMA secara agresif dalam pemasaran. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Marang bangun, hendak beri jalan?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Ya.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan iaitu kita dapati sungai-sungai di Pantai Timur terutamanya adalah merupakan sungai-sungai utama seperti Sungai Marang, Sungai Dungun, Sungai Besut, Sungai Mersing, Sungai Sedili dan beberapa sungai-sungai yang lain dan sungai-sungai ini adalah merupakan sungai-sungai yang tebing kiri-kanannya ataupun lembahnya mempunyai penduduk yang padat dan kebanyakan mereka adalah terdiri daripada para netayan, Malangnya, disebabkan oleh terlalu banyak timbunan-timbunan pasir, gelodak-gelodak pasir serta pengwujudan tebing-tebing pasir menyebabkan bot-bot nelayan tidak dapat masuk dan juga tidak dapat menurunkan ikan-ikan mereka pada masa-masa yang tertentu.

Sebagai contoh, terdapat satu sungai iaitu Sungai Besut, muaranya telah banyak dimendapi oleh pasir, jadi bot-bot nelayan tidak boleh masuk ke kawasan dalam. Yang terjadi pada hari ini iaitu memang ada usaha-usaha pengorekan tetapi pengorekan itu adalah terlalu mendukacitakan. Sebagai contoh, di Terengganu hanya terdapat satu bot sedang beroperasi sedangkan mendapan-mendapan pasir terlalu banyak, keperluan-keperluannya terlalu mendesak, permintaan-permintaan pengorekannya telah terlalu lama, sungatan nelayan terlalu hebat. Jadi apakah tindakan selanjutnya?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kerja maintenance, dengan izin, adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan bantuan daripada Kementerian Pertanian adalah diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk mengorek sungai-sungai tiap-tiap tahun dan pasir-pasir yang melodak di sungai-sungai ini memang tiap-tiap tahun pun ada masalah dan tiap-tiap tahun pun ada mengorek dan masalah ini tidak boleh dikawal oleh sebab. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa ada masalah-masalah dan tidak boleh mengorek. Adakah apabila pihak Kementerian menyedari bahawa sedikit peruntukan menyebabkan sukarnya untuk mengorek, disebabkan tidak ada peruntukan. Sekarang kita sedang membahaskan perkara Budget, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan peruntukan serta memfokuskan, membawa serta menarik peruntukan itu untuk mengorek sungai-sungai itu?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kementerian Pertanian ada meminta tambah lagi peruntukan untuk mengorek sungai-sungai tetapi kerana keadaan ekonomi sekarang, peruntukan ini telah dikurangkan dan pengorekan juga sudah dikurangkan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingat itu bukan penjelasan, kerana sudah berbahas di antara satu dengan lain.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya mintasedikit sahaja iaitu. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sedikit. Apa dia?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** iaitu saya pohonlah supaya keutamaan diberikan kerana menyedari bahawa keperluan nelayan-nelayan itu begitu mendesak sekali. Jadi apa salahnya walaupun keadaan yang telah dijelaskan itu kita dapat rujuk balik supaya keadaan yang mendesak itu kita perlulah selesaikan segera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat itu bukan minta penjelasan, Yang Berhormat membuat rayuan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita memanglah memberi perhatian kepada rayuan Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Sik supaya FAMA bergiat agresif dalam pemasaran, saya ingin menjelaskan di sini bahawa penglibatan FAMA secara agresif dalam pemasaran tidaklah semestinya bertumpu semata-mata kepada aktiviti pembelian, tetapi mejalui penglibatan FAMA dalam melaksanakan berbagai pendekatan seperti di atas. Sekarang ini FAMA sedang menggiatkan usaha-usaha seperti pengumpulan maklumat pemasaran, menegakkan kempen permakanan hasil-hasil pertanian, meluaskan saiz pasaran di dalam dan luar negeri, memperbanyakkan rangkaian pasar tani di seluruh negara di samping melibatkan secara terus pembelian hasil-hasil pertanian dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Pergantungan secara terus semata-mata kepada Kerajaan untuk membeli dan memasarkan hasil-hasil pertanian keluaran petani bukanlah merupakan matlamat jangka- panjang di dalam memperbaiki sistem pemasaran dan memajukan perkembangan industri sesuatu komoditi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan Kerajaan di dalam pemasaran adalah diperlukan

terutamanya di dalam strategi jangka pendek dan juga di dalam membantu petani-petani yang baru mula bertapak untuk mengusahakan bidang pertanian. Walau bagaimanapun penglibatan secara terbuka ini akan dikurangkan secara beransur-ansur yang seterusnya akan dikendalikan oleh petani-petani sendiri terutamanya di dalam bentuk pengumpulan seperti Pertubuhan Peladang Kawasan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan petani-petani di Malaysia, terutamanya di dalam bentuk pengumpulan mengendalikan pemasaran hasil pertanian secara terus sama ada di peringkat ladang dan borong, sementara pengguna-pengguna pula dijamin bekalan yang bermutu dan pada kadar harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh cadangan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang mencadangkan supaya Kerajaan berhati-hati dalam melaksanakan usaha sama penangkapan ikan di Zon Eksklusif Ekonomi Malaysia dan Thailand. Saya ingin jelaskan di sini bahawa Kerajaan tidak melaksanakan usaha sama penangkapan ikan dengan mana-mana negara asing, termasuk Thailand di perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Tetapi setakat ini hanya melaksanakan kerjasama perikanan sahaja iaitu di antara syarikat tempatan dengan syarikat di Thailand. Bidang kerjasama ini hanya meliputi "pemasaran pertukaran kepakaran dan pemindahan teknologi sahaja. Kemajuan bidang kerjasama ini adalah dikaji dari masa ke semasa untuk menentukan ianya memberi faedah kepada negara ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan cadangan-cadangan dan syor-syor kepada Kementerian Pertanian dan apa-apa cadangan. . . .

**Tuan Maidom bin Pansai:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat, ada yang bangun. Ya, sekejap.

**Tuan Maidom bin Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan hampir kepada conclusion. Namun begitu, saya merasa bahawa terdapat satu perkara, apa yang saya telah sentuh dahulu tidak ada diberi ulasan iaitu mengenai masalah yang dihadapi oleh para penjual padi di negeri Sabah, akibat pembelian padi oleh Lembaga Padi dan Beras Negara, di mana kadang-kadang wakil yang dllantik itu tidak mempunyai wang tunai dalam tangan di mana para penjual padi terpaksa membawa padi mereka balik ke rumah yang mana sebelum ini tidak pernah terjadi. Hanya apabila Lembaga Padi dan Beras Negara diwujudkan di negeri itu dan juga potongan-potongan timbangan yang begitu banyak, kadangkala sampai 20 kilo. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** 20 kilo?

**Tuan Maidom bin Pansai:** 20 kilogram, timbangan dari berat padi, katakan padi itu 1 pikul, ditolak 20 kati. Kenapa harus terjadi begitu dan itulah yang menyebabkan sebanyak sedikit melemahkan semangat para penanam padi di negeri itu dan merupakan masalah utama yang selalu di "highlight" di dalam mana-mana mesyuarat, lebih-lebih lagi dalam mana-mana pilihanraya termasuk dalam pilihanraya Parlimen yang lalu dan saya fikir dalatn jawapan tadi tidak ada disentuh dan tidak ada diberi ulasan sama sekali. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberi penjelasan. Kenapa tidak diberi ulasan, padahal itu adalah dianggap sangat penting oleh masyarakat penanam padi di negeri itu. Terima kasih.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, sistem pemasaran padi di Sabah sekarang ditimbangkan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara dan apa-apa yang dilaporkan oleh Yang Berhormat, saya boleh beri kepada pihak Lembaga Padi dan Beras Negara untuk dikaji dan disiasat. Tetapi pada petang ini saya tidak ada apa-apa jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dan saya minta maaf daripada Ahli Yang Berhormat.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada cadangan-cadangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan pihak Kementerian saya akan mengkaji dengan teliti apa-apa cadangan dan syor-syor yang disebutkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

*5.36ptg.*

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1988 ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan dasar dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan yang membina saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih. Saya juga ingin memberi ulasan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Isu perlantikan Pentadbir Kanan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhonnat dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu, Arau dan Batu Berendam, saya mengucapkan terima kasih kerana memahami dan menyokong tindakan Kementerian. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

dari Tanjong, Kepong dan Batu Gajah, saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa tindakan yang telah diambil oleh Kementerian dalam hal tersebut.

Urusan kenaikan pangkat bagi guru-guru kategori C2 adalah dibuat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat bagi guru-guru bukan siswazah yang telah ditubuhkan di bawah Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 1974, mengikut Perlembagaan Persekutuan. Mengikut aturcara Lembaga Kenaikan Pangkat syarat-syarat yang sama adalah dikenakan kepada guru-guru yang mengajar di semua sekolah tanpa mengambil kira aliran sekolah-sekolah itu. Urusan naik pangkat kali ini melibatkan 5,752 jawatan dan pihak Lembaga Kenaikan Pangkat telah bersetuju jawatan-jawatan itu diiklankan. Di dalam iklan ini telah dimasukkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh calon, termasuk syarat pegawai berkenaan mestilah juga bersetuju untuk bertukar dari sebuah sekolah kepada sebuah sekolah yang lain. Iklan ini telah dikeluarkan dalam bulan Februari, 1987. Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan lebih ramai guru-guru yang mempunyai syarat-syarat yang dikehendaki itu, satu iklan baru telah dikeluarkan pada bulan Mei tahun ini. Lembaga tidak menggalakkan kriteria-kriteria yang berbeza-beza bagi kenaikan pangkat mengikut aliran persekolahan.

Walaupun begitu disebabkan kekurangan permohonan daripada guru-guru dari Sekolah Cina, setengah daripada kriteria ini telah dilonggarkan. Walaupun demikian masih didapati banyak kekosongan jawatan di Sekolah-sekolah Cina yang telah tidak dapat diisi. Umpamanya di Wilayah Persekutuan kekosongan yang wujud bagi Sekolah-sekolah Cina ialah 126 jawatan dalam semua gred, tetapi bilangan yang memohon untuk

dipertimbangkan ialah 71 orang sahaja. Dan dalam kumpulan ini 64 orang sahaja yang mempunyai kelayakan Mandarin.

Di Melaka terdapat 63 jawatan kosong: Bilangan pemohon 66, tetapi 45 orang sahaja yang mempunyai kelayakan Mandarin.

Di Pulau Pinang terdapat 199 jawatan kosong, 133 sahaja yang berkelayakan Mandarin.

Memandangkan kepada keadaan ini Lembaga telah menghadapi persoalan sama ada hendak meninggalkan jawatan-jawatan kenaikan pangkat itu kosong atau mengisi sebahagian daripada jawatan dengan mereka yang didapati berkelayakan untuk dinaikkan pangkat, tetapi tidak mempunyai kelayakan Mandarin, pada hal kelayakan dalam bahasa Mandarin bukanlah salah satu syarat untuk naik pangkat.

Untuk memastikan supaya pengurusan sekolah berkenaan tidak terjejas, pihak Lembaga telah meluluskan perakuan memangku jawatan Penolong Kanan dan Penyelia Petang bagi guru-guru Cina yang mempunyai kelayakan mengikut Skim Perkhidmatan mereka. Di antara mereka yang dipilih, ada didapati guru-guru Cina yang boleh menguasai bahasa Cina, walaupun mereka bukanlah dari aliran itu dan mereka mempunyai pengalaman mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina lebih dari 10 tahun. Walaupun dari segi perkhidmatan sekiranya didapati guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan Mandarin apabila dihantar ke Sekolah-sekolah Cina tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan berkesan, maka kedudukan mereka akan dikaji semula sepertimana juga berlaku untuk guru-guru dari sekolah-sekolah lain. Kajian ini dilakukan bukan atas dasar desakan politik atau tuntutan,

tetapi berdasarkan laporan-laporan yang akan diterima nanti apabila kes-kes mereka dipertimbangkan untuk pengesahan dalam jawatan kenaikan pangkat.

Adalah tidak munasabah sekiranya guru-guru yang berkelayakan mengikut Skim Perkhidmatan tidak diberi kenaikan pangkat walhal jawatan kosong masih ada. Walaupun begitu memandangkan bahawa mungkin terdapat kesulitan untuk setengah-setengah daripada guru-guru menjalankan tugas. Kementerian telah seberapa yang boleh membuat penyesuaian. Adalah juga difikirkan kurang adil untuk menarik balik pemangkuan jawatan mereka semata-mata kerana mereka tidak mempunyai kelulusan bahasa Mandarin.

Patut juga dimaklumkan bahawa pada masa ini hampir semua jawatan di dalam negeri-negeri yang berkenaan sudah pun diisi. Inilah yang menyebabkan penyesuaian yang dilakukan mengambil masa dan agak lebih rumit.

Sekali lagi pihak Kementerian ingin menekankan bahawa langkah-langkah yang diambil itu adalah langkah-langkah yang sesuai dan selaras dengan peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan biasa. Walaupun kita sedia mendengar pandangan dan teguran tetapi tidaklah munasabah untuk Kementerian dituntut dan didesak untuk tunduk kepada tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah meminta Kementerian memberi perhatian yang lebih kepada pendidikan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang memberikan perhatian utama kepada pendidikan anak-anak dari luar bandar dan kanak-kanak miskin.

Sepertimana yang telah dinyatakan pendidikan adalah percuma di negara kita. Oleh yang demikian kemudahan-kemudahan diberikan di sekolah-sekolah dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pelajar sesuai dengan prinsip "Democratisation of Education", dengan izin, lebih-lebih lagi pelajar-pelajar miskin di bandar atau desa. Bilangan murid yang menikmati biasiswa ialah seramai 86,178 orang. Langkah-langkah lain diambil ialah menentukan bahawa pelajar-pelajar miskin dari luar bandar berpeluang belajar di Sekolah Asrama Penuh.

Pada setiap tahun 70% daripada pelajar yang dipilih ke Sekolah Asrama Penuh adalah pelajar-pelajar miskin dari luar bandar. Rancangan-rancangan khas telah diadakan dan sebanyak 4,150 pelajar mendapat faedah rancangan ini pada tahun 1987. Dan projek yang baru diperkenalkan ialah memastikan bahawa pelajar-pelajar yang paling miskin dari satu-satu kawasan "Hard-Core Poverty Group", dengan izin, ditempatkan di Sekolah Asrama Penuh dan ini dimulakan dengan Sekolah Menengah Sains Selangor, Cheras, mulai tahun 1988. Mereka akan terdiri dari pelajar-pelajar bumiputera termasuk Orang Asli dan juga kalangan bukan bumiputera yang miskin. Bantuan penuh akan diberikan kepada mereka untuk mengurangkan bebanan kepada ibu bapa keluarga tersebut.

Pelajar-pelajar miskin juga diberi bantuan buku teks di bawah Skim Bantuan Buku Teks. Sebanyak \$24,265,000 akan dibelanjakan untuk maksud tersebut pada tahun 1988. Begitu juga dengan Projek Makanan Tambahan dan Susu dengan tujuan memberi makanan yang berzat kepada pelajar-pelajar miskin di sekolah rendah.

Pada tahun 1987 sejumlah 260,000 pelajar mendapat faedah makanan tambahan di bawah skitn ini dan

27,300 pelajar diberikan minuman susu di bawah Program Susu Sekolah. Kedua-dua projek ini menelan belanja \$10 juta setahun.

Pelajar-pelajar miskin juga dibantu melalui beberapa rancangan lain termasuk Biasiswa Keci! Persekutuan. Pada tahun 1986 umpamanya sebanyak \$25.51 juta telah dibelanjakan untuk Biasiswa Kecil Persekutuan yang dinikmati oleh 86,178 orang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong mendakwa bahawa polarisasi kaum di Kampus Universiti adalah membimbangkan. Sepertimana yang telah kita tegaskan tahap sekarang ini walaupun kita anggap terkawal dan tidak serius tetapi pihak pentadbir universiti sentiasa berwaspada tentang perkembangan-perkembangan yang tidak sihat sekiranya berlaku lebih-lebih lagi sekiranya beberapa pimpinan politik pembangkang tertentu dibiarkan secara bebas dan berleluasa menggunakan kampus sebagai medan pertarungan dan pergelutan politik mereka.

Sebelum keadaan merebak beberapa langkah untuk membendung keadaan telah pun dilakukan melalui pimpinan universiti dengan mengenakan beberapa peraturan dan syarat terutama dengan menggalakkan kegiatan sukan, kebudayaan dan melibatkan pelajar-pelajar dalam kegiatan-kegiatan akademik yang sihat dan penyertaan dari kalangan semua kaum.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah meminta supaya Akta Universiti dan Kolej Universiti dimansuhkan supaya pentadbiran universiti bebas dari campurtangan politik. Sebenarnya ahli-ahli politik pembangkang bercakap tidak "consistant", kerana dalam satu nada mereka pertahankan kebebasan otonomi, tetapi di peringkat lain merekalah yang mencabar universiti

manakala universiti membuat peraturan-peraturan sepertimana yang berlaku dalam isu elektif universiti. Umumnya pemimpin-pemimpin pembangkang meminta supaya universiti bebas dari campurtangan politik, tetapi dalam beberapa isu tertentu mereka telah membantah tindakan bebas oleh Senat Universiti dalam menentukan beberapa peraturan termasuk syarat Bahasa Malaysia dalam isu elektif Universiti Malaya baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan penjetasan bahawa walaupun Akta Universiti dan Kolej Universiti masih kekal dan wujud tidak akan ada apa-apa juga langkah untuk membendung kegiatan dan kebebasan universiti dalam menentukan rancangan mengajar, mengadakan simposium dan seminar-seminar untuk tujuan penyelidikan atau pengajaran akademik. Kegiatan akademik akan diberikan kebebasan sepenuhnya dalam bidang penyelidikan dan juga kegiatan yang akan dihalang dan Akta ini akan hanya digunakan sekiranya berlaku tindakan-tindakan yang menjejaskan harmoni antara kaum ataupun menimbulkan ketegangan sosial lainnya.

Semasa bercakap mengenai interaksi budaya dan negara, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng telah menyatakan usaha-usaha untuk menterjemahkan karya-karya Bahasa Malaysia ke dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil dan sebaliknya sedikit sahaja dilakukan dan dianggap tidak memuaskan. Kita telah menegaskan bahawa sebenarnya perkara ini tidak dianggap mendesak kerana setelah 30 tahun merdeka patut ramai di kalangan cendekiawan dan inteligensi Cina dan Tamil dan Melayu yang harus menulis mengenai masyarakat mereka, latar belakang kehidupan mereka, budaya mereka dalam Bahasa

Malaysia dan sekiranya ini dilakukan kefahaman dan kerjasama antara kaum akan lebih dapat diwujudkan.

Dewan Bahasa dan Pustaka pernah menerbitkan buku-buku pengantar kebudayaan Cina dan India tetapi ini sudah agak lama dahulu kerana pada masa itu dianggap cendekiawan dari kaum-kaum lain tidak cukup baik penguasaan Bahasa Malaysia mereka. Keadaan sudah berubah walaupun langkah-langkah ini boleh dilakukan dan Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan perhatian untuk menterjemahkan buku-buku dari falsafah barat, timur, utara dan selatan tetapi keutamaan harus diberikan untuk menterjemahkan karya-karya besar dari budayawan itu dan tidak sekadar pengantar mengenai budaya-budaya tempatan kerana ini boleh diselenggarakan dengan baik dan berkesan oleh sarjana-sarjana tempatan sendiri.

Dan ini kita kira wajar dan mudah sekiranya pihak universiti dapat menerima syor Kementerian agar salah satu syarat sebelum seorang pensyarah dilantik menjadi profesor madya ataupun profesor menulis dalam Bahasa Malaysia ataupun menterjemahkan satu karya besar dalam Bahasa Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menekankan bahawa kajatan semula ke atas Akta Pelajaran 1961 hendaklah diadakan secara terbuka serta mengadakan Jawatankuasa Bebas yang terdiri dari wakil-wakil organisasi penting daripada semua lapisan masyarakat.

Sebenarnya, Jawatankuasa mengkaji Akta Pelajaran 1961 telah ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi daripada pelbagai bidang di Kementerian. Jawatankuasa ini mengkaji Akta secara menyeluruh dan telah meminta,

bahkan menerima pelbagai cadangan, memorandum yang dikemukakan oleh badan-badan pendidikan, pertubuhan politik, persatuan yang mewakili pelbagai kaum dan budaya, agama dan juga daripada pelbagai tapisan masyarakat.

Kesemua ini akan diambil perhatian berat dan diambil kira untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Mengkaji Akta tersebut. Oleh yang demikian, tidaklah perlu isu ini dipolitikkan dan jawatankuasa lain pula diwujudkan. Eloklah jawatankuasa ini diberikan kesempatan untuk meneliti semua pandangan-pandangan yang dikemukakan.

Kementerian ingin memberi jaminan bahawa kita akan memberikan perhatian yang adil kepada semua pandangan yang dikemukakan.

Ahli Yang Berhormat dari Marudu minta Kementerian supaya memberikan keutamaan kepada calon-calon guru dari kalangan penduduk tempatan di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah melatih orang-orang tempatan bukan sahaja di maktab-maktab di Sabah tetapi maktab-maktab di Sarawak dan Semenanjung sejak dahulu dan sejak tahun 1982 perkara ini ditingkatkan. Dalam tahun 1982 seramai 230 orang calon tempatan telah dipilih untuk mengikuti kursus perguruan di maktab-maktab. Angka ini meningkat kepada 647 bagi tahun 1987.

Dalam tahun 1984, 51 orang guru sandaran tempatan menerima kursus dalam cuti. Bagi tahun 1987 angka ini bertambah menjadi 290. Saya ingin jelaskan bahawa untuk Sabah dan Sarawak, syarat telah dilonggarkan bahkan diturunkan jika dibandingkan dengan syarat kelayakan masuk ke maktab perguruan di Semenanjung, tetapi pada hemat Kementerian tidaklah wajar untuk diturunkan

dengan begitu rendah sehingga menjejaskan prestasi guru-guru tersebut, tetapi sebagai satu dasar perkara ini telah pun dilaksanakan dan Kementerian berharap Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya dari Sabah dan Sarawak dapat mengikuti perkembangan ini secara terang dan teliti.

Ahli Yang Berhormat dari Marudu berpendapat integrasi antara guru-guru Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dengan guru-guru tempatan kurang memuaskan. Ini di antara lain beliau menjelaskan kerana elaun yang berbeza, elaun rumah dan lain-lain tidak diberi kepada guru-guru Sabah. Sukacita dinyatakan bahawa Kerajaan telah pun memutuskan untuk menyamakan kadar elaun bagi pegawai-pegawai dan guru-guru Sabah, Sarawak dan Semenanjung sama ada bertugas di Sabah, di Sarawak ataupun di Semenanjung. Surat Pekeliling untuk maksud tersebut telah pun disediakan.

Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa soal integrasi ini harus diusahakan dan ini tidak terbatas kepada guru-guru, ia juga melibatkan penyertaan dan sikap positif pemimpin-pemimpin politik Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk membantu supaya perkara ini dapat berjalan dengan baik.

Ahli Yang Berhormat dari Marudu juga bertanya tentang kedudukan guru-guru UTS. Perkaranya ini telah diberikan penjelasan berulang kali kerana tidak mungkin kita mengurangkan dan melonggarkan syarat-syarat yang biasa dalam skim perkhidmatan guru-guru lebih dahpada kelonggaran yang diberikan untuk tujuan memberikan kemudahan kepada guru-guru UTS ini. Syarat telah dilonggarkan dahulu dan pada 23hb Oktober, 1986 syarat bahasa telah dilonggarkan bagi mereka yang dilantik sebelum 1hb Ogos, 1986

daripada syarat kepujian kepada syarat lulus sahaja. Untuk menuntut lebih daripada itu adalah sukar untuk diberi pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh soal keputusan Senat Universiti Malaya mengenai bahasa pengantar dalam kursus pilihan (elective) sebagai satu sebab berlakunya ketegangan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan bahawa pendirian ini sebenarnya bertentangan dengan apa yang dibicarakan oleh pemimpin-pemimpin parti tersebut bila membahaskan isu otonomi dan kebebasan akademik universiti. Apakah yang mereka minta daripada Kementerian, untuk campur dan membatalkan keputusan Senat Universiti yang selama ini diberi kuasa dan kebijaksanaan untuk menentukan jenis kursus yang dipilih apa yang dibicarakan sebagai academic freedom, dengan izin, ataupun mereka menuntut secara paksa supaya universiti meminda sesuai dengan selera dan pandangan politik mereka. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya anggap pandangan ini bercanggah sama sekali. Ia menghairankan kerana ianya timbul dan muncul dan diperjuangkan oleh parti yang selama ini secara terus-menerus menyatakan harus ada kebebasan akademik, harus ada otonomi di universiti. Dan mereka juga menuntut supaya Menteri Pendidikan membatalkan keputusan Senat Universiti yang saya kira mustahil dapat dilakukan dan bertentangan dengan pendirian Kementerian dan Kerajaan hari ini, selama ini iaitu untuk memberikan kebebasan bagi universiti menentukan corak kursus termasuk kursus pilihan buat sesebuah universiti.

Sebenarnya, isu ini bukan suatu soal yang harus menimbulkan kegemparan kerana pengajian Cina dan Tamil tetap dipertahankan, tetap

berkembang dan tetap dianggap penting di negara kita. Pelajar-pelajar bukan sahaja di Fakulti Pengajian Cina dan Fakulti Pengajian Tamil yang dibenarkan untuk belajar dalam mata pelajaran ini tetapi pelajar diberikan kesempatan untuk belajar Bahasa-bahasa Cina, Tamil, German, Russia, Inggeris dan lain-lain di Pusat Bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sesi 86/87 kursus-kursus yang dimasukkan ke dalam Senarai Kursus Fakulti (SKF) semata-mata terserah kepada budi bicara Jabatan Pengajian. Fakulti Sastera dan Sains melalui mesyuaratnya berpendapat bahawa oleh kerana SKF (Senarai Kursus Fakulti) merupakan sekumpulan kursus-kursus yang ditawarkan oleh jabatan untuk diambil oleh pelajar-pelajar luar jabatan sebagai unit tersendiri maka kursus yang hendak dimasukkan ke dalam Senarai Kursus Pakulti hendaklah merupakan kursus yang lebih umum sifatnya, yang boleh difahami oleh pelajar-pelajar luar jabatan. SKF juga harus melambangkan keupayaan Bahasa Malaysia sebagai alat penyampaian ilmu pengetahuan, terutama sekali memandangkan pelajar-pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi tanahair selepas 1983 adalah lulusan daripada satu sistem pendidikan yang menggunakan Bahasa Malaysia.

Senat dalam mesyuaratnya pada 20hb Jun 1987 telah meluluskan syor Fakulti bahawa hanya kursus-kursus dalam Bahasa Malaysia sahaja dimasukkan dalam SKF kecuali kursus bahasa, maknanya kursus bahasa tetap dipertahankan dan dibolehkan pelajar-pelajar mengambil bahasa Cina dan Tamil. Kursus-kursus bahasa ini boleh diambil oleh sebarang pelajar sebelum kursus pilihan tanpa apa-apa sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila diteliti isu-isu dibangkitkan nyatalah bahawa pandangan-pandangan yang dibangkitkan itu

semata-mata untuk menimbulkan ketegangan antara kaum. Memang benar ia berlaku tetapi berlaku oleh kerana sikap yang tidak bertanggungjawab yang dibangkitkan oleh tokoh-tokoh ini sebelum meneliti apa yang sebenarnya berlaku dalam universiti berkenaan. Sekiranya langkah universiti itu menyebabkan pelajar-pelajar tidak boleh belajar bahasa Tamil, bahasa Cina atau apa juga bahasa yang selama dikemukakan kepada pelajar-pelajar, saya fikir bantahan ini munasabah walaupun ianya diluluskan oleh Senat Universiti. Tetapi sekiranya ia merupakan suatu peraturan, syarat-syarat biasa dalam pengendalian sebuah universiti maka sepatutnya kita menerima baik keputusan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh soal kekurangan buku ilmiah dalam Bahasa Malaysia dan justeru itu mencadangkan peruntukan lebih besar diberikan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk mengatasi masalah tersebut. Buku ilmiah yang telah diterbitkan oleh DBP ialah sebanyak 441 jodol yang merangkumi 17 bidang pelajaran. Usaha ini telah dijalankan sejak tahun 1965 dan kemajuannya meningkat terutamanya pada tahun-tahun 80an. Sejak tahun 1980 lebih kurang \$500,000 setahun diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Untuk rancangan masa depan adalah dianggarkan sebanyak 150 hingga 300 buah buku ilmiah akan diterbitkan setahun dalam bentuk karya asli atau terjemahan. Salah satu skim utama ialah Skim Pepet iaitu usahasama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan penerbit-penerbit universiti tempatan dan penerbit-penerbit penyelidikan seperti MARDI dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai telah membangkitkan soal bekalan makanan dan susu dalam rancangan. . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun minta penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka; kalau tidak silap saya, telah menerbitkan sejumlah lebih kurang 441 jodol buku-buku. Saya inginkan penjelasan bahawa adakah jumlah ini dianggap kecil atau sederhana atau banyak. Dan bagaimana pula kalau ianya dikaitkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka masih lagi dianggap sebagai penerbit yang paling lembab sekali. Jadi, macam mana kenyataan dan kedudukan itu, mohon penyelesaian.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** 441 jodol dalam masa hampir 20 tahun itu dianggap kecil terutama dalam proses pembinaan dan perkembangan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu. Sebab itulah dalam rancangan berikut kita anggarkan untuk menerbitkan sekurang-kurangnya atau di antara 150 hingga 300 buah buku ilmiah setahun. Maksudnya usaha ini akan berlipatganda. Saya juga telah menjelaskan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membaiki imejnya sepertimana yang disebutkan tadi dan langkah-langkah ini nampaknya menunjukkan hasil yang berkesan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberikan peranan untuk menerbitkan buku-buku dan juga telah ada jaminan-jaminan seperti langkah-langkah baru

kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri, adakah pihak Menteri Pendidikan cuba mencari satu jatan lain ataupun jalan keluar bagi memberikan usaha ini kepada badan-badan yang lain atau agensi-agensi lain bagi mengatasi kekurangan buku-buku ilmiah yang agak ternyata terutama di institusi-institusi pengajian tinggi.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Sebuah Jawatankuasa Dewan Bahasa dan Pustaka bersama dengan universiti-universiti tempatan telah pun diwujudkan untuk menyelaraskan dan juga mempercepatkan penerbitan buku-buku ilmiah dan ini bermakna bahawa sebahagian daripada kerja akan dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebahagian darinya akan diselenggarakan oleh universiti-universiti tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai telah membangkitkan soal bekalan makanan dan susu dan ini telah pun diberi penjelasan.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok membangkitkan soal Kampus Akademi Islam Universiti Malaya di Bachok untuk menjaga imej pendidikan Islam. Kerajaan telah pun bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan Kampus ini. Namun buat sementara ini Kampus sementara di Nilam Puri masih dianggap mampu menampung pelajar-pelajar di dalam bidang ini. Pihak Kerajaan telah pun bersetuju untuk menyegerakan sebaik sahaja difikirkan Kampus yang ada ini kurang mencukupi.

Urusan kenaikan pangkat guru telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kerai, kerana dianggap proses kenaikan pangkat ini mengambil masa yang agak lama. Kementerian mengambil berat pandangan tersebut dan sebenarnya langkah-langkah telah pun diambil dan sepertimana yang sedia diketahui kenaikan pangkat untuk peringkat sekolah rendah telah pun

diselesaikan—hampir diselesaikan kalau tidak timbul sedikit sebanyak masalah baru-baru ini. Dan kenaikan pangkat untuk peringkat sekolah menengah sedang diselenggarakan dan diharap akan diselesaikan sebelum akhir tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap membangkitkan nisbah jawatan Tingkatan Biasa dengan Tingkatan Kanan dalam Perkhidmatan Pendidikan dan dianggap nisbah ini tidak selaras dengan nisbah yang terdapat dalam Perkhidmatan Tadbir Diplomatik (PTD). Ini memang menjadi pengetahuan umum dan perkara ini telah pun dibangkitkan untuk perhatian dan pertimbangan agensi-agensi yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah merayu supaya ditubuhkan sebuah universiti perih di Sabah. Kita telah menjelaskan bahawa sebenarnya setelah dikaji secara objektif Kampus Universiti yang ada memadai dan penubuhan universiti itu selain daripada lambang dan imej sebenarnya tidak mendesak kerana mana-mana pelajar dari Sabah dan Sarawak yang layak akan diambil masuk bahkan syarat kemasukan bagi pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak adalah lebih-kurang, lebih rendah daripada syarat kemasukan ke universiti bagi pelajar-pelajar dari Semenanjung. Oleh yang demikian, yang perlu diperkukuhkan ialah sistem pendidikan pada peringkat menengah dan sebaik sahaja ini dapat dipertahankan ada calon yang cukup ramai dari Sabah dan Sarawak, eloklah dan wajarlah dipertimbangkan penubuhan universiti di Sabah ataupun di Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Sik mencadangkan supaya peruntukan besar diberikan untuk pembangunan sekolah-sekolah dan universiti tempatan. Perlulah dijelaskan bahawa walaupun negara menghadapi masalah kemelesetan ekonomi dan peruntukan kewangan terbatas tetapi peruntukan

untuk Kementerian Pendidikan tetap dipertahankan dan di antara lain ialah dengan meningkatnya peruntukan untuk universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan.

Mengenai kursus-kursus Sains Gunaan, semua institusi pengajian tinggi kecuali Universiti Utara dan Universiti Islam telah pun menjalankan kursus peringkat ijazah. Antara bidang-bidangnya ialah sains sumber alam, sains komputer dan teknologi makanan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan masalah kekurangan guru-guru bahasa, termasuk guru-guru Bahasa Malaysia. Ini telah diperbaiki dengan pengambilan guru-guru pelatih untuk opsyen bahasa, termasuk opsyen Bahasa Malaysia ditambah dari 4,861 orang pada tahun 1984 kepada 10,344 pada tahun 1986 dan 9,100 bagi tahun 1987. Di samping itu, kursus dalam cuti untuk guru-guru sandaran juga diperbanyakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pandangan dan ada beberapa aspek kecil lain yang tidak sempat disentuh, tetapi walau bagaimanapun, insya Allah, kita akan tetap memberikan perhatian yang wajar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang

Perbekalan 1988 telah dibacakan Kali Yang Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan 1988 telah dipersetujui.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul dibawa oleh seorang Menteri yang berbunyi:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1988 telah dibacakan Kali Yang Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan 1988 telah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1988 telah dibacakan Kali Yang Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan 1988 telah dipersetujui.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

6.13 ptg.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran, cadangan seterusnya membangkitkan beberapa perkara menyentuh Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan am Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Penampang supaya Kerajaan Malaysia memper-tingkatkan tawaran Filipina untuk mengadakan rondaan bersama dalam usaha menyelesaikan masalah lanun (piracy), saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia menyambut baik sebarang cadangan dan bentuk kerjasama dua hala Malaysia-Filipina setelah Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, proses pengguguran tuntutan ke atas Sabah oleh Filipina sedang dalam pertimbangan yang aktif dan serius oleh kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Filipina. Adalah diharapkan bahawa satu penyelesaian akan dapat dicapai tidak berapa lama lagi.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan bahawa terdapat tentera MNLP di Sabah, saya ingin mengulangi sekali lagi bahawa tidak terdapat sebarang tentera asing di Sabah. Apa yang terdapat adalah pendatang haram dan pelarian-pelarian Filipina. Kerajaan memberi kemudahan singgah sementara kepada pelarian-pelarian ini semata-mata berdasarkan kepada perasaan perikemanusiaan. Dalam pada itu, Kerajaan tidak menghalang mana-mana pelarian yang ingin pulang ke negara asal mereka.

Mengenai pendatang haram Filipina di Sabah, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk

menangkap, mendakwa dan mengusir keluar mereka yang dikesan. Langkah-langkah juga telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal orang-orang bersenjata, pendatang haram dan lanun di perairan Pantai Timur Sabah. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan rondaan sekatan laut serta serbuan oleh bot-bot ronda Polis Marin di kawasan strategik dan sensitif;
- (ii) menjalankan operasi khas di kawasan yang difikirkan sensitif mengikut keperluan semasa;
- (iii) menjalankan rondaan bersama dengan Unit Udara Polis sebagai "surveillance" dan bot peronda sebagai unit bertindak;
- (iv) mengadakan rondaan kordinasi dengan TLDM;
- (v) menempatkan anggota-anggota Polis Hutan di pulau-pulau strategik bagi mengawal pergerakan pengguna laut, mengumpul maklumat serta mengambil tindakan jika berlaku sebarang kejadian; dan
- (vi) menubuhkan pasukan petugas khas terdiri dari Pasukan Polis Hutan, Border Scout dan CID untuk merancang serta melancarkan operasi khas bagi membanteras kegiatan jenayah dan lanun.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Sibul berkenaan dengan dasar Kerajaan terhadap lawatan warganegara Malaysia ke Republik Rakyat China, saya ingin memaklumkan bahawa sejak pertengahan tahun 1985 lebih daripada 3,000 rakyat Malaysia telah dibenarkan melawat RRC di atas sebab-sebab ekonomi dan perdagangan. Prosedur yang dikenakan untuk lawatan-lawatan tersebut telah berjalan dengan baik dan lancar dan Kerajaan mempunyai jentera yang khusus untuk memproses

permohonan lawatan yang semakin bertambah. Masa kini terdapat kelonggaran-kelonggaran tertentu terhadap sekatan-sekatan yang dikenakan untuk melawat Negeri China. Sekatan-sekatan yang dikenakan juga mempunyai implikasi keselamatan. Sekatan-sekatan ini tidak seharusnya menjadi penghalang untuk memajukan perdagangan atau kerjasama ekonomi di antara Malaysia dengan RRC. Sekatan-sekatan ini juga tidak bermakna bahawa Kerajaan tidak yakin dengan konsep perdagangan bebas, sama ada dengan RRC mahupun dengan negara-negara lain.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah membuat teguran bahawa terdapat Jabatan-jabatan Kerajaan yang tidak mengikut peraturan dalam membelanjakan peruntukan mereka. Beliau telah merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara mengenai perbelanjaan Kementerian Luar Negeri tentang tuntutan seorang Duta Besar dalam tahun 1982. Tuan Yang di-Pertua, teguran Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai Duta Besar kita ke Indonesia mulai daripada 25hb Oktober, 1982 hingga 7hb Januari, 1985. Duta Besar tersebut semasa itu juga bertaraf Menteri Kabinet dan menikmati kemudahan dan keistimewaan untuk seorang Menteri. Laporan Ketua Audit Negara telah menyebutkan 3 tuntutan, iaitu:

- (i) tuntutan sewa hotel sebanyak \$132,751 untuk tempoh 102 hari;
- (ii) tuntutan sebanyak \$10,229 untuk bayaran makan, dhobi dan telefon untuk tempoh yang sama; dan
- (iii) tuntutan sebanyak \$52,805 untuk pengangkutan dan perjaJanan untuk lawatan Duta Besar ke Indonesia balik ke Malaysia untuk tugas-tugas sebagai seorang Menteri.

Tuntutan-tuntutan sewa hotel dan bayaran makan, dhobi dan telefon terpaksa dibuat sebab pada masa itu kediaman rasmi Duta Besar tidak sempurna didiami oleh Duta Besar. Tuntutan-tuntutan ini telah dibuat oleh Duta Besar berkenaan yang juga menikmati keistimewaan dan kemudahan sebagai Menteri Kabinet. Oleh hal yang demikian, adalah dianggap bahawa semua tuntutan yang dibuat adalah berpatutan dan kena dengan taraf beliau sebagai seorang Menteri Kabinet. Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Luar Negeri memang sentiasa mengikuti Arahan-arahan Kewangan Kerajaan serta peraturan-peraturan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan saya terhadap teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Luar Negeri. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perusahaan Awam.

*6.19ptg.*

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya yang telah membincangkan isu-isu yang menyentuh bidang kuasa Kementerian saya, terutama mengenai Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Ahli Yang Berhormat dari Sik telah meminta Kementerian Perusahaan Awam mengkaji semula syarat pemberian permit-permit teksi yang memerlukan lesen PSV, sekurang-kurangnya 3 tahun bagi bekas Pasukan Keselamatan. Ahli Yang Berhormat tersebut berpendapat adalah mustahil bagi bekas-bekas perajurit memenuhi syarat ini sedangkan keutamaan adalah diberi kepada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya memaklumkan bahawa kriteria bagi pemberian lesen teksi adalah berasaskan kepada beberapa perkara seperti berikut:

- (a) pemohon mempunyai PSV atau Sijil Perkhidmatan Kenderaan Awam;
- (b) pemohon menunjukkan kemampuan dari segi modal;
- (c) pemohon akan pandu sendiri;
- (d) pemohon berpengalaman sebagai pemandu teksi; dan
- (e) permohonan diproses mengikut keperluan pengkalan.

Kementerian saya sememangnya telah pun mengkaji semula syarat-syarat pemberian lesen teksi yang memerlukan lesen-lesen PSV. Bagi orang-orang awam keutamaan adalah diberikan kepada mereka yang memiliki lesen memandu (driving licence) serta lesen PSV tidak kurang dari 3 tahun, yang mana sebelum ini ialah lima tahun. Walau bagaimanapun, disebabkan dasar mengutamakan pemberian lesen kepada bekas-bekas perajurit, pihak Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan telah melonggarkan syarat kepada satu tahun sahaja bagi bekas perajurit, mulai daripada tarikh mereka memasuki kursus peralihan untuk persaraan.

Keperluan setiap pemegang permit mempunyai lesen PSV untuk masa yang panjang ialah kerana menentukan supaya mereka yang bertanggungjawab menyelenggarakan kenderaan awam mempunyai ciri-ciri keperibadian yang menunjukkan sifat sopan santun, beradab, berpengetahuan serta mengetahui, faham dan mematuhi undang-undang jalan raya, di samping bijak dan mengetahui selok-belok jalan-jalan raya. Mereka juga diharapkan mengamalkan sifat-sifat amanah dan bertanggungjawab supaya mereka

menjadi rakyat contoh negara ini kerana mereka inilah yang mula-mula terdedah kepada pelancong-pelancong luar negeri.

Semua sifat-sifat ini boleh ditekankan dan disuburkan semasa mereka melalui proses untuk mendapatkan lesen **BSV** ini. Walaupun perkara-perkara ini telah pun ditekankan, kita sedar masih lagi banyak langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki tingkah laku sebahagian daripada mereka yang memandu kenderaan awam itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

6.25 *ptg.*

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran, pandangan-pandangan bagi memperbaiki lagi kemudahan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Belut, Marudu, Sabak Bernam, SJK, Sibul, Bandau, Kudat, Padas dan Sepang telah membuat teguran mengenai perancangan dan pelaksanaan projek-projek untuk meningkatkan lagi taraf perkhidmatan perubatan dan kesihatan rakyat khususnya di luar bandar seperti pembinaan hospital, pusat kesihatan, klinik, dispensari, penubuhan unit-unit perubatan di hospital dan sebagainya.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan perhatian serius terhadap perkara-perkara ini. Sukacita saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan perubatan

dan kesihatan dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan telah membuat analisa secara keseluruhan mengenai keperluan kemudahan-kemudahan itu. Berdasarkan kepada analisa yang dibuat ini Kementerian Kesihatan tidak dapat memberi keutamaan kepada kebanyakan projek ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, kerana peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kelima adalah terhad. Projek-projek yang dicadangkan akan dianalisa, dirancangan dan dilaksanakan berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan projek-projek tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Marudu telah membangkitkan soal kekurangan doktor dan Pembantu Perubatan di Hospital Daerah Kudat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini daripada 13 jawatan Pembantu Perubatan di hospital itu telah dapat diisi dan 3 daripada 5 jawatan Pegawai Perubatan sahaja yang berjaya diisi. Pihak Kementerian akan menimbang pengisian jawatan-jawatan yang masih kosong di Hospital Daerah Kudat sebaik sahaja keadaan mengizinkan.

Ahli Yang Berhormat dari Marudu juga telah menyentuh soal kedudukan gaji dan kenaikan pangkat para Jururawat dan Pembantu Perubatan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kajian semula gaji bagi sesuatu perkhidmatan bukan sahaja akan mempunyai implikasi kewangan yang besar tetapi juga mempunyai implikasi terhadap lain-lain perkhidmatan Kerajaan. Buat masa ini keadaan ekonomi negara tidak mengizinkan Kerajaan untuk mengkaji semula kenaikan tanggagaji bagi kakitangan Kerajaan pada keseluruhannya.

Jawatan-jawatan kenaikan pangkat adalah diasaskan kepada norma-norma biasa perjawatan dan pengwujudan

jawatan-jawatan kanan sentiasa berlaku. Kementerian juga sentiasa memastikan bahawa urusan-urusan kenaikan pangkat disegerakan dan urusan tersebut dijalankan sepanjang masa apabila berlaku kekosongan ataupun pengwujudan jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang baru.

Ahli Yang Berhormat dari Sik telah membangkitkan masalah negara kita masih kekurangan pakar-pakar di dalam bidang perubatan. Adalah diakui bahawa pada masa ini secara keseluruhannya negara masih lagi kekurangan pakar-pakar dalam bidang perubatan. Menyedari hakikat ini, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil langkah-langkah positif untuk melatih beberapa ramai pegawai perubatannya bagi tujuan menambahkan lagi bilangan pakar perubatan.

Adalah menjadi dasar Kerajaan pada masa ini untuk menyokong kursus-kursus ijazah lanjutan dalam bidang perubatan anjuran universiti-universiti tempatan dan pegawai-pegawai perubatan ditawarkan berbagai kemudahan bagi melanjutkan pelajaran mereka tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan. Di mana perlu Kerajaan masih lagi menawarkan biasiswa luar negeri untuk tujuan yang sama. Walaupun begitu, jumlah biasiswa luar negeri yang diperuntukkan sejak dua tahun kebelakangan ini amatlah terhad bilangannya kerana keadaan kewangan negara dan juga peluang-peluang yang diwujudkan di dalam negeri.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan, khasnya dengan meminjamkan tenaga pengajar dan penggunaan kemudahan-kemudahan institusi iaitu hospital-hospital besar Kerajaan yang diiktiraf, accredited, dengan izin, untuk

membantu dalam latihan pegawai-pegawai perubatan kita untuk kursus-kursus lanjutan ataupun kursus-kursus pendek demi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sik juga telah membangkitkan masalah kekurangan bilangan pakar bius sehingga menyebabkan adanya pandangan bahawa Kementerian Kesihatan harus melatih jururawat untuk memberi bius. Memanglah tidak dinafikan bahawa pada kebiasaannya bius ini diberi oleh doktor-doktor. Amalan sekarang, ialah perkhidmatan bius di hospital-hospital di Semenanjung Malaysia disediakan oleh doktor-doktor. Walau bagaimanapun, di Sabah dan Sarawak perkhidmatan ini ada juga dijalankan oleh Pembantu-pembantu Perubatan yang terlatih di bidang bius di bawah pengawasan doktor-doktor. Kementerian Kesihatan juga mengambil berat akan tahap mutu rawatan perubatan dan dengan yang demikian telah memperkenalkan "Program Quality Assurance" untuk tujuan tersebut.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menggantikan doktor bius dengan jururawat bius (nurse—anaesthetist) memandangkan akan kepentingan peranan doktor bius dalam perkhidmatan perubatan. Sejak tahun-tahun kebelakangan ini ramai doktor telah dilatih, on the job, dengan izin, dalam bidang bius dan ramai juga dihantar ke luar negeri untuk menjalani kursus-kursus ijazah lanjutan yang berkaitan dengan bidang bius.

Ahli Yang Berhormat dari Sik juga berpendapat bahawa terdapat orang-orang tertentu yang rancak menasihati dan mempengaruhi ibu bapa, terutamanya dari kampung supaya

tidak memberi imunisasi kepada anak-anak dan bimbang ramai kanak-kanak akan mati akibat penyakit berjangkit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedar akan perkara ini dan beberapa tindakan telah pun diambil dan diteruskan untuk mengatasi masalah ini. Kementerian Kesihatan telah mengarahkan semua negeri dan daerah mengkaji liputan imunisasi dan mengenalpasti kawasan-kawasan di mana liputannya masih rendah. Beberapa kajian telah dibuat di kawasan-kawasan tertentu ini untuk mengetahui dengan lebih mendalam apakah faktor-faktor yang menghindarkan penerimaan imunisasi oleh masyarakat.

Berasaskan pendapat ini strategi-strategi tertentu telah dirangka dan dilaksanakan untuk memperluaskan liputan imunisasi. Di antara strategi-strategi yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) Pendidikan kepada masyarakat bukan sahaja oleh pekerja kesihatan, tetapi aspek ini telah juga dimasukkan dalam ceramah agama di kawasan-kawasan ini.
- (ii) Imunisasi secara kempen di kampung-kampung berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kempen di peringkat kebangsaan dan negeri yang bertajuk "Kesihatan Ibu dan Anak Dari Kacamata Islam" telah pun diadakan mulai bulan Jun 1987 di mana tekanan telah diberi kepada imunisasi dari segi Islam. Lanjutan daripada kempen ini, Jabatan Kesihatan sedang bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam di peringkat negeri dan daerah untuk meneruskan kesedaran dan pengetahuan mengenai aspek-aspek jagaan kesihatan ibu dan anak termasuklah imunisasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah menyentuh masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah

seperti kekurangan doktor, alat-alai perubatan dan bangunan-bangunan hospital. Saya tidak menahkan malali mengakui bahawa masalah kekurangan doktor masih berlaku. Pada masa ini sebanyak 3,033 dan 3,584 jawatan doktor di Kementerian Kesihatan telah dapat diisi, iaitu 84.6 peratus pencapaian pengisian. Masalah kekurangan doktor 1111 dijangka dapat diatasi dalam masa 2 atau 3 tahun lagi apabila lebih ramai siswazah-siswazah perubatan kita keluar dari universiti-universiti tempatan dan juga mereka yang pulang dari luar negeri. Masalah kekurangan doktor ini sebenarnya lebih berlaku di kalangan doktor pakar dan masalah ini akan mengambil masa yang lebih lama untuk dapat diatasi.

Mengenai kekurangan alat-alat perubatan dan bekalan yang lain dimaklumkan bahawa semua hospital daerah di Sabah sentiasa dibekalkan dengan alat-alat perubatan dan ubat-ubat yang mencukupi bagi menampung keperluan rawatan penyakit-penyakit tertentu. Walau bagaimanapun, kekurangan sementara bagi bekalan-bekalan tersebut hanya berlaku di hospital-hospital yang terletak di kawasan pedalaman yang mana disebabkan kesukaran sistem pengangkutan untuk membawa bekalan ubat daripada stor pusat di dalam keadaan cuaca yang buruk.

Ahli Yang Berhormat dan Rantau Panjang menyentuh soal rendahnya taraf kesihatan di negara kita, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar dan mencadangkan Kementerian Kesihatan membuat analisa yang lebih terperinci. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa mengutamakan perkhidmatan kesihatan yang diberi kepada penduduk-penduduk luar bandar. Melalui pejabat-pusat dan klinik-klinik kesihatan di kawasan luar bandar berbagai perkhidmatan dijalankan seperti perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak (termasuklah imunisasi, perancang

keluarga, pemakanan, kesihatan sekolah dan perbidanan di rumah); dispensari, kawalan penyakit-penyakit berjangkit, kebersihan alam sekeliling, perkhidmatan kesihatan pergigian, pendidikan kesihatan dan makmal. Pusat-pusat dan khnik-klinik kesihatan ini mempunyai alat kelengkapan yang mencukupi serta kakitangan yang terlatih.

Perkhidmatan yang disediakan ini dapat mengurangkan morbiditi dan kematian terutama di kalangan ibu dan kanak-kanak di kawasan luar bandar. Misalnya kadar kematian kasar bagi tahun 1985 adalah 5.3 dalam setiap 1,000 berbanding 4.4 dalam setiap 1,000 dalam tahun 1975. Kadar kematian neo-natal 10.65 dalam setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 1985 berbanding 20.6 dalam setiap 1,000 kelahiran hidup dalam tahun 1975. Kadar kematian bayi 15.95 dalam setiap 1,000 kelahiran hidup dalam tahun 1985 berbanding 33.2 dalam 1,000 kelahiran hidup dalam tahun 1975. Kematian kanak-kanak yang berumur 1-4 tahun ialah 1.4 dalam setiap 1,000 dalam tahun 1983 berbanding 3.1 dalam setiap 1,000 dalam tahun 1975 dan kadar kematian ibu bersalin 0.3 dalam setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 1985 berbanding 0.85 dalam setiap 1,000 kelahiran hidup dalam tahun 1975.

Kemajuan yang dicapai adalah sungguh menggalakkan. Kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang disediakan ini akan dipertingkatkan lagi dan masa ke masa untuk menurunkan lagi morbiditi dan kematian serta meningkatkan tahap kesihatan rakyat kita, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai meminta Kementerian Kesihatan menggantikan tempat-tempat dan bangunan yang sudah lama dan uzur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan memang mengawasi dan berusaha

untuk menentukan bahawa kemudahan-kemudahan sama ada dari segi bangunan ataupun peralatan sentiasa berada di tahap yang sesuai dan selesa. Kementerian Kesihatan telah memberi keutamaan untuk memperbaiki ataupun menggantikan bangunan-bangunan hospital sedia ada dan telah memperolehi \$223.7 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima khasnya untuk memperbaiki hospital-hospital. Ini merupakan 31% daripada jumlah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kelima Kementerian Kesihatan. Bagi memperbaiki, menaikkan taraf serta menambah kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar seperti klinik-klinik bidan dan pusat-pusat kesihatan sejumlah \$182.83 juta telah diperolehi dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga telah menegur bahawa terdapat pegawai-pegawai dan jururawat yang tidak mengambil berat tentang masalah pesakit-pesakit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat terhadap aduan-aduan yang diterima daripada orang-orang awam mengenai perkhidmatan dan kakitangan-kakitangan hospital dan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di hospital-hospital. Tindakan disiplin akan diambil terhadap mana-mana kakitangan yang didapati cuai menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Tetapi ingin saya menyatakan bahawa pada amnya prestasi dan sikap pegawai-pegawai di semua peringkat adalah baik.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam membangkitkan dasar pengswastaan hospital yang tidak dikendalikan dengan cekap dengan mengambil contoh tentang pengendalian Hospital Lady Templer. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengambilalih Hospital Lady Templer untuk dijadikan sebahagian daripada Hospital Besar Kuala Lumpur bagi menampung keperluan penduduk-penduduk di kawasan Cheras dan kawasan persekitaran itu. Langkah ini diambil memandangkan sektor swasta yang mengendalikan hospital ini terdahulu darinya menghadapi masalah-masalah pengurusan, kewangan dan lain-lain. Beberapa masalah dari segi undang-undang telah menghalang pembangunan dan permulaan perkhidmatan di hospital itu. Tetapi adalah diharapkan bahawa kita akan dapat mengatasi masalah-masalah ini.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tebrau bahawa cukai untuk mesin buah pinggang dihapuskan, adalah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun mengumumkan pengecualian duti import dan cukai jualan untuk mesin buah pinggang dan alat disposables dalam Ucapan Belanjawan 1988.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu meminta supaya perkhidmatan kesihatan di kawasan beliau dibaiki dan diperluaskan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Lubok Antu terdapat tiga klinik desa penuh, dua klinik desa fasa I, tiga dispensari kecil, satu klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak dan lima pasukan kesihatan kampung. Melalui kemudahan-kemudahan kesihatan ini perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan berikut dapat dijalankan seperti rawatan pesakit dalam, rawatan perubatan bagi pesakit luar, rawatan ibu dan kanak-kanak dan sebagainya. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah mencukupi dan akan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa untuk meliputi semua penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu juga meminta supaya Hospital Bandar Seri Aman diberi peruntukan agar dapat membeli tiga buah ambulans. Adalah dimaklumkan bahawa pada masa sekarang Hospital Daerah Seri Aman telah dilengkapi dengan dua buah ambulans dan tiga buah Land Cruiser.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan yang dapat saya berikan ke atas segala teguran-teguran dan pandangan yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1988. Teguran-teguran yang tersebut dan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat dijawab di Dewan yang mulia ini akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan program-program yang akan dirancang kelak oleh Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.

6.44 ptg.

**Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1988. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berhubung dengan rancangan belia peladang, peluang-peluang latihan untuk belia-belia, keruntuhan moral dan perpaduan serta pembangunan kemudahan-kemudahan sukan di bandar-bandar kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Marudu telah menyentuh mengenai program

ekonomi dan latihan Kementerian ini di negeri Sabah khususnya di kawasan Parlimen Marudu. Kementerian Belia dan Sukan sememangnya memberi perhatian terhadap negeri Sabah bagi program pembangunan ekonomi dan latihan kemahiran belia termasuk bagi kawasan Parlimen Marudu. Bagi tempoh tahun 1976 hingga 1983 sebanyak 23 projek telah diwujudkan bagi projek belia peladang yang melibatkan bantuan sebanyak \$218,211 dan 86 buah projek belia niaga serta 69 buah projek peniaga kecil melibatkan bantuan pinjaman sebanyak \$831,432 bagi tahun 1977 hingga 1985. Rancangan-rancangan tersebut telah ditangguhkan buat sementara waktu dan akan dijalankan semula pada tahun ini di bawah Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini baru-baru ini. Di samping itu, peluang-peluang juga diberi kepada belia-belia dari negeri Sabah mengikuti kursus-kursus kemahiran vokasional di pusat-pusat latihan belia di bawah Kementerian ini. Dari tahun 1981 hingga 1987 seramai 246 orang belia telah mengikuti berbagai jenis kursus kemahiran. Adalah disarankan para belia dari negeri Sabah yang berminat dalam bidang kemahiran vokasional supaya membuat permohonan apabila iklan-iklan kemasukan ke pusat-pusat latihan belia yang biasa diiklankan dalam akhbar-akhbar pada bulan April dan September setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pengkalan Chepa menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan serta Kementerian Belia dan Sukan mempunyai peranan yang besar untuk mengawasi dan merancang supaya moral rakyat tidak terdedah kepada sebarang pengaruh asing yang menjejaskan moral dan akhlak rakyat. Kementerian Belia dan Sukan memang

memberi perhatian berat atas perkara-perkara tersebut supaya para belia tidak terpengaruh dengan pengaruh asing yang negatif yang boleh menjejaskan moral dan akhlak rakyat. Di antara program-program yang dilaksanakan termasuklah konvensyen dakwah belia peringkat kebangsaan dan negeri serta seminar-seminar dakwah kepimpinan Islam peringkat negeri. Tujuan konvensyen dan seminar-seminar tersebut adalah untuk mendedah dan memberi manfaat dari segi nilai-nilai Islam kepada rakyat Malaysia khususnya para belia. Di samping melaksanakan program-program tersebut Kementerian Belia dan Sukan telah juga mewujudkan satu unit agama yang dikhaskan untuk mengendalikan program-program bercorak keagamaan. Semua kursus anjuran Kementerian ini diselitkan dengan ceramah-ceramah berunsur keagamaan. Begitu juga di pusat-pusat latihan belia di seluruh negara yang mewajibkan pelajaran agama bagi semua pelatih yang beragama Islam.

Ahli Yang Berhormat dari Sik mencadangkan bahawa Kementerian-kementerian yang mempunyai hubungan yang rapat dengan perpaduan kaum hendaklah melipatgandakan usaha bagi memupuk semangat kebangsaan dengan lebih agresif dan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang mengambil berat berkenaan dengan cadangan tersebut. Dalam konteks ini saya ingin menjelaskan bahawa di bawah Dasar Belia Negara, Kementerian berusaha untuk meningkatkan perpaduan negara, semangat kebangsaan, kesedaran, kewarganegaraan dan perasaan tanggungjawab di kalangan belia. Ke arah ini, Kementerian sedang melaksanakan beberapa program sama-sama dengan badan-badan belia, agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta. Antara program yang dilaksanakan oleh Kementerian ini termasuklah kem masa cuti, rancangan

pertukaran belia dalam negeri, rancangan orientasi desa, rancangan pengembaraan dan rancangan kelab servis. ,

Ahli Yang Berhormat dari Labuan mahukan Kerajaan menubuhkan institusi-institusi latihan untuk memberi latihan kemahiran kepada belia-belia yang menganggur. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai empat buah institusi-institusi latihan untuk melatih belia-belia di negara ini. Kemudahan pusat latihan itu sedang dan akan ditingkatkan dan diperluaskan lagi bagi membolehkan lebih ramai para belia mengikuti kursus-kursus yang sesuai. Sehubungan dengan ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan penubuhan sebuah pusat yang baru iaitu pusat latihan kemahiran tinggi untuk dibina di Sepang, Selangor Darul Ehsan. Penubuhan pusat ini akan menelan belanja sebanyak lebih kurang \$33 juta dan dijangka akan siap pada pertengahan 1989. Satu perjanjian akan ditandatangani dalam sedikit masa lagi dengan sebuah syarikat negara asing dan perjanjian ini akan melibatkan urusan counter-trade dengan negara tersebut.

Berhubung dengan bidang sukan pula, Ahli Yang Berhormat dari Marudu telah menyentuh tentang pembangunan kemudahan sukan di bandar-bandar kecil serta memohon peruntukan kompleks sukan di Kudat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembinaan kemudahan-kemudahan sukan untuk bandar-bandar kecil, Kementerian ini sememangnya mengambil perhatian yang berat dan telah membuat perancangan supaya kemudahan-kemudahan sukan itu dapat dibina di semua bandar-bandar kecil dan kawasan luar bandar supaya belia dan masyarakat dapat menggunakan masa lapang mereka dengan baik dan

menghindar mereka dari terjerumus dalam kegiatan yang tidak diinginkan. Rancangan-rancangan pembinaan kemudahan sukan tersebut telah dimasukkan dalam rancangan-rancangan 5 tahun Kerajaan. Walaupun demikian, kerana constraint peruntukan kewangan, tidak semua bandar-bandar kecil dapat diperuntukkan kemudahan sukan tersebut. Insya Allah, pada masa-masa yang akan datang semua bandar-bandar kecil termasuk Kudat akan diperuntukkan dengan kemudahan sukan tersebut apabila keadaan kewangan negara mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah mempertikaikan keputusan yang saya telah buat sebagai Menteri Besar Pahang meluluskan sebuah kawasan balak pada masa Dewan Undangan Negeri telah dibubarkan tetapi sebelum hari pengundian iaitu pada 3hb Ogos, 1986 yang lalu. Perlu dijelaskan bahawa kelulusan kawasan balak oleh seorang Menteri Besar adalah perkara biasa dan Ahli Yang Berhormat itu tidak seharusnya menimbulkan sebarang prasangka yang buruk. Dari segi kuasa pula, walaupun Dewan Undangan Negeri sudah dibubarkan tetapi kuasa Kerajaan tetap tidak berubah sehingga Kerajaan baru ditubuhkan.

Yang Berhormat dari Bagan Serai telah mendakwa bahawa saya menyokong tangkapan 3 orang EXCO Pemuda UMNO Malaysia. Saya suka menjelaskan bahawa saya dan rakan-rakan saya yang lain dalam memberi sokongan kepada pucuk pimpinan di atas penangkapan beramai-ramai di bawah ISA baru-baru ini, tidak bererti bahawa saya tidak berasa terharu dan amat bersimpati dengan nasib 3 orang EXCO Pemuda yang terlibat. EXCO Pemuda Malaysia telah memutuskan bahawa usaha-usaha untuk membebaskan mereka atau mengurangkan hukuman seberapa ringan yang boleh harus dilakukan

secara tertutup dengan menggunakan saluran parti tanpa membuat desakan secara terbuka yang akan menimbulkan persoalan yang boleh mengeruhkan suasana.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas segala pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.52 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan cadangan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa membahaskan dasar-dasar am Belanjawan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Program Khas Perumahan Kos Rendah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya ingin tegaskan bahawa dalam membuat penilaian terhadap Program ini beberapa faktor perlu diambil kira dan dipertimbangkan. Pertamanya ialah tempoh yang diambil untuk menyiapkan sesebuah projek perumahan yang pada kebiasaannya mengambil masa antara 18 hingga 24 bulan. Keduanya ialah wujudnya "element of uncertainty", dengan izin, di dalam industri perumahan, terutamanya mengenai keupayaan pembeii ekoran daripada keadaan ekonomi yang agak lembap sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Di samping itu kesesuaian tapak juga perlu dikenalpasti dan diambil kira kerana tidak guna bagi kita membina rumah di tempat-tempat di mana permintaan adalah kurang. Namun begitu, Kerajaan telah berjaya

mengenalpasti sebanyak 202,956 unit setakat ini untuk pelaksanaan daripada sasaran sebanyak 240,000 unit yang telah ditetapkan untuk tempoh 3 tahun mulai Jun 1986.

Sehingga 30hb pgos, 1987, 4,640 unit sudah siap dibina dan 34,274 unit adalah di dalam berbagai peringkat pembinaan atau awal pelaksanaan. Walaupun pencapaian ini adalah rendah berbanding dengan sasaran, tetapi ianya haruslah dilihat dari segi tempoh sebenar yang diperlukan untuk menyiapkan rumah dalam sesuatu projek. Pencapaian sebegini pada setakat ini adalah sesuatu yang dijangkakan.

Bagaimanapun, Kerajaan yakin bahawa jumlah sasaran akhirnya akan dicapai walaupun jangka masa pencapaiannya mungkin kurang tepat. Kerajaan juga sedar bahawa beberapa masalah akan dihadapi dalam mengendalikan satu program yang begini besar dan dalam keadaan di mana keupayaan pembeli juga adalah terhad, Kerajaan perlu memperkenalkan langkah-langkah yang sesuai. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bertujuan menggalakkan penyertaan pemaju swasta, menurunkan kos pembangunan perumahan dan membantu pembeli-pembeli rumah. Antara langkah-langkah yang dimaksudkan ialah:

- (i) penurunan kadar faedah kepada 8.75% ke atas pinjaman bagi pembeli rumah yang berharga \$100,000 dan ke bawah seunit;
- (ii) penurunan kadar premium bagi tukar syarat dan pecah sempadan tanah untuk tujuan perumahan;
- (iii) pengecualian bayaran ukur tanah bagi projek di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah;

- (iv) mempercepatkan kelulusan-kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan tanah;
- (v) penurunan dalam piawaian perancangan dan infrastruktur tanpa mengorbankan keselesaan dan keselamatan rumah-rumah yang dibina.

Langkah-langkah yang diperkenalkan ini adalah didapati wajar dan sesuai dalam membantu pemaju-pemaju swasta dan secara langsung mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan Program Khas ini.

Kerajaan akan terus mempertingkatkan penekanannya ke atas Program Khas ini dari segi penyelesaian isu-isu dan masalah yang dihadapi bagi menentukan pelaksanaannya berjalan dengan licin. Bantuan dan kerjasama daripada pemaju swasta, bank-bank perdagangan dan semua pihak yang berkenaan akan sentiasa diperlukan dalam usaha menayakan Program ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam dan Tambun ada membangkitkan mengenai pengenaan Cukai Jualan 5% ke atas bahan-bahan binaan. Sesungguhnya pengenaan 5% Cukai Jualan ini tidak akan memberi kesan yang mendalam ke atas pembinaan rumah kos rendah oleh kerana kos tambahan ini adalah tidak ketara. Maka saya yakin pemaju-pemaju dapat menanggung kos ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bahawa pertambahan kos terhadap rumah kos rendah akibat dari Cukai Jualan 5% adalah tidak ketara, atau dengan izin, negligible kerana kebanyakan bahan-bahan binaan yang dikenakan cukai tersebut tidak terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah. Adalah dijangkakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa berdasarkan kepada kos bahan-bahan yang digunakan untuk seunit rumah kos rendah, kos

tambahan akibat daripada Cukai Jualan ini hanya lebih kurang \$220 sahaja. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sepatutnya merasa bimbang terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga menyentuh tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak swasta dalam bidang perumahan. Suka saya sebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan memang sedar tentang masalah-masalah ini dan beberapa langkah telah diambil dalam mengatasinya.

Mengenai harga tanah umpamanya, Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun mengurangkan kadar premium bersabit dengan tukar syarat dan pecah sempadan tanah. Dalam proses-proses mendapatkan kelulusan daripada jabatan agensi Kerajaan pula, Sistem Pusat Serenti atau Jawatankuasa Khas telah juga diwujudkan di peringkat Kerajaan Negeri. Sistem ini pada keseluruhannya telah dapat mempercepatkan proses kelulusan untuk pembangunan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang bercakap mengenai bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian ini akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua teguran yang membina dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Penerangan.

7.00 mlm.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1988, beberapa orang Ahli Yang Berhormat

telah menyentuh beberapa perkara mengenai RTM dan Kementerian Penerangan. Saya memohon izin untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan itu secara am.

Ahli Yang Berhormat dari Gopeng telah menyebutkan bahawa RTM lebih menumpukan perhatian kepada kegiatan dan hal ehwal masyarakat Melayu sehingga kegiatan serta pergolakan orang-orang Cina tidak diberi Hputan yang seimbang. Saya ingin menyatakan bahawa RTM menumpukan perhatiannya kepada semua aktiviti penting yang berlaku dalam negara tanpa membezakan kaum Melayu, kaum China, kaum India dan sebagainya. Dalam pada itu masih ada rancangan-rancangan yang ditujukan khas kepada kaum-kaum tertentu bagi memenuhi keperluan perhubungan antara Kerajaan dan masyarakat. Keutamaan liputan bergantung kepada pentingnya peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam konteks pembangunan negara dan pelaksanaan Dasar-dasar Kerajaan. Oleh itu soal bersikap berat sebelah tidak timbul langsung. Jika ada perkara penting berlaku, RTM akan membuat liputan, bergantung kepada kepentingan peristiwa itu dan tidak kepada kaum yang terlibat. Ini adalah dasar yang telah diamalkan dan yang akan terus dilaksanakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kapit dan Simunjan membuat pandangan bahawa mutu siaran rancangan-rancangan RTM belum-lah begitu baik, terutamanya dari segi penerbitan dan Penyiaran rancangan-rancangan mengenai hal-ehwal Sarawak dan Sabah. Beliau meminta Kementerian Penerangan berusaha untuk mengatur lebih banyak lagi program-program tempatan dari Sarawak supaya semua rakyat Malaysia dapat mengetahui dan memahami pembangunan dan masalah-masalah di Sabah dan Sarawak. Bagi menjawabnya sukacita

saya menegaskan bahawa RTM sentiasa berusaha untuk memperbaiki lagi mutu rancangan terbitan tempatannya. Pada awal tahun 1987 terbitan di RTM 1 ialah sebanyak 60% dan di RTM 2 kandungan tempatannya mencapai 40%. Kementerian Penerangan mempunyai rancangan untuk meningkatkan terbitan rancangan tempatan di RTM 1 kepada 75% dalam tahun 1988 termasuk rancangan-rancangan tempatan daripada Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan rancangan-rancangan dari Sarawak dan Sabah, saya ingin menyatakan bahawa di dalam penjadualan bam rancangan-rancangan RTM, satu "belt", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang khas telah diwujudkan bagi rancangan-rancangan integrasi negara yang akan disiarkan pada pukul 6.30 petang hingga 7.00 petang pada tiap-tiap hari. "Belt" WS diwujudkan khas untuk memberi tempat bagi rancangan-rancangan dari Sabah dan Sarawak atau rancangan-rancangan yang tertumpu kepada meningkatkan lagi integrasi nasional. Dengan adanya "belt" ini maka rancangan-rancangan yang sedia ada, yang diterbitkan di Sabah dan Sarawak seperti "Rancangan Tinjauan", "Tropika", "Dari Sabah dan Sarawak", "Irama dan Lagu", "Sekalung Irama", "Rampai Kenyalang" dan lain-lain lagi akan dimasukkan di dalam "Belt" itu dan disiarkan sebagai rancangan-rancangan khas dan bilangan rancangan itu sendiri akan ditingkatkan lagi untuk keperluan "belt" tersebut. Ini akan menambah peluang bagi penyiaran program-program dari Sabah dan Sarawak pada kadar yang jauh lebih tinggi daripada sekarang.

Selain daripada itu RTM telah mewujudkan rancangan berita yang baru iaitu Berita Wilayah. Berita ini bertujuan membuat liputan tentang kegiatan-kegiatan serta peristiwa-peristiwa yang berlaku di tiap-tiap

negeri di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak pada tiap-tiap hari agar rakyat di seluruh negara mengetahui dengan secara langsung akan kegiatan serta peristiwa-peristiwa itu demi kepentingan negara. Liputan jua dibuat di dalam berita yang lain terutama berita nasional. Dengan hal demikian tidaklah timbul masalah rakyat Malaysia, pada keseluruhannya, untuk mengetahui dan memahami tentang kegiatan dan peristiwa-peristiwa serta masalah-masalah yang berlaku di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Jambongan telah membangkitkan bahawa filem-filem yang ditayangkan oleh Jabatan Penerangan Daerah tidak sesuai bagi tontonan penduduk-penduduk kampung kerana kebanyakan filem tidak di dalam Bahasa Kebangsaan. Bagi menjawabnya sukacita saya memaklumkan bahawa filem-filem yang ditayangkan oleh Jabatan Penerangan adalah filem-filem yang disewa daripada pembekal-pembekal tempatan. Filem-filem itu adalah untuk tayangan umum tidak kira apa ketururrannya, walaupun keutamaan diberi kepada filem-filem yang menggunakan Bahasa Kebangsaan, sesuai dengan tujuan Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat melalui penggunaan Bahasa Kebangsaan kita. Dalam pada itu filem-filem dalam bahasa lain ada juga disewa dan ditayangkan sebagai alat perhubungan dengan mereka yang belum mahir dalam Bahasa Kebangsaan. Jabatan Filem Negara dan RTM sendiri ada juga membuat filem dalam Bahasa Kebangsaan untuk ditayangkan kepada rakyat.

Oleh itu soal penayangan filem yang tidak sesuai bagi tontonan penduduk-penduduk kampung yang kebanyakannya tidak faham Bahasa Kebangsaan tidaklah timbul. Jabatan Penerangan menyiarkan berbagai-bagai jenis filem sesuai dengan

keperluan dan pemahaman pihak penonton-penonton yang berkenaan. Ahli Yang Berhormat dari Jambangan juga menyentuh tentang perlantikan pegawai-pegawai penerangan luar dan mengesyorkan supaya persetujuan wakil-wakil rakyat atau Ahli-ahli Parlimen kawasan berkenaan serta Pengerusi Barisan Nasional diperolehi atas pertantikan mereka. Saya ingin menegaskan bahawa Pegawai-pegawai Luar Jabatan Penerangan adalah dilantik atas dasar "one line vote" yang bermakna bahawa mereka adalah merupakan pegawai Persekutuan yang dilantik atas dasar kontrak. Mereka adalah ditugaskan untuk membantu Jabatan Penerangan bagi mendekati Kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan Kerajaan. Perlantikan mereka itu dibuat secara terbuka mengikut permohonan yang diterima dan kesesuaian mereka untuk ditugaskan di kawasan-kawasan tertentu. Dengan demikian soal mendapat persetujuan Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Parlimen serta Pengerusi Barisan Nasional dalam perlantikan mereka tidaklah timbul kerana pegawai yang dilantik adalah pegawai Kerajaan yang harus memenuhi syarat-syarat yang diperlukan oleh Kerajaan serta pentadbiran negara.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut telah menyentuh tentang BERNAMA dan Media Massa dan saya ingin menyatakan bahawa mengenai BERNAMA, sebarang kelemahan yang terdapat di dalam BERNAMA akan diperbaiki oleh Kementerian. Selain dari itu BERNAMA sendiri ada Majlis Penyeliaannya yang menentukan perjalanan BERNAMA pada keseluruhannya dapat memenuhi matlamat yang terkandung di dalam Akta BERNAMA sendiri.

Sebagai contohnya, Majlis Penyeliaan BERNAMA telah membuat siasatan terbuka mengenai dakwaan kononnya BERNAMA

menyiarkan berita yang tidak tepat. Keputusan Majlis Penyeliaan itu menunjukkan BERNAMA tidak bersalah walaupun ada aspek-aspek pengurusan yang boleh diperbaiki lagi. Saya mengaku akan pentingnya BERNAMA sebagai sebuah agensi yang menyalurkan berita baik daripada dalam atau daripada luar negeri demi menjaga kepentingan negara dan bangsa. Oleh itu kedudukan dan perkhidmatan yang dikendalikan oleh BERNAMA harus diperbaiki dan ditingkatkan pada setiap masa. Satu Lembaga Pengelola baru telah pun ditubuhkan untuk mengendalikan kerja-kerja BERNAMA dengan lebih berkesan lagi. Sambil itu pertimbangan sedang dibuat untuk meminda Akta BERNAMA bagi membolehkannya melaksanakan tugas-tugas dengan lebih teratur dan lebih berkesan lagi. Dalam pada itu, Kementerian Penerangan sedang memberi perhatian yang lebih serius kepada segala aspek pengurusan BERNAMA agar mutu perkhidmatannya akan dapat dipertingkatkan dan semua laporan yang dibuatnya menjadi lebih tepat dan dapat memenuhi hasrat negara dan rakyat.

Mengenai media massa, saya ingin menyebutkan bahawa akhbar-akhbar tempatan mempunyai kebebasan sesuai dengan sistem demokrasi dan dasar liberal yang diamalkan oleh negara, tetapi sistem Demokrasi dan sikap liberal Kerajaan itu ada batasannya. Oleh sebab itu akhbar-akhbar mempunyai tanggungjawab bagi menjaga imej Kerajaan dan perpaduan negara. Ia tidaklah harus menyiarkan laporan-laporan yang boleh disalah-ertikan sehingga menjejaskan imej negara dan Kerajaan serta juga merosakkan perpaduan rakyat. Seperti kita semua maklum, Kerajaan sudah pun mengambil tindakan tegas terhadap akhbar-akhbar yang tidak menunjukkan rasa tanggungjawab yang tinggi itu. Di samping itu usaha-usaha sedang

dijalankan untuk mewujudkan satu kod etika kewartawanan supaya peranan wartawan-wartawan dalam konteks pembangunan negara dan rakyat berbilang kaum akan dapat ditegaskan dengan lebih jelas dan penulisan-penulisan yang tidak bertanggungjawab dapat dihapuskan.

Pada pandangan saya akhbar-akhbar di negara ini dan wartawan-wartawan pada keseluruhannya perlulah memberi pertimbangan yang berat kepada penyiaran berita yang dapat membina dan membangunkan fikiran rakyat di samping membantu untuk memaju dan membangunkan negara supaya negara menjadi lebih stabil, progresif dan makmur lagi maju. Ini bermakna pihak akhbar tidak harus menyiarkan berita-berita yang sensasi yang boleh memecah-belahkan rakyat untuk tujuan mendapat para pembaca dan pengedaran yang besar, sungguhpun keuntungan perlu difikirkan tetapi ia tidak harus dicapai dengan mengorbankan kepentingan negara dan perpaduan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang hendak saya jawab dan saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan mengenai perjalanan Kementerian Penerangan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

*7.77 mlm.*

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Dasar Am Belanjawan 1988, dan telah memberi cadangan, pendapat serta

teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pandangan Ahli Yang Berhormat dari Gopeng tidaklah dapat dinafikan bahawa interaksi budaya itu merupakan satu proses yang amat penting dalam memupuk persefahaman dan perpaduan kaum. Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kementerian ini bukan sahaja menumpukan perhatian kepada penyelidikan, pengembangan serta pembangunan kebudayaan nasional tetapi juga menekankan kepada usaha-usaha menggalakkan interaksi budaya melalui program-program kebudayaan.

Program-program yang dirancangkan oleh Kementerian khususnya Bahagian Kebudayaan tidak hanya tertumpu pada satu-satu kaum, malahan ianya terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Masalah yang timbul ialah kekurangan penyertaan dari satu-satu kaum dalam bidang-bidang tertentu. Kekurangan penyertaan ini mungkin kerana kurangnya kefahaman dan minat atau sebab-sebab lain, walau bagaimanapun Kementerian telah mengadakan pelbagai program yang khusus untuk mendapatkan penyertaan positif dari semua kaum. Kecenderungan penglibatan pelbagai kaum juga tertumpu pada kesenian sezaman seperti di bidang seni lukis, senifoto, seni muzik, teater, senitari dan jenis-jenis kesenian semasa yang lain. Kementerian ini juga telah berusaha memupuk dan mengembangkan nilai-nilai bersama semua kaum di Malaysia ke arah membentuk Kebudayaan dan Keperibadian Malaysia. Kementerian dengan pelbagai pertubuhan telah mengadakan beberapa siri seminar, konvensyen dari masa ke semasa yang melibatkan penyertaan dari pelbagai kaum dalam usaha menerapkan konsep Kebudayaan Kebangsaan dan

tanpa membataskan unsur-unsur kebudayaan lain-lain kaum dan kebudayaan sezaman yang patut diolah terima oleh Kebudayaan Kebangsaan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memasukkan unsur-unsur kebudayaan suku kaum yang sesuai dan wajar seperti unsur-unsur dalam tarian, seni muzik, seni lukis dan lain-lain sebagai kebudayaan yang dapat diterima oleh semua kaum, kini sedang berjalan selaras dengan prinsip kedua Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Sehingga kini banyak unsur-unsur kebudayaan lain-lain kaum khususnya kaum Cina dan India telah diterima menjadi sebahagian dari Kebudayaan Nasional kita melalui interaksi budaya seperti dalam aspek nilai dan norma, makanan, perhiasan, kesenian dan sebagainya. Banyak perubahan telah dibuat oleh Kementerian ini di dalam ciri-ciri persembahan sama ada seni tari atau seni muzik dengan mengambilkira unsur-unsur misalnya dari tarian riben, unsur-unsur muzik Cina dan India dalam melihat perubahan-perubahan yang boleh merapatkan interaksi budaya dan keperibadian Kebangsaan Negara.

Kegiatan penulisan kebangsaan sama ada dalam bidang bahasa mahupun kesusasteraan adalah terbuka seluas-luasnya kepada semua kaum. Mereka yang berminat boleh menyertainya secara persendirian atau melalui badan-badan penulisan. Penglibatan penulis-penulis Cina dan India dalam aliran kesusasteraan kebangsaan amat menggalakkan.

Ada di antara mereka yang pernah memenangi hadiah-hadiah pelbagai peringkat anjuran badan-badan penulisan tanah air seperti GAPENA, PENA dan seumpamanya. Penubuhan sebuah Persatuan Sasterawan dan SENIMAN yang baru dan berbilang kaum tidaklah perlu atau difikirkan pada waktu ini kerana GAPENA dan badan-badan penulisan yang lain di

peringkat negeri adalah mempunyai matlamat yang sama dan keahliannya terbuka kepada sesiapa sahaja golongan penulis. Ini jelas menunjukkan bahawa berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian dan badan-badan sukarela kebudayaan bagi menggalakkan interaksi budaya dan mengembangkan kebudayaan negara.

Kementerian juga tidak bercadang untuk menubuhkan Unit Interaksi Budaya memandangkan unit ini dan tanggungjawab ini merupakan tugas utama Jabatan Perpaduan negara dan Kementerian hanya membantu ke arah mencapai matlamat tersebut. Jabatan berkenaan dari masa ke semasa mengatur berbagai program dan aktiviti sosial dan budaya bagi merapatkan perhubungan kaum. Konsep Rukun Tetangga dan Kejiranan, kalau benar-benar dihayati oleh masyarakat kita, bahkan sekiranya masyarakat ikut terlibat dalam aktiviti kebudayaan yang dilaksanakan oleh Jabatan itu, cita-cita perpaduan kaum akan dapat dicapai.

Kementerian tidak sekali-kali hanya menunjukan perhatian kepada penyelidikan atau pembangunan Kebudayaan Melayu dalam menggerakkan Kebudayaan Kebangsaan. Penyelidikan yang telah dibuat merangkumi segala aspek kebudayaan bukan sahaja dari segi sejarah, kebudayaan, kebendaan, nilai dan norma dan kesenian, tetapi juga kajian-kajian perbandingan tentang kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia dan nilai-nilai kebudayaan asing yang menunjukkan ciri-ciri universalnya. Apa yang harus kita bezakan ialah kebudayaan yang pelbagai tadi, misalnya dalam kesenian itu sendiri, menunjukkan kesenian tradisi dan sezaman, yang mana kesenian tradisional tertentu lebih tertumpu kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini yang diwarisi oleh masyarakat Melayu, Iban, Kadazan, Murut.

Melanau dan sebagainya, tetapi kesenian sezaman yang juga melibatkan pengaruh sains dan teknologi moden adalah melibatkan penyertaan semua pihak. Aktiviti-aktiviti yang diatur haruslah sesuai dengan strategi ke arah mencapai matlamat perpaduan, keperibadian kebangsaan dan meningkatkan kualiti kemanusiaan sebagai matlamat utama Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perpaduan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sememangnya Kementerian sedar bahawa pengaruh budaya kuning atau budaya harat yang tidak terkawal dan boleh menjejaskan akhlak dan adat resam murni rakyat terutamanya di kalangan generasi muda. Tanggungjawab membina masyarakat yang bermoral, hendaklah diingat bukanlah menjadi tanggungjawab seratus peratus Kerajaan, tetapi hendaklah bermula daripada unit kemasyarakatan yang lebih kecil seperti keluarga dan kelompok-kelompok masyarakat yang ada, menerusi badan-badan sukarela mahupun dalam aktiviti-aktiviti yang boleh memupuk persefahaman dan kerjasama di kalangan rakyat termasuklah aktiviti-aktiviti sosial, budaya dan agama.

Kementerian dalam mengatur program dan aktiviti senantiasa memberi perhatian supaya kegiatan-kegiatan budaya sihat dikembangkan termasuk usaha-usaha yang boleh memupuk nilai-nilai yang baik, progresif, dinamik, daya tahan, daya saing dan semangat kenegaraan yang kukuh di kalangan rakyat. Sesungguhnya jika dibuat pilihan yang tepat, falsafah kesenian boleh mendorong perpaduan, kemesraan, disiplin dan kekuatan rohaniah masyarakat. Kita harus rujuk kegiatan kebudayaan dalam erti dan bidangnya yang luas. Ini

bermakna kegiatan kebudayaan adalah ke arah pemupukan nilai-nilai murni yang boleh memupuk kasih sayang sesama manusia dan kecintaan pada negara, penghayatan pada kesenian yang bermutu tinggi bukan hiburan semata-mata serta mengukuhkan tradisi ilmu melalui kegiatan bahasa dan persuratan serta meningkatkan kesedaran sejarah bangsa dan sebagainya. Kerjasama Kementerian ini dengan Kementerian Pendidikan dan lain-lain agensi dari segi memupuk Kebudayaan Kebangsaan amatlah erat tetapi sebagaimana yang ditegaskan di awal tadi, tanggungjawab membina bangsa yang kuat adalah datang dari semua peringkat dan lapisan, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam di atas ingatan beliau kepada Kementerian ini supaya di dalam menggalakkan pelancongan di negara ini budaya kita janganlah dicemari atau dinodai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam usaha menarik pelancong-pelancong ke negara ini, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan memastikan bahawa unsur-unsur tarikan yang terdapat di dalam negara kita seperti pantai-pantai yang bersih, tempat-tempat peranginan seperti Bukit Fraser dan Cameron Highlands, Taman-taman Negara seperti taman Negara di Pahang dan juga di Gunung Kinabalu, pulau-pulau dan juga kebudayaan rakyat negara ini mendapat tempat yang istimewa di dalam usaha-usaha kita menarik lebih ramai pelancong. Unsur-unsur kebudayaan akan diketengahkan sebagai tarikan pelancong di dalam bentuk asalnya dan bukan untuk memuaskan kehendak segelintir kecil pelancong. Kementerian sedar bahawa sebilangan ramai pelancong mahu melihat yang asli dan ini yang akan kita usahakan. Dengan itu tidak timbul masalah

budaya itu dinodai kerana semata-mata ingin menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang saranan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Sik supaya pembangunan industri pelancongan diberikan keutamaan bagi menarik pelancong ke negara ini, Kementerian menyedari hakikat ini dan kita sedang mengatur strategi ke arah ini untuk menarik lebih ramai lagi pelancong ke Malaysia. Kita juga sedar bahawa tiap-tiap negara mempunyai tarikan tersendiri, Bagi Malaysia pula, kita akan menggunakan daya tarikan alam semula jadi dan keindahan budaya dari berbilang kaum.

Dalam hal ini beberapa program untuk menarik pelancong sedang diusahakan melalui peningkatan product pelancongan dan penyelenggaraan. Ini termasuk juga kemudahan pengangkutan, penginapan, kebersihan, keselamatan dan kemudahan-kemudahan lain untuk memenuhi citarasa pelancong-pelancong. Kementerian ini juga sedang berusaha untuk mengubahsuai Dewan Tunku Abdul Rahman supaya dijadikan Pusat Penerangan Pelancongan di mana penerangan yang kemaskini kepada pelancong akan diadakan, di samping mengutarakan pertunjukan-pertunjukan kesenian dan budaya secara berterusan. Kompleks Budaya Negara yang ada sekarang juga akan dipertingkatkan supaya latihan-latihan dan perkembangan kesenian budaya ini dapat dimajukan lagi. Usaha-usaha untuk menyelaraskan pembangunan pelancongan di peringkat negeri juga sedang dijalankan melalui penglibatan Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam Jawatankuasa Induk Pelancongan yang baru ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan dan Pelancongan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut " menyentuh mengenai usaha-usaha supaya memperkenalkan Malaysia kepada pelancong-pelancong luar negeri sebagai destinasi pelancongan di rantau ini.

Usaha ke arah ini sedang giat dijalankan untuk meningkatkan lagi kesedaran di kalangan para pelancong luar negeri terhadap Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik menerusi peningkatan aktiviti-aktiviti pemasaran di semua pasaran utama, di samping bekerjasama dengan sektor swasta, Kerajaan-kerajaan Negeri dan negara-negara jiran. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan meliputi pengiklanan, promosi, perhubungan awam dan publisiti dan penyebaran maklumat dan penerangan. Aktiviti-aktiviti ini akan dipertingkatkan lagi, di samping menambahkan lagi pasaran-pasaran yang berpotensi dan telah pun dikenalpasti untuk ditubuhkan pusat-pusat perwakilan seperti Perancis, Asia-Barat dan negara-negara Scandinavia.

Mengenai pandangan Yang Berhormat dari Padang terap, supaya diadakan kerjasama dengan negara-negara jiran untuk menarik pelancong "intra-ASEAN", Kementerian sememangnya mengadakan hubungan erat dengan negara-negara jiran bukan sahaja untuk menarik pelancong ke rantau ini tetapi juga untuk pelancongan "intra-ASEAN". Ini dijalankan melalui penglibatan Malaysia dalam aktiviti-aktiviti bersama yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai mengenai penerapan nilai-nilai budaya, saya sangat bersetuju bahawa semua peringkat dan lapisan masyarakat semestinya memberikan

perhatian kepada nilai-nilai budaya yang positif dan progresif. Banyak sekali adat resam atau nilai dan norma masyarakat kita yang harus dShayati, terutama yang bersifat positif dan membawa kemajuan. Inilah sebab-sebabnya di dalam membangunkan sebuah budaya bangsa Malaysia nilai-nilai perkauman atau nilai-nilai negatif, meski pun dari tradisi pribumi sendiri, tidak dibina sebagai sebahagian daripada nilai-nilai kebangsaan, meski pun boleh diamalkan pada peringkat kelompok masing-masing yang berhubung dengan kepercayaan atau adat resam. Manakala nilai-nilai yang boleh membentuk kecintaan kepada negara, kepada masyarakat dan keluarga hendaklah selalu ditanamkan, hormat menghormati antara satu sama lain, berdikari, cekap, bersih, sifat-sifat yang mempunyai daya tahan dan daya saing, tradisi ilmu atau sebagainya akan sentiasa didorongkan dalam program-program kebudayaan kementerian ini.

Semangat perjuangan atau budaya kerja yang tidak kenal penat lelah, kesetiaan, kesopanan atau sebagainya hendaklah diperhatikan oleh masyarakat sebagai nilai-nilai yang mesti dipupuk di kalangan generasi muda, di dalam pengurusan dan pentadbiran, di dalam pasukan-pasukan keselamatan dan pertahanan, bahkan di institusi-institusi pengajian atau jabatan-jabatan Kerajaan. Semua golongan, baik politik mahu pun bukan politik harus sedar dan insaf tentang cita-cita perpaduan sebagai salah satu matlamat kebudayaan dan nilai-nilai yang terkandung dalam Perlembagaan sebagai nilai-nilai imperative hendaklah sentiasa diutamakan. Di dalam membina budaya sihat, kita lebih mengutamakan ciri-ciri persamaan di kalangan rakyat, bukannya perbezaan-perbezaan yang boleh membawa perpecahan. Sebab itu saya menyeru supaya kita semua faham dan sedar bahawa penerapan nilai-nilai

budaya sihat hendaklah diutamakan dan menjadi amalan semua, termasuk mereka dari pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran yang membina dalam usaha untuk meningkatkan industri pelancongan negara. Kesemua teguran ini akan diambil perhatian dan diheri pertimbangan yang sewajar dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Kebajikan Masyarakat.

*7.28 mlm.*

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada beberapa perkara mengenai Kementerian Kebajikan Masyarakat di Dewan yang mulia ini.

Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah peka terhadap segala masaiah sosial yang berlaku di kalangan masyarakat kita sekarang ini dan sedang mengambil beberapa langkah untuk menghadapinya sambil terus berusaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Segala perhatian dan minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini terhadap segala masalah yang ada kaitan dengan Kebajikan Masyarakat adalah suatu petanda yang baik. Dengan pandangan dan cadangan-cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara langsung dapatlah Kementerian Kebajikan

Masyarakat menggunakannya sebagai panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada masyarakat di negara ini.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang mencadangkan supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat mengambil tindakan untuk mengadakan lebih banyak lagi pusat pemindahan seperti menggunakan Dewan-dewan atau Dewan Serbaguna, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat telah pun mengenal pasti sebanyak 1,058 buah pusat pemindahan yang boleh memuatkan seramai 820,293 orang mangsa banjir di seluruh negara.

Di Wilayah Persekutuan sahaja terdapat sebanyak 37 buah pusat pemindahan yang boleh menempatkan 17,700 orang. Kebanyakan pusat pemindahan yang dikenalpasti adalah terdiri dari sekolah-sekolah yang terletak berhampiran dengan kawasan yang sering terlibat.

Di samping menggunakan sekolah-sekolah, Kementerian Kebajikan Masyarakat juga menggunakan Dewan-dewan atau Dewan-dewan Serbaguna yang sesuai sebagai pusat pemindahan. Ini bermakna bahawa sebelum menggunakan sesuatu tempat itu sebagai pusat pemindahan, Kementerian Kebajikan Masyarakat perlu menentukan kesesuaian tempat itu khususnya dah segi kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan api, air, jumlah tandas serta kesesuaian ruang yang ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, suka saya memaklumkan bahawa tugas dan tanggungjawab Kementerian Kebajikan apabila berlaku sesuatu bencana alam seperti banjir dan sebagainya adalah dari segi menyedia

dan menyelenggara pusat pemindahan, membuat persediaan di segi bantuan makanan, pakaian dan lain-lain dan juga usaha-usaha bagi memulihkan semula mangsa-mangsa yang berkenaan.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kluang yang mencadangkan supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat menubuhkan suatu pasukan petugas untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan bertambah pesatnya bilangan kes rogol, sukacita saya maklumkan bahawa perkara ini akan diambil perhatian sewajarnya oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat di atas minat untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan perbekalan Kementerian Kebajikan Masyarakat di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya harap semua Kementerian telah habis selain daripada Kementerian Kewangan. Baiklah, Kementerian Kewangan.

7.32mlm.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhonnat di atas segala pandangan, teguran serta cadangan yang dibuat semasa membahaskan Belanjawan 1988. Pada umumnya, Belanjawan 1988 telah disambut baik oleh pelbagai pihak. Pihak Pembangkang pun tidak banyak yang menyentuh tentang Belanjawan dalam perbincangan mereka. Sebaliknya

mereka lebih menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang tidak ada sebarang kaitan secara langsung dengan Belanjawan. Seperti biasa, mereka telah membangkitkan isu-isu lama, yang sudah lapuk, yang mana Kerajaan telah beberapa kali membuat penjelasan mengenainya. Walaupun ramai dari pengkritik Kerajaan tidak ada di dalam Dewan pada petang ini, saya ingin mengambil kesempatan memberi penjelasan terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pertumbuhan ekonomi telah menarik minat beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Seperti yang telah diumumkan di dalam ucapan Belanjawan saya, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 1988 dijangka berkembang. Sebanyak 4 peratus berbanding dengan anggaran 2 peratus dalam tahun 1987. Memang diakui bahawa kadar ini adalah rendah jika dibandingkan dengan prestasi dalam tahun-tahun tujuh-puluhan. Tetapi, ini jelas menunjukkan keupayaan ekonomi untuk pulih kembali selepas mengalami prestasi yang tidak menggalakkan sejak tahun 1985. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat perbandingan antara prestasi ekonomi Malaysia dengan Thailand. Kita harus faham bahawa eksport dan hasil negara kita banyak bergantung kepada prestasi sektor petroleum. Kejatuhan harga bahan tersebut telah menjejaskan prestasi ekonomi negara. Sebaliknya, Thailand sebagai negara pengimport petroleum mendapat faedah daripada kejatuhan harga petroleum, dan penjimatan ini dapat digunakan untuk meningkatkan belanja sektor awamnya. Di samping itu, kos mengendalikan perniagaan di Thailand adalah lebih rendah, terutama kos buruh, dan ini menyebabkan banyak pelabur asing tertarik untuk melabur di negara tersebut. Oleh itu, untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif,

kita perlu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran, termasuk kos buruh.

Sektor pelancongan di Thailand juga lebih maju dari negara kita. Sektor ini memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara tersebut. Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi Malaysia dan Thailand masih bergantung kepada komoditi utama, prestasi ekonominya adalah lebih baik disebabkan faktor-faktor yang saya nyatakan tadi. Dalam pada itu, saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbaiki prestasi ekonomi negara kita. Alhamdulillah, usaha-usaha yang diambil sehingga ini telah mula menunjukkan kesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Pengkalan Chepa telah mempersoalkan mengapa pengeluaran petroleum kita perlu ditingkatkan kepada 540,000 tong sehari dalam tahun 1988 dari 494,000 tong sehari dalam tahun 1987. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mendakwa kenaikan ini dirancang semata-mata untuk memastikan negara mencapai kadar pertumbuhan 4%. Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar kerana pertumbuhan pesat yang dijangka dalam sektor perkilangan dan pertanian juga akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi lagi pada tahun 1988. Sebenarnya, jika kenaikan dalam pengeluaran petroleum adalah semata-mata untuk mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi, kita patut berbuat demikian dalam tahun 1985 apabila kadar pertumbuhan adalah negatif, dan pada tahun 1986, apabila pertumbuhan adalah lebih rendah. Kerajaan meningkatkan pengeluaran petroleum untuk mengambil kesempatan dari harga minyak yang agak kukuh pada masa ini. Pada masa yang lalu, kita telah banyak membuat pengorbanan bagi menyokong OPEC,

dengan mengurangkan pengeluaran supaya harga petroleum di pasaran antarabangsa dapat ditingkatkan. Sebenarnya kenaikan dalam pengeluaran kita adalah kecil sahaja, dan tidak akan menjejaskan harga petroleum di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang penjualan saham-saham MAS dan MISC milik Kerajaan kepada Bank Negara.

Penjualan saham-saham ini, sepertimana yang saya nyatakan dalam ucapan Belanjawan 1988, adalah merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menambahkan hasilnya. Kerajaan mempunyai pilihan sama ada menambahkan pinjaman atau menjualkan harta miliknya, seperti saham-saham untuk mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai projek-projek pembangunan. Pilihan pertama akan meningkatkan lagi hutang Kerajaan. Sebaliknya, pilihan kedua, iaitu penjualan saham-saham Kerajaan kepada Bank Negara, akan dapat mengurangkan pergantungan ke atas hutang untuk membiayai perbelanjaan. Seterusnya ia akan dapat membantu mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan, dengan mengurangkan defisit dalam akaun semasa Belanjawan.

Langkah menjual saham-saham ini juga membolehkan Kerajaan menggunakan secara tidak langsung rizab luar negeri yang tinggi, bagi membiayai projek-projek pembangunan. Rakyat tidak harus bimbang dengan perijualan saham-saham ini kepada Bank Negara kerana jika perlu, dan apabila kedudukan kewangan Kerajaan tebih kukuh, Kerajaan boleh membeli balik saham-saham tersebut.

Sukalah saya memberi jaminan di sini bahawa penjualan saham-saham MAS dan MISC kepada Bank Negara tidak akan menjejaskan peranan Bank

Negara dalam mengawasi sistem kewangan negara. Bank Negara mempunyai kepakaran dan kemampuan untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan. Ini sudah pun jelas terbukti semenjak penubuhannya. Bank Negara telah menjalankan tugas-tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan mempunyai, dengan izin, "track record" yang baik. Oleh itu, peranan Bank Negara dalam mengawasi sistem kewangan tidak sedikit pun akan terjejas selepas pembelian saham-saham itu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Pembangkang dari DAP telah membangkitkan soal keyakinan. Kerajaan memang sedar mengenai pentingnya kita mewujudkan keyakinan dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara. Dalam hal ini, pelbagai usaha telah dibuat oleh Kerajaan untuk meningkatkan keyakinan di dalam negara. Soal keyakinan ini tidak akan timbul jika pihak-pihak tertentu, terutama Pembangkang, tidak menimbulkan isu-isu sensitif dan terlalu sangat bermain politik. Malangnya di Malaysia, semua yang dilakukan oleh Kerajaan telah dijadikan isu politik, atau dengan izin, di "politicised". Tidak cukup orang politik bermain politik, badan-badan bukan politik dan individu-individu tertentu pun ingin juga masuk campur politik. Kalau inilah sikap yang diambil oleh beberapa golongan di negara kita, terutama DAP, sudah tentulah usaha-usaha kita untuk memulihkan ekonomi akan terjejas. Krisis keyakinan di negara ini, jika pun ianya wujud, adalah dicituskan oleh pihak Pembangkang yang tidak bertanggungjawab.

Bersama-sama, kita boleh mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, stabil dan maju. Sebagai negara berbilang bangsa, agama dan kebudayaan yang mengamalkan demokrasi, perpaduan adalah syarat utama ke arah

mewujudkan kestabilan dan ketahanan nasional. Kedudukan kita yang istimewa sebagai negara berbilang kaum juga menyebabkan kita sentiasa diperhati dan diteliti oleh dunia luar, terutama pelabur-pelabur asing yang sudah tentu mahukan pelaburan mereka berjaya mendatangkan hasil yang diharapkan.

Kerana memikirkan hal inilah, maka Kerajaan terpaksa bertindak tegas, terhadap sesiapa dan mana-mana pihak juga yang mengancam kestabilan negara. Kerajaan akan bertindak tegas bukan sahaja untuk mengelakkan kemungkinan berlaku sesuatu kecelakaan kepada negara, tetapi juga untuk menyelamatkan demokrasi. Kita semua sedia maklum bahawa demokrasi berguna hanya apabila keamanan dan keselamatan telah terjamin. Dalam keadaan huru-hara, demokrasi akan hancur dan digantikan oleh, dengan izin, "anarchy". Jadi tindakan yang diambil oleh Kerajaan sekarang, adalah untuk mengekalkan pemerintahan demokrasi dan menghapuskan kemungkinan negara kita terjerumus ke kancah huru-hara, seperti yang berlaku kepada begitu banyak negara di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu atas pandangan-pandangannya ketika membahaskan Belanjawan 1988. Kerajaan memang sependapat dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Presiden Majlis Peguam Malaysia tidak harus campurtangan dalam hal-hal politik. Jika mahu main politik juga, saya harap Presiden Majlis itu akan menyahut seruan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu supaya bertanding dalam pilihanraya. Sepertimana yang pernah saya katakan, biarkanlah hal-hal politik diselesaikan oleh orang-orang politik, dan pentadbiran negara diuruskan oleh Kerajaan yang telah diberi mandat oleh rakyat dalam pilihanraya untuk

memerintah negara ini. Badan-badan profesional seperti Majlis Peguam hendaklah menumpukan perhatian kepada hal-hal yang bersangkutan dengan profesion mereka sahaja. Campur tangan oleh badan-badan ini dalam hal-hal politik akan hanya menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bersetuju dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan bahawa kestabilan politik adalah asas utama menarik pelaburan asing. Keadaan yang tidak menentu tidak akan membantu menarik pelabur asing, walaupun Kerajaan menawarkan pelbagai kemudahan. Boleh dikatakan semua negara membangun berlumba-lumba menarik pelaburan asing dengan menawarkan bermacam-macam galakan. Oleh yang demikian, pelabur-pelabur akan memberi penilaian paling rapi sebelum melabur di sesebuah negara. Tetapi saya ingin menegaskan, Kerajaan sahaja tidak boleh meyakinkan pelabur untuk datang ke negara ini. Rakyat dari setiap lapisan dan golongan juga mempunyai tanggungjawab bersama untuk menjaga kestabilan negara. Oleh itu, saya ingin menyeru setiap pihak supaya melaksanakan peranan itu dengan penuh tanggungjawab bagi menentukan negara mencapai kejayaan yang lebih cemerlang di pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengadakan pelbagai insentif untuk pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur-pelabur luar negeri. Tetapi nampaknya pelabur dari luar negerilah yang lebih banyak mengambil peluang dari galakan-galakan ini. Saya harap pelabur tempatan akan berusaha dengan lebih ikhlas dan jangan semata-mata berharap kepada bantuan Kerajaan sahaja tanpa mengambil daya usaha sendiri. Janganlah mencari helah semata-mata. Tunjukkanlah cinta dan taat setia kepada negara dengan

mengambil peluang sepenuhnya dari galakan-galakan yang disediakan oleh Kerajaan,

Merujuk kepada bayaran pencen yang kian bertambah. yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, ia tidak dapat dielakkan oleh kerana bilangan pegawai sektor awam adalah terlalu besar. Kerajaan bercadang melaksanakan dasar supaya pekerja-pekerja yang baru dilantik tidak akan dibayar pencen. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengawal kenaikan dalam beban pencen ini sebelum ia menjadi beban yang lebih besar kepada kedudukan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penswastan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, sukalah saya nyatakan bahawa Kerajaan tidaklah bertujuan untuk memberi faedah kepada golongan atau kumpulan tertentu sahaja, tetapi untuk memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Seperti yang telah dijelaskan beberapa kali, ia dapat dihasilkan melalui peningkatan dalam kecekapan. Kerajaan memang membuat kajian yang mendalam sebelum sesuatu agensi atau perkhidmatan itu diswastakan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan satu unit khas di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, demi memastikan pelaksanaan penswastan dilakukan dengan berkesan dan sistematik. Kerajaan juga akan mengadakan satu pelan induk sebagai garis panduan proses penswastan di masa hadapan, supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut mencadangkan supaya keuntungan daripada proses penswastan dimasukkan ke dalam satu akaun khas untuk membantu

rakyat dan tidak digunakan bagi maksud-maksud lain. Sebenarnya hasil daripada proses penswastan adalah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Sebahagian daripada wang tersebut kemudiannya diperuntukkan untuk membiayai projek-projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Marang mencadangkan supaya jumlah pinjaman maksimum kepada peniaga-peniaga kecil melalui Perbadanan Jaminan Kredit hendaklah ditambahkan dari \$2,000 kepada \$10,000 dan tidak kepada \$3,000 seperti yang dicadangkan dalam Ucapan Belanjawan. Sukacita dimaklumkan bahawa selain daripada skim ini, terdapat satu lagi skim yang juga dikelolakan oleh Perbadanan Jaminan Kredit, iaitu skim pinjaman khas dengan jumlah pinjaman maksimum sebanyak \$50,000. Bagi mereka yang menganggap pinjaman di bawah skim untuk peniaga-peniaga kecil ini tidak mencukupi, mereka bolehlah memohon di bawah skim pinjaman khas bagi memperolehi modal yang lebih besar. Skim ini terbuka kepada syarikat-syarikat perniagaan yang mempunyai modal dan simpanan kurang dari \$250,000. Kadar faedah maksimum yang dikenakan di bawah skim ini ialah 8.75%.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mencadangkan supaya syarikat-syarikat Kerajaan yang rugi hendaklah ditutup dan Kerajaan hendaklah tidak terlibat dengan perniagaan. Ini memang menjadi pendirian Kerajaan pada masa ini. Seperti yang dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan, Kerajaan pada dasarnya tidak akan menceburkan diri dalam perniagaan, khususnya di dalam bidang di mana pihak-pihak swasta dapat memainkan peranannya. Untuk mengurangkan beban kewangan yang

ditanggung olehnya, Kerajaan akan menutup syarikat yang terus mengalami kerugian.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor supaya PETRONAS mengambilalih syarikat-syarikat yang rugi, cadangan ini adalah sukar untuk dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai kajian semula ke atas struktur cukai syarikat agar ianya setanding dengan negara-negara di rantau ini. Seperti yang saya umumkan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan sedang meneliti dan mengkaji semula struktur cukai syarikat untuk mengurangkannya secara berperingkat-peringkat. Pada masa ini Kerajaan tidak dapat memastikan ke paras mana cukai syarikat ini akan dikurangkan. Pengurangan kadar ini akan bergantung kepada kajian yang mendalam yang dibuat dan kedudukan kewangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengurangan cukai syarikat sebanyak 3% misalnya, akan melibatkan kehilangan hasil sebanyak \$253 juta setahun dan penghapusan cukai pembangunan sebanyak 5% akan melibatkan kehilangan hasil sebanyak \$359 juta. Sekiranya Kerajaan mengambil tindakan serentak untuk mengbapuskan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 3%, cukai pembangunan sebanyak 5% dan pengurangan kadar cukai syarikat ke paras 37%, kehilangan hasil kepada Kerajaan ialah sebanyak \$752 juta. Ini merupakan kehilangan hasil yang besar. Pada masa ini, Kerajaan tidak mampu berbuat demikian. Oleh yang demikian sebagai langkah pertama, cukai keuntungan berlebihan syarikat sebanyak 3% dihapuskan. Saya berharap ini akan memberi petanda yang positif kepada pihak swasta bahawa Kerajaan adalah bersungguh-sungguh dalam usahanya untuk

menggalakkan pertumbuhan dalam pelaburan swasta dan seterusnya memulihkan ekonomi negara.

Beberapa Ahli Yang Berhormat ada juga membangkitkan cukai keuntungan berlebihan 3%. Ada yang berpendapat cukai ini hanya menguntungkan syahkat-syarikat yang besar sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar hal ini. Tetapi, dengan pengurangan beban cukai, saya berharap pelaburan semula akan dapat dipertingkatkan lagi untuk membantu pemulihan ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Ramai dari Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan rasa bimbang mengenai kesan cukai jualan ke atas kos sara hidup. Saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah yang diambil untuk mengenakan semula cukai jualan atas beberapa barang makanan dan juga atas sebilangan bahan-bahan pembinaan, dijangka tidak akan mewujudkan tekanan inflasi. Selain dari itu, ia tidak akan menjejaskan kos sara hidup rakyat pada keseluruhannya, terutama yang berpendapatan rendah. Kos hidup golongan berpendapatan rendah tidak akan naik kerana barang-barang yang dicadang dikenakan cukai telah dikaji dengan teliti. Bagi barang-barang keperluan yang sekarang ini tertakluk kepada kawalan harga, sekiranya ada permohonan untuk harga kawalan ini dinaikkan kerana bahan-bahan mentahnya telah menjadi lebih mahal kerana cukai jualan, Kerajaan akan meneliti permohonan tersebut dengan mendalam sebelum menimbangkannya. Walau bagaimanapun, bilangan barang keperluan yang harganya dikawal oleh Kerajaan tidaklah besar. Dalam hubungan ini, persatuan-persatuan pengguna hendaklah memainkan peranan mereka. Jika mereka kurangkan penglibatan dalam hal-hal politik, saya percaya nasib para pengguna akan dapat dibela. Oleh itu, saya ingin menyeru mereka supaya

menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap melindungi kepentingan para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Kerajaan untuk membuat bayaran awal pinjaman luar negeri, atau dengan izin, "prepayments" dengan menggunakan rizab luar negeri, Ahli Yang Berhormat dari Kepong perlu sedar bahawa langkah Kerajaan membayar hutang luar negeri lebih awal adalah untuk mengurangkan khidmat bayaran hutang, terutamanya ke atas pinjaman-pinjaman yang tinggi kadar faedahnya. Dengan menggunakan rizab luar negeri, kita dapat membuat penjimatan sebanyak \$528 juta dalam tempoh 1988 hingga 1990. Wang yang dijimatkan ini boleh digunakan untuk faedah pembangunan. Kita tahu, kepada Pembangkang, apa saja yang kita lakukan adalah salah. Semuanya tidak betul. Jika hutang luar negeri besar, mereka kecam. Sekarang kita bayar lebih awal untuk mengurangkan jumlah hutang, mereka pun kecam kita. Jelaslah kepada kita, mereka kritik semata-mata untuk mengecam Kerajaan. Pihak Pembangkang perlu memainkan peranan membina.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat mendakwa projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan adalah membazir. Sebagaimana yang kita ketahui, projek-projek ini dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, di samping membantu menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, jika ada kes-kes spesifik mengenai pembaziran, Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah membawanya kepada perhatian Kerajaan supaya siasatan dapat dilakukan. Memandangkan sektor swasta di masa ini adalah masih lemah, Kerajaan telah mengambil keputusan meningkatkan peruntukan pembangunannya sebanyak \$2,000 juta lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima supaya kesan

kemelesetan dapat dikurangkan. Projek-projek ini dijangka memberi faedah secara langsung kepada rakyat, terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Sik telah menyatakan bahawa peruntukan pembangunan dari jumlah peruntukan keseluruhannya telah dikurangkan daripada 28.5% bagi tahun ini kepada 24% bagi tahun 1988. Memanglah dari segi peratus daripada jumlah keseluruhan anggaran perbelanjaan Kerajaan, Anggaran Pembangunan bagi tahun 1988 merupakan kira-kira 25% sahaja. Walau bagaimanapun, dari segi jumlah, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1988 adalah tebih tinggi daripada anggaran tahun 1987, iaitu sebanyak \$6,884 juta berbanding dengan \$6,673 juta, satu tambahan sebanyak \$212 juta atau 3.2%. Ini menunjukkan Kerajaan terus memberi perhatian berat kepada pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk faedah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar masih terdapat beberapa tempat di kawasan-kawasan luar bandar yang memerlukan perhatian supaya dapat diadakan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan lain-lain. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara ini, saya ingin menyatakan bahawa usaha-usaha pembangunan Kerajaan adalah terhad kepada kemampuan kewangan yang ada. Kerajaan tidak berkeupayaan melaksanakan semua projek tersebut secara sekaligus. Kepentingan dan keutamaan di bidang lain perlu juga diberikan perhatian. Peruntukan yang dicadangkan bagi tahun 1988 sudah tentu tidak dapat memenuhi kesemua permintaan. Adalah mustahil bagi Kerajaan dapat memenuhi kesemua keperluan dalam tempoh satu tahun dengan kemampuan kewangan yang terhad. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat supaya bersabar. Insya Allah, apabila

ekonomi negara pulih, kita akan dapat memperuntukkan lebih banyak wang untuk projek-projek pembangunan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat dari Sabah telah menggesa Kerajaan Pusat menambah peruntukan pembangunan bagi negeri itu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1988, perbelanjaan sebanyak \$781.4 juta telah dicadangkan bagi negeri Sabah. Peruntukan yang dicadangkan itu adalah tinggi dan selaras dengan kedudukan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi antarabangsa menunjukkan tanda-tanda pemulihan, Berikutan itu, permintaan terhadap keluaran pertanian dan perkilangan turut meningkat. Walaupun harga-harga barangan telah meningkat, kita tidak boleh bergantung kepada keluaran dan pasaran yang sedia ada. Oleh itu, Kerajaan sedang berusaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara dan akan terus mencari pasaran-pasaran baru untuk keluaran kita.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa tanggungjawab utama Kerajaan sekarang ialah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Untuk menjayakan matlamat ini, kerjasama semua pihak adalah diperlukan.

Ketika negara memerlukan segala usaha dan tenaga ke arah mengukuhkan kedudukan ekonomi, kita tidak harus mengambil tindakan yang boleh mengancam dan menggagalkan usaha-usaha ini. Kita juga tidak patut menimbulkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kesan negatif ke atas ekonomi negara. Sebarang tindakan yang menjejaskan keyakinan dan kepentingan negara hanya akan menyulitkan usaha-usaha Kerajaan untuk memulihkan ekonomi dan melewati lagi pencapaian pertumbuhan yang lebih tinggi.

Seperti yang telah saya nyatakan, negara mempunyai potensi untuk berkembang dengan pesat lagi di masa hadapan. Saya yakin, dengan adanya kerjasama dari semua pihak, termasuk dari usahawan-usahawan tempatan untuk meningkatkan produktiviti dan persaingan, maka usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah bagi kita semua memelihara keamanan dan kestabilan politik negara. Ini adalah pra-syarat utama kepada kemajuan negara. Di pihak Kerajaan, kita akan melaksanakan tanggungjawabnya dengan tegas bagi memastikan rakyat di negara ini terus hidup dalam keadaan aman dan damai. Kerajaan akan mempertahankan sistem demokrasi berparlimen. Kita telah menghadapi pelbagai cabaran semenjak negara mencapai kemerdekaan. Semua ini telah dapat diatasi dan kita yakin akan dapat terus menghadapi pelbagai cabaran di masa hadapan. Oleh itu, sistem pemerintahan yang ada sekarang akan dikekalkan. Kerajaan Barisan Nasional adalah adil dan saksama, sebuah Kerajaan yang mengutamakan kepentingan rakyat dan negara dari segala-galanya.

Kita bukan mengamalkan sistem pemerintahan "kuku besi" seperti yang didakwa oleh beberapa pihak yang mempunyai niat jahat dan memang irihati dengan kejayaan kita. Jika benar kita "memerintah kuku besi", kenapa kita ada Parlimen, ada pilihanraya dan pelbagai kebebasan? Jika benar kita amalkan sistem, dengan izin, dictatorship, mengapa DAP sebuah parti ekstremis tidak diharamkan? Kita ada kebebasan bersuara, tetapi dalam sebuah negara berbilang kaum dan agama, perlu ada had-had dan batas-batas.

Oleh itu, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melampaui batas. Jika kita semua tidak terkeluar dari batas-batas ini, insya Allah, rakyat Malaysia akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan dapat hidup dalam keadaan aman, sejahtera dan bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di atas nama Yang Berhonnat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.58 malam.*